

"SEBELUM Al-Quran turun, manusia di dalam kancan kesengsaraan. Kehidupan adalah umpama haiwan, di mana yang kuat memangsakan yang lemah dan yang kaya menindas yang miskin." - Titah sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1425 Hijrah/2004 Masihi pada 3 Ogos 2004.

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"WAHA! orang-orang yang beriman mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak lakukan. Amat besar kebenciannya di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya." - Surah Ash-Shaff ayat 2 dan 3.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meninjau sebuah bahagian di Kementerian Perhubungan.

Kebawah DYMM berangkat ke Kementerian Perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat melawat ke Kementerian Perhubungan di Jalan Menteri Besar.

Keberangkatan lawatan baginda antara lain bagi melihat secara dekat kemajuan jentera pentadbiran kerajaan terutama peranan kementerian berkenaan yang berkait rapat dengan orang ramai.

Atur cara keberangkatan bermula dengan sembah taklimat oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Dimuliakan Pehin

Oleh Haji Ahat HI

Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah disusuli sesi soal jawab tertutup.

Antara tanggungjawab Kementerian Perhubungan ialah merancang, mewujudkan dan mengembangkan industri pengangkutan yang meliputi maritim, darat dan udara serta industri perhubungan.

Kementerian Perhubungan juga bertanggungjawab terhadap bidang telekomunikasi dan perkhidmatan pos dunia sebagai salah satu komitmennya untuk memenuhi kehendak negara.

Selaras dengan misi kementerian tersebut Menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan Masyarakat Global dan era maklumat melalui perhu-

bugan dan pengangkutan yang bersepadu dan dinamik.

Antara fungsi Kementerian Perhubungan untuk membuat persiapan dan mengemaskinikan undang-undang dan peraturan negara melalui perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai dengan mudah, cepat, selamat, jujur dan memuaskan serta menubuhkan iklim pertumbuhan perindustrian yang kompetitif dan kondusif, selain memperluaskan dan mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan-jabatan di bawahnya.

Dalam lawatan itu juga baginda berpeluang menyaksikan secara dekat tugas-tugas yang dijalankan oleh setiap bahagian kementerian tersebut selain beramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Al-Quran mampu menerangi jalan kehidupan yang berliku-liku
- Muka 2

Kepercayaan, kebolehharian bahan utama tanai integrasi Perkhidmatan Awam
- Muka 3

Bincang kerjasama ekonomi, persidangan
- Muka 7

Sukan untuk riadah, kecemerlangan dan ekonomi
- Muka 2 ANEKA

Larangan rokok dan merokok
- Muka 4 ANEKA

Obesiti
- Muka 7 ANEKA

Tingkatkan budaya membaca
- Muka 8 ANEKA

Mekanisme penting dalam pentadbiran kerajaan
- Muka 10 ANEKA

TAHUKAH AWDA

ENSIKLOPEDIA dimaksudkan sebagai rujukan yang mencakupi seluruh pengetahuan paling mutakhir sesuai dengan namanya yang berasal daripada akar kata bahasa Yunani, *enkykliospaideia* yang bererti pengajaran menyeluruh. Speusippus (407-339 S.M.), anak saudara Plato, seorang ahli falsafah Greek disebut-sebut sebagai orang yang pertama menyusun ensiklopedia pada sekitar tahun 350 S.M. - Sumber : *Shaharom TM Sulaiman, Salasiah Abd Wahab. Keanehan dan Keunggulan Buku. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (2002: 15).*

Peranan wanita tidak boleh dipandang rendah

BERAKAS, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bertitah, semua pihak hendaklah memberi sokongan sepenuhnya kepada ibu-ibu dan suri rumah tangga kerana mereka sebenarnya adalah wirawati yang berjuang hari demi hari untuk kebaikan masyarakat, bangsa dan negara.

Baginda bertitah demikian di Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah Pameran Urusan Rumah Tangga 2004 bagi Daerah Brunei dan Muara di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Baginda seterusnya bertitah, kaum wanita sebagai ibu dan suri rumah tangga merupakan pelindung dan pembentuk kepada anak-anak mereka, justeru itu

Oleh Siti Aishah HS

peranan wanita dalam memastikan kejayaan masyarakat pada masa kini dan akan datang, tidak boleh sama sekali dipandang rendah.

Titah baginda lagi, usaha seharian para suri rumah tangga yang bertanggungjawab untuk mengatur keharmonian keluarga dan rumah tangga mereka, sedikit sebanyak memberi sumbangan yang sangat bermakna kepada keharmonian masyarakat kita, apatah lagi di zaman moden, pelbagai cabaran dan cubaan kepada kita dan anak-anak kita serta kaum belia dari segi rohani dan jasmani.

Baginda juga bertitah bahawa keluarga merupa-

kan teras atau batu asas masyarakat dari mana datangnya proses menjalin individu yang bakal mewarnai corak kehidupan masyarakat masa hadapan.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthun Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Majlis anjuran Perutusan PERTIWI Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu acara sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang pemenang Pameran Urusan Rumah Tangga 2004.



24 جمادى الآخرة 1425 BERSAMAAN 2004 OGOS 11

JANGAN PINGGIRKAN AL-QURAN

TIDAK syak lagi Al-Quran merupakan suluh yang mampu menerangi jalan kehidupan yang berliku-liku dan penuh cabaran masa kini. Al-Quran tetap dan menjadi panduan yang tidak ada tolok bandingnya dalam kita menghadapi samudera kehidupan. Pendek kata, apa pun pekerjaan yang kita lakukan hendaklah kita jangan lari daripada ajaran-ajaran Al-Quran. Insha-Allah dengan itu kita bukan sahaja beroleh rahmat dan keberkatan tetapi dalam waktu yang sama memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Begitulah kekuatan Al-Quran yang tiada siapa boleh menyangkal akan kehebatannya. Bahkan ianya juga merupakan kunci dan punca kekuatan yang menjadi benteng umat Islam, di samping memberikan panduan dalam segala segi dan menjadi bahan bacaan yang mendatangkan pahala serta penawar kepada pelbagai penyakit. Justeru itu, Al-Quran mesti dihayati dan didampingi sentiasa dalam usaha membina kekuatan diri sebagai umat Islam daripada musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari jalan bagi melemahkan kesatuan Islam.

Tetapi apa yang mendukacitakan dunia lebih-lebih lagi dunia Islam semakin gelap. Orang-orang Islam dan negara Islam kini semakin lemah dan tidak bermaya. Islam dipertingkatkan dan dikotakkan oleh musuh-musuh Islam yang sentiasa menyerang Islam dari pelbagai penjuru. Akibatnya Islam lemah dan kehilangan 'taring' untuk berdepan dengan musuh-musuh Islam. Mengapakah ini terjadi? Jawapannya ialah kerana Al-Quran telah dpinggirkan. Malahan orang-orang Islam sendiri sudah jauh daripada Al-Quran. Ajarannya tidak lagi berjalan dalam kehidupan tetapi sudah banyak menyimpang dan dilupakan sehingga menimbulkan kekufuran di mana-mana.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam hal ini telah menyeru umat Islam di negara ini agar sentiasa mendampingi Al-Quran. Menghayati ajaran-ajarannya dan mengamalkan selalu dalam apa-apa jua pekerjaan dan urusan lebih-lebih lagi urusan mentadbir negara. Diyakini dengan menghayati Al-Quran, rahmat dan berkat pasti datang mencurah-curah, kemewahan dan kesenangan datang melimpah-ruah. Itu janji Allah kepada hamba-Nya yang sentiasa berdamping dengan Al-Quran serta ajaran-ajarannya.

Baginda bertitah, tidak ada suluh lain yang mampu menerangi kehidupan yang penuh dengan pelbagai cabaran melainkan Al-Quran sahaja. Maka untuk itu baginda pernah menitahkan dengan menekankan supaya pembacaan Al-Quran dijadikan salah satu wawasan negara. Niat baginda yang murni itu sepatutnya mendapat respon daripada umat Islam bagi membawa negara kita terus dilimpahi rahmat dan hidayat daripada Allah serta sentiasa aman makmur dan sejahtera. Inilah yang kita inginkan dan cari selama ini iaitu bagi mendapat perlindungan dan inayah daripada Allah jua.

Dalam pada itu, sebagai umat Islam kita jangan sekali-kali terpedaya dan terpengaruh terhadap apa-apa jua propaganda yang cuba menyentuh kemurnian Al-Quran serta Hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Buktinya nyata, pergolakan dunia yang kucar-kacir sekarang adalah kerana berpunca daripada kehidupan manusia tidak mengendahkan ajaran Al-Quran. Manusia lebih suka membuat hukum sendiri yang akhirnya membawa kepada malapetaka dan penderitaan. Rentetan sejarah ini perlu kita jadikan iktibar dan pedoman yang amat berguna dalam kita menentukan hala tuju hidup yang lebih bermakna dan diridai oleh Allah.

Al-Quran tetap merupakan sumber rujukan dan panduan bagi manusia. Hukum-hakam dalam Al-Quran amatlah sesuai sampai bila-bila. Dari itu selaku umat Islam, kita tidak sepatutnya bersikap dingin dan tertutup terhadap Al-Quran, tetapi sebaliknya menjadikan Al-Quran cermin dalam kita menghadapi kehidupan yang penuh dengan pelbagai cabaran. Al-Quran ternyata membawa rahmat dan berkat serta cahaya yang mampu menerangi serta menjamin kesejahteraan kehidupan di dunia dan akhirat. Pokoknya dalam kita mencapai semua itu, Al-Quran jangan dpinggirkan tetapi sentiasa mendampingi sebagai bekalan mengharungi kehidupan duniawi.

HALUAN...

AL-QURAN MAMPU MENERANGI JALAN KEHIDUPAN YANG BERLIKU-LIKU

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Kita bersyukur, dengan berkat Al-Quran yang mulia dapatlah kita berkumpul pada malam ini untuk menghayati bacaan-bacaannya.

Al-Quran telah turun lebih dari seribu tahun yang lampau. Ia membawa keberkatan, bukan sahaja kepada umat Islam, malahan juga kepada alam seluruhnya. Dengan ajaran-ajarannya, manusia telah menikmati apa-apa yang belum pernah dirasai sebelumnya.

Sebelum Al-Quran turun, manusia berada di dalam kancas kesengsaraan. Kehidupan adalah umpama haiwan, di mana yang kuat memangsakan yang lemah dan yang kaya menindas yang miskin.

Pendeknya, keadilan dan kemanusiaan tidaklah ternama pada masa itu. Yang ternama ialah kekufuran dan kezaliman, yang telah diwarisi dari semenjak zaman-berzaman sebelum Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lagi.

Satu contoh kekufuran paling teruk ialah pada zaman Nabi Noh Alaihissalam, di mana dakwah adalah benar-benar tidak laku, ditolak oleh kaum Baginda yang degil. Walaupun seruan begitu lama dijalankan, melebihi masa 900 tahun, namun yang mahu tunduk mengikut Baginda cuma dalam lingkungan tidak sampai 200 orang.

Demikian pula satu contoh tentang kezaliman, ialah di zaman Nabi Musa Alaihissalam yang telah menampilkan seorang penguasa kejam - Firaun yang bukan sahaja menyenangi darah, malahan juga menobatkan dirinya sendiri sebagai Tuhan.

Inilah fenomena-fenomena hitam yang menghantui dunia terus-menerus sampai ke zaman Nabi dan Rasul terakhir, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda pun tidak terkecuali dari menghadapi kerenah-kerenah kaum kufur dan zalim itu.

Sehinggalah Al-Quran diturunkan. Ia merubah keadaan dan suasana sedikit demi sedikit. Mukjizat dan keberkatannya benar-benar menjadikan manusia dan dunia ini berubah.

Sebagai contohnya, lihat sahaja kepada Sayyidina Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu. Bukankah beliau itu - pada mulanya - adalah penentang agama Islam yang paling keras? Tetapi dengan Al-Quran beliau menjadi lemah, lalu tersungkur ke pangkuan Islam, serta kemudiannya menjadi Amirul Mukminin - raja orang-orang beriman - yang paling kuat membela kebenaran dan menegakkan keadilan.

Inilah pengaruh Al-Quran itu. Ia telah me-

ngubat penyakit kezaliman serta menggantikannya dengan keadilan sejagat.

Pendeknya, dengan ajaran-ajaran Al-Quran itu, segala bentuk penindasan adalah terlarang sama sekali.

Daripada sinilah manusia mengenali semboyan-semboyan keamanan dan kedamaian, kepentingan hidup bebas dan layanan-layanan sama rata di antara mereka.

Inilah jasa Al-Quran, sehingga dapat mengeluar-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa 16 Jamadilakhir 1425/3 Ogos 2004.

INILAH pengaruh Al-Quran itu. Ia telah mengubat penyakit kezaliman serta menggantikannya dengan keadilan sejagat.

kan manusia daripada segala macam dan bentuk kegelapan serta kejahatan.

Adapun hari ini, awan kegelapan itu kelihatannya menyelubungi dunia dan manusia semula. Ini bukanlah disebabkan ada sesuatu yang berlaku kepada Al-Quran. Al-Quran tetap Al-Quran, seperti ia pada seribu tahun dahulu, itulah juga ia sekarang. Isi dan kandungannya tetap kekal, tidak pernah berubah.

Tetapi mengapa kegelapan datang pula? Kerana Al-Quran telah dpinggirkan. Ajarannya tidak lagi berjalan di dalam kehidupan, sudah banyak dilupakan orang, malah oleh orang-orang Islam sendiri.

Maka kerana itu, berlakulah Sunnah Allah ke atas alam, ia jadi malap atau gelap disebabkan manusia menolak cahayanya iaitu agama Islam dan Al-Quran adalah cahaya atas cahaya, tanpa cahaya ini, bumi kita pasti akan gelap dan huru-hara.

Oleh itu, beta ingin menyerukan supaya kita sentiasa berdamping dengan Al-Quran, dengan membaca, menghafal, mempelajari dan menghayati ajaran-ajarannya, supaya datanglah rahmat dan berkat bagi memandu kita mengharungi samudera kehidupan ini. Tidak ada suluh lain yang mampu menerangi jalan kehidupan yang berliku-liku, melainkan Al-Quran sahaja.

Bagi mengakhirinya, beta tidak lupa mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang menyertai pertandingan ini. Beta doakan, semoga teruslah bergiat di dalam pembacaan Al-Quran, sebagai sumbangan masing-masing ke arah memperkaya rahmat dan berkat daripada Allah melalui bacaan-bacaan tersebut.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

OLEH itu, beta ingin menyerukan supaya kita sentiasa berdamping dengan Al-Quran, dengan membaca, menghafal, mempelajari dan menghayati ajaran-ajarannya, supaya datanglah rahmat dan berkat bagi memandu kita mengharungi samudera kehidupan ini. Tidak ada suluh lain yang mampu menerangi jalan kehidupan yang berliku-liku, melainkan Al-Quran sahaja.

Hubungan Brunei - Singapura makin kukuh

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sellapan Rama Nathan, Presiden Republik Singapura dan Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura bersempena Hari Kebangsaan republik tersebut hari ini.

Dalam perutusan kepada Presiden Republik Singapura, baginda merakamkan rasa sangat berpuasa hati bahawa hubungan antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik

Singapura telah makin berkembang dengan kukuhnya.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan dapat dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang baik di peringkat dua hala mahupun di peringkat ASEAN.

Dalam hubungan itu, berharap Tuan Yang Terutama Sellapan Rama Nathan, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat rakyat berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Perdana Menteri Republik Singapura, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan ser-

ta rakyat berkenaan sempena Hari Kebangsaan Republik Singapura.

Baginda sangat menghargai hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga Tuan Yang Terutama akan sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Kepercayaan, kebolehharapan bahan utama tanai integriti Perkhidmatan Awam

BERAKAS, 5 Ogos. - Kepercayaan dan kebolehharapan adalah bahan utama dalam mewujudkan dan menanai integriti Perkhidmatan Awam iaitu keperluan setiap anggota yang boleh dipercayai dengan mempunyai sikap kebolehharapan yang jelas dan tidak diragukan oleh mana-mana pihak.

Justeru itu, untuk ianya berlaku hendaklah kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab menurut bidang tugas masing-masing secara jujur, adil dan saksama, bertanggungjawab, penuh dedikasi dan efisien di samping bebas daripada gejala pecah amanah, rasuah dan sebarang penyalahgunaan kuasa dan mementingkan diri sendiri.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair berucap demikian semasa Majlis Pembukaan Rasmi Simposium Integriti Perkhidmatan Awam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Yang Dimuliakan menambah, integriti dalam Perkhidmatan Awam memainkan peranan yang sangat penting bagi menunjukkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran di dalam pembangunan dan kemajuan bagi menjamin masa depan negara dan generasi kita di Negara Brunei Darussalam.

"Negara yang mempunyai jentera pentadbiran yang berintegriti dan boleh dipercayai akan dapat menarik minat pelabur-pelabur luar negara untuk melabur di negara tersebut. Kebolehppercayaan ini adalah merupakan di antara sukut-sukat utama ataupun 'important yardstick' yang digunakan oleh para pelabur di dalam mengenal pasti tempat pelaburan yang mereka kehendaki," jelas

Liputan Siti Aishah HS

Yang Dimuliakan.

Di samping itu, integriti Perkhidmatan Awam juga berasaskan kepada kewibawaan di kalangan seluruh lapisan pegawai dan kakitangan di dalamnya iaitu kesempurnaan dalam pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan yang diberikan melalui keikhlasan, kecekapan, keberkesanan, kejujuran dan ketelusan serta produktiviti dan mutu perkhidmatan yang tinggi.

Manakala bagi mencapai matlamat kerja yang penuh cemerlang dan berintegriti, Yang Dimuliakan menyatakan ianya perlu melalui beberapa Etika Kerja Islam iaitu amal salih, bekerja sepenuh hati dan dedikasi, adil dan saksama, amanah, al-quwwah (kekuatan), hafiz (pandai mentadbir dan mengurus), alim (berilmu), syura (berunding dan bermuzakarah) dan 'Hablun Min Allah dan Hablun Min An-Nas'.

Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 tahun lepas, baginda telah menekankan bahawa, "... Perkhidmatan Awam bertugas untuk memudahkan cara dan memenuhi keperluan orang ramai yang berhajatkan perkhidmatan ... semua anggota Perkhidmatan Awam adalah mekanisme kerajaan. Sebab itulah, selaku mekanisme ia perlu telus, gigih, amanah dan berfikiran maju. Mekanisme yang tidak memiliki ciri-ciri ini adalah mekanisme yang lapuk yang sudah ke-

tinggalan zaman."

Manakala dari aspek peningkatan mutu dan produktiviti kerja adalah perlu membuat penilaian diri dengan memastikan waktu bekerja lebih banyak ditumpukan kepada urusan-urusan pejabat dan pemberian perkhidmatan kepada pelanggan daripada digunakan bagi urusan peribadi kerana perhatian tersebut adalah juga merupakan sebagai sebahagian daripada disiplin anggota

Perkhidmatan Awam.

Simposium dua hari itu diadakan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai anggota Perkhidmatan Awam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair semasa berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Simposium Integriti Perkhidmatan Awam.

Kaji semula sistem dan prosedur kerja di setiap jabatan

BERAKAS, 5 Ogos. - Sistem dan prosedur kerja di setiap jabatan hendaklah dikaji semula bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan serta akauntabiliti dalam perkhidmatan, di samping pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

"Setiap jabatan hendaklah mempunyai panduan kerja yang jelas dan telus bagi membolehkan pegawai-pegawainya membuat keputusan tanpa memberikan peluang bagi membolehkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku," jelas Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair.

Walau bagaimanapun kesemua itu, tegas Yang Dimuliakan, memerlukan kepimpinan daripada pegawai-pegawai kanan di dalam Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan ketua-ketua jabatan dan seterusnya kepada ketua-ketua bahagian dan unit di kementerian dan jabatan-jabatan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menyatakan demikian semasa Majlis Pembukaan Rasmi Simposium Integriti Perkhidmatan Awam dua hari yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Pewujudan integriti dalam Perkhidmatan Awam, jelas Yang Dimuliakan, memerlukan kepimpinan, di samping mendapatkan kerjasama dan sokongan yang padu daripada semua pihak di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bersempena ulang tahun Hari Keputeran baginda ke-38 pada tahun 1984 yang menekankan betapa pentingnya tugas-tugas ketua-ketua jabatan di dalam keberkesanan pentadbiran jentera kerajaan. "... Dalam usaha untuk membentuk sebuah pentadbiran yang efisien dan berkesan, maka beta mengingatkan kepada semua ketua-ketua jabatan supaya mengambil perhatian yang berat terhadap kakitangan di bawah mereka, kerana kakitangan di sesebuah jabatan itu memainkan peranan yang penting dalam kelicinan dan keberkesanan sesuatu pentadbiran ..."

Di samping itu, ke arah mengangkat dan mempertahankan integriti Perkhidmatan Awam itu ianya bergantung rapat kepada peri laku tenaga manusia yang menggerakkan jentera perkhidmatan awam itu sendiri yang dilihat dari aspek produktiviti, kecekapan, kreatifiti, kemahiran dan pengetahuan, ketaatan kepada raja, pemimpin dan patuh kepada ketua, disiplin yang tinggi, semangat berkumpul dan setia kawan yang luhur, kebolehharapan serta sifat jujur dan penuh amanah dalam memberikan perkhidmatan.

Integriti Perkhidmatan Awam yang dimaksudkan ialah ke arah memastikan kemampuan Perkhidmatan Awam di negara ini memberikan perkhidmatan cemerlang dan bermutu tinggi, memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan yang terdiri daripada orang ramai, pihak swasta dan agensi-agensi dalam kerajaan sendiri, memberikan perkhidmatan yang berdaya saing dan produktif

yang penuh disiplin, bersih, cekap dan amanah.

Yang Dimuliakan menambah Perkhidmatan Awam juga sentiasa menghadapi tekanan ekspektasi daripada pelanggan-pelanggannya yang menuntut dan mengharapkan Perkhidmatan Awam itu berfungsi secara berkesan dan cekap dalam menyampaikan dan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka.

"Dalam waktu yang sama dengan adanya interaksi kita dengan dunia luar melalui proses globalisasi dan perdagangan antarabangsa termasuk komitmen negara kepada pergolakan dan perkembangan politik dan sosial serantau dan antarabangsa telah menjadikan sempadan Perkhidmatan Awam bukan hanya terbatas kepada sempadan nasional akan tetapi melimpasi sempadan tersebut," jelas Yang Dimuliakan.

Justeru itu, kesemua anggota dan tenaga Perkhidmatan Awam perlu sentiasa bersedia menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen dengan berlandaskan peraturan dan undang-undang termasuk falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), bagi pelaksanaan mana-mana dasar kerajaan dan pencapaian objektif-objektif kerajaan.

Perkhidmatan Awam merupakan sebuah institusi dan tulang belakang kepada pentadbiran di negara ini yang mengurus dan mengendalikan keperluan orang ramai dalam bentuk pentadbiran, pengawalan dan penguatkuasaan dan kebajikan.

Simposium dua hari itu dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, anggota dan kakitangan Perkhidmatan Awam.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan Perkhidmatan Awam yang menghadiri Simposium Integriti Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Masri Osman.



SEBAHAGIAN para pegawai dan kakitangan wanita yang menghadiri Simposium Integriti Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Masri Osman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menyaksikan Malam Serumpun (kanan).

BAGINDA berkenan mengurniakan hadiah kepada ketua pasukan tarik kalat Negara Brunei Darussalam (atas kiri) dan kepada ketua pasukan Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd. yang mendapat tempat pertama dalam perarakan kenderaan berhias (atas kanan).



Persembahan Malam Serumpun penuh meriah, warni-warni

BAGINDA berkenan menerima cenderahati yang disebarkan oleh wakil Jawatankuasa Malam Serumpun (kiri).



Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Hamadi HM



PERSEMBAHAN tarian kebudayaan yang disebarkan menyerikan lagi Malam Serumpun (atas sekali).

SUASANA meriah Perlawanan Tarik Kalat SeBorneo antara Pasukan Negara Brunei Darussalam dan Pasukan Sabah (atas dan bawah).



TIDAK KETINGGALAN ... Orang ramai turut sama hadir ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bagi menyaksikan suasana Malam Serumpun bagi Daerah Brunei dan Muara (atas kiri dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat menyaksikan persembahan Malam Serumpun sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-58 tahun (atas kanan).

BERANGKAT sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani bagi menyaksikan Malam Serumpun (atas kiri, kiri dan kanan).



BEBERAPA orang pembawa bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak yang menyertai Perlawanan Tarik Kalat SeBorneo (bawah).



SEMANGAT yang tinggi yang ditunjukkan oleh para peserta tarik kalat negara dengan membawa bendera kecil (kiri).

PASUKAN-PASUKAN yang mengambil bahagian ketika berjalan lalu (bawah dan bawah kiri).

KEMENTERIAN Pembangunan dengan kenderaan berhias berbentuk janakuasa elektrik dengan tema 'Pembangunan Fizikal Penggerak Kemajuan Sosial dan Ekonomi Negara' meraih tempat ketiga (bawah sekali).



SYARIKAT Brunei LNG Sdn. Bhd. menjadi juara dalam perarakan kenderaan berhias dengan tema 'Persahabatan Hubungan Niaga Antara Negara Brunei Darussalam, Jepun dan Korea' (bawah kiri).

BENTUK kenderaan berhias sebuah kapal milik pasukan Komuniti Pelabuhan menduduki tempat kedua dengan tema 'Operasi Terminal Kontena' (bawah kanan).



UNTUK mendapatkan kepercayaan itu adalah antara perkara yang bukan senang menyebutnya. Minggu lalu kita cuba menghimbau perkara ini dalam konteks yang demikian melalui beberapa usaha. Selain daripada sudut-sudut praktikalitinya, pendekatan-pendekatan minda adalah antara yang paling sukar untuk dilaksanakan, apa lagi jika memandang kepada suasananya, terutama pada lingkungan pengaruh-pengaruh lain yang juga sukar berubah yang sekali gus juga sukar pada sudut penerimaan khalayak sasaran.

Jabatan Penerangan adalah antara jabatan-jabatan kerajaan yang tertua ditubuhkan di negara ini. Perkara yang disebutkan di atas adalah juga antara mandat yang dipikulkan kepadanya yang bukan semata-mata 'bermain wayang'. Bertolak dari wujudnya Perlembagaan Bertulis 1959, peranan Jabatan Penerangan semakin meluas. Ia sudah menjadi sebuah jabatan yang tersendiri pada ketika itu, sedangkan pada sebelumnya ia hanya merupakan satu bahagian kecil sahaja dalam kerajaan. Akan tetapi, menurut kesikapan yang ada pada waktu itu, ia masih tetap dianggap sebagai sebuah jabatan atau ramai juga yang menyebutnya sebagai Opis Penerangan atau Pejabat Penerangan.

Begitu jugalah yang berlaku ke atas bahagian-bahagian yang lain seperti Opis Sukatan dan Timbangan, Opis Kad Pengenalan, sementara yang lain-lain adalah mengikut senang-senang menyebutnya seperti Kastam, Imigresen, Penjara, Opis Menteri Besar atau sekadar disebut Setiausaha Kerajaan sahaja atau seperti Pejabat DO, Pejabat Pelajaran atau Pejabat Kadhi. Ejaan juga ada berbagai-bagai, misalnya Kadhi yang kadang-kadang dieja Kazi, Kadi dan sekali-sekala Qadhi. Hal-hal yang seperti itu, jarang sekali dihiraukan. Kalaupun ada yang bercakap adalah di kalangan guru-guru sahaja dan seorang dua penulis atau yang bekerja sebagai pengarang baik akhbar mahupun radio yang sekarang ini, kadang-kadang terangkum di bawah istilah wartawan.

Waktu itu, jarang orang menyebut wartawan dengan sesuka hati, kerana bukan mudah untuk mendapat 'title' tersebut bahkan di kalangan yang bekerja di bidang media terutama cetak ada yang tidak senang kalau dipanggil wartawan. Secara mendalam, kita tidak tahu mengapa dan apa sebabnya. Akan tetapi, sejauh yang kita pernah bercampur-rapat dengan kalangan mereka itu di masa yang lalu, dapatlah kita simpulkan bahawa nama jolokan wartawan itu adalah besar dan bukan calang-calang orang yang memikulnya. Selain dari cekap menulis, mereka ini dianggap sebagai ahli fikir, ahli masyarakat, ahli kenegaraan dan orang yang dianggap serba tahu akan hal-ehwal kelilingnya dan berkebolehan besar mengemukakan pemikiran-pemikiran yang bernas dan diakui oleh orang yang banyak.

Maka itu, jika sekadar melapor mentah-mentah

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

ANTARA YANG SUKAR

mengikuti program, membaca teks orang dan mendiskripsi lingkungan acara di samping gambar-gambar yang diambil, ianya tidak akan dianggap wartawan biarpun pada makna wartawan itu secara literalnya adalah tukang penyampai berita dalam pengertian ' warta ' itu sendiri.

Tetapi sekarang ianya sudah meluas dan ada macam-macam kategori wartawan atau journalist seperti wartawan foto, wartawan media akhbar atau cetak dan wartawan media elektronik atau menyebut langsung nama agensi tempatnya bekerja seperti wartawan CNN, wartawan AP, UPI, Reuters dan ada banyak lagi stesen atau agensi media massa, yang keseluruhannya cukup lengkap dengan serba kemudahan yang diperlukan oleh idea globalisasi atau idea dunia tanpa sempadan dan pintu-pintu dapur dunia terbuka ini.

Kalau semuanya dah terbuka, maka rahsia seperti tidak penting lagi - satu perkara yang patut difikirkan juga. Tidak semua perkara dedah-mendedah itu berpotensi ampuh untuk menyelesaikan perkara. Risiko akan selalu ada, cuma

saiznya sahaja yang berbeza.

Berbalik kepada perkara di atas yang bersangkutan dengan operasi penerangan dahulu itu, kita agak terkilan sedikit dari sudut senang susahnyanya. Perbezaannya memang jauh, apa lagi kalau sudah jaraknya berpuluh-puluh tahun dan orang-orangnya juga sudah ramai yang tidak ada lagi biarpun masih ada juga yang ada dan sebilangan kecil masih boleh menyumbang sekadarnya sahaja.

Cuma yang agak baik juga untuk kita nilai ialah semangat mereka dahulu itu yang jelas tidak banyak mengambil kira baik dari segi gaji, kedudukan, taraf tugas atau sekarang disebut sebagai 'seniorities' dan scumpamanya termasuklah 'decorations'.

Yang penting bagi mereka ialah berkhidmat dan merasa seronok dengan apa yang mereka sumbangkan untuk bangsa dan negara. Mungkin bunyinya seperti melebihi-lebihkan namun apa pun penilaiannya, keperitan yang mereka tempuh adalah masih sukar untuk dinafikan, lebih-lebih lagi kalau dilihat kepada sudut kemudahan perhubungan yang amat ter-



batas pada ketika itu, ditambah lagi kalau cuaca buruk seperti hujan ribut, angin kencang dan musim-musim banjir.

WAYANG DAN PESTA RIA

Teorinya mungkin senang, tetapi pelaksanaannya memerlukan ketabahan. Itulah yang berlaku sewaktu mula-mula Penerangan mengadakan pertunjukan wayang gambar dan secara berkala bersama-sama meramaikan rancangan Pesta Ria bersama-sama pihak Radio, dan masa yang digunakan pun sehingga sampai berhari-hari, semuanya tertakluk kepada keadaan cuaca.

Matlamatnya jelas iaitu memberikan penerangan mengenai pentadbiran kerajaan dan rancangan-rancangan yang diadakan dan akan diadakan ke atas kawasan-kawasan yang dilawati, selain dari menyumbangkan sedikit sebanyak hiburan dan membuat rakaman-rakaman radio untuk disiarkan ke udara kemudian nanti.

Musim yang paling utama untuk mengadakan projek-projek demikian itu ialah sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari semenjak pemerintahan ayahanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lagi. Musim-musim beginilah, usaha Penerangan sangat diambil kira dan biasanya akan diterajui oleh Pegawai Daerah di Jabatan Daerah yang berkaitan.

Melalui kegiatan begini, akan dapat melahirkan rasa kesefahaman yang jitu dan kekukuhan perpaduan dan kekentalan kerjasama untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman dan selanjutnya berusaha pada mengekal dan mengukuhkan kemakmuran yang dinikmati. Semua ini tersalur melalui acara-acara yang diketengahkan baik melalui persembahan-persembahan hiburan mahupun pertemuan-pertemuan secara bersemuka, bertukar-tukar maklumat dan menerima sebarang aduan untuk tindakan pihak-pihak dalam kerajaan terutamanya Jabatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Orang-orang kerajaan adalah yang paling ramai menjayakan rancangan itu baik ia pegawai mahupun kakitangan biasa yang tidak semata-mata dari Penerangan bahkan juga dari jabatan-jabatan lain. Semua menghulurkan jasa untuk sama-sama berkhidmat tanpa mengutamakan ganjaran dan penghargaan. Segalanya mengutamakan keikhlasan, demi bangsa dan negara.

Pegawai atau bukan pegawai adalah sama saja (lihat gambar). Saat begini lebih memerlukan kerjasama yang bukan sama-sama turun ke padang bahkan sama-sama berlumpur dan berjerih payah. Itulah masa silam, antara yang dialami oleh kebanyakan orang kerajaan apabila bekerja di pedalaman. Sekarang bagaimana?

Penetapan, pertukaran pegawai kanan kerajaan

BERAKAS, 5 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Awam mengumumkan mengenai penetapan dan pertukaran beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

Dayang Hajah Noriah binti Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Laila Utama Haji Mohd. Abbas Al-Sufri, Pemangku Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja di Tabung Amanah Pekerja, ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya tersebut iaitu sebagai Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja mulai 1 November 2003.

Dayang Hajah Zasia binti Sirin, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah di Kementerian Hal Ehwal Ugama dinaikkan pangkat dan dilantik seba-

gai Pengarah Pusat Da'wah Islamiah di Kementerian Hal Ehwal Ugama mulai 4 Ogos 2004.

Dr. Omar bin Haji Khalid, Pendaftar dan Setiausaha Universiti Brunei Darussalam (UBD) ditukar ke Kementerian Pendidikan dan dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas (Majlis Pelajaran Kebangsaan) mulai 1 Mei 2004.

Awang Haji Abdul Rahim bin Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa, Timbalan Pendaftar Universiti Brunei Darussalam ditukar ke Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas mulai 1 Mei 2004.

Awang Haji Alaihuddin

bin POKDG Haji Mohd. Taha, Pemangku Pengarah Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya tersebut iaitu sebagai Pengarah Pertubuhan Pertubuhan Antarabangsa di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mulai 23 Jun 2004.

Awang Haji Damit bin Haji Jamudin, Pemangku Penolong Kanan Jurukira Agung di Jabatan Perbendaharaan dinaikkan pangkat dan seterusnya ditetapkan dalam jawatannya tersebut iaitu sebagai Penolong Kanan Jurukira Agung di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2004.

BKN BUAT SERBUAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah membuat serbuan di salah sebuah rumah di kawasan Kampong Mulaut, di mana melalui serbuan itu telah berjaya menahan seorang perempuan dan dua orang lelaki yang disyaki terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah.

Menurut siaran akhbar BKN, dalam kejadian tersebut BKN telah merampas sejumlah dadah yang dipercayai dadah syabu kelas A dan beratnya dianggarkan sebanyak 71.2 gram. Turut dirampas ialah alat perkakas seperti alat timbangan dipercayai bagi menimbang dadah.

Di Negara Brunei Darussalam sesiapa yang memiliki dadah syabu lebih daripada 50 gram boleh dikenakan hukuman mati.

Mereka yang ditangkap adalah berumur di dalam lingkungan umur 21 dan 37 tahun. Kesemua mereka adalah warga Negara Brunei Darussalam.

Dalam kejadian kedua,

dua orang kakitangan kerajaan dan seorang wanita telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kejadian ini berlaku setelah sekumpulan pegawai-pegawai BKN membuat serbuan di sebuah Service Apartment di Jalan Tutong, pada 7 Julai 2004.

Ketiga-tiga mereka adalah warga Negara Brunei Darussalam dan berumur lingkungan 28 hingga 38 tahun.

Turut dijumpai di dalam serbuan tersebut ialah beberapa pekuk plastik yang dipercayai berisi dadah syabu.

BKN juga telah membuat langkah-langkah pencegahan penyalahgunaan dadah dengan mengadakan operasi yang ditumpukan di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Di antara objektif operasi yang diadakan ialah:

1. Membuat serbuan dan penangkapan ke atas kumpulan-kumpulan yang disyaki di kawasan-

kawasan yang dikenal pasti.

2. Menahan dan membuat ujian contoh air kencing ke atas orang-orang yang disyaki.

3. Membuat penangkapan ke atas OKT-OKT (Orang-orang Yang Kena Tangkap) yang gagal melapor bagi pendakwaan.

Semasa operasi yang dijalankan bermula pada 13 Julai 2004, kira-kira jam 5.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. BKN telah berjaya menahan seramai 15 orang kerana disyaki terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah.

Dalam serbuan tersebut BKN telah menahan 12 orang lelaki dan tiga orang perempuan, di antara mereka yang ditahan ialah berumur dalam lingkungan 17 dan 39 tahun. Mereka yang ditahan ialah seorang warganegara Malaysia dan seorang penduduk tetap serta 13 orang warga Negara Brunei Darussalam.

Seramai 35 orang pegawai BKN telah terlibat dalam operasi itu yang

diketahui oleh Tuan Haji Roslan bin Haji Suhaili, Penolong Pengarah Cawangan Pelaksanaan Dan Risikan, BKN.

Dalam kejadian tersebut BKN juga merampas beberapa alat perkakas yang digunakan bagi aktiviti penyalahgunaan dadah.

BKN mengingatkan orang ramai bahawa terlibat dengan penyalahgunaan dadah boleh dijatuhi hukuman mengikut kesalahan, sementara memiliki bagi tujuan mengedar dadah di Negara Brunei Darussalam boleh membawa kepada hukuman mati.

Sementara itu BKN mengingatkan kepada orang ramai bahawa BKN akan sentiasa membuat langkah-langkah paman-tauan dan pencegahan penyalahgunaan dadah terutama semasa perayaan.

BKN juga mengalu-alukan kerjasama dan sebarang maklumat daripada orang ramai berhubung kait dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dengan menghubungi talian 147 dan 8777444.

Bincang kerjasama ekonomi, persidangan

Liputan
Haji Ahmad HS
Gambar-gambar
oleh
Ramli Tengah

CANBERRA, AUSTRALIA 3 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengakhiri lawatan rasmi ke Australia atas jemputan Kerajaan Australia dengan berkenan mengadakan perjumpaan bersama rakan sejawat di sini.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat membuat kunjungan kepada Gabenor Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Michael Jeffery dan Puan Yang Terutama Marlina Jeffery yang berlangsung di Rumah Kerajaan di sini.

Turut berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Riqiyah Mataul Bolqiah, Yang



DYTM ketika mengadakan perjumpaan bersama Menteri Perdagangan Australia, TYT Mark Vaile di Rumah Parlimen.

Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkih, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khaliliah Khalilatul Bolqiah.

Di majlis kunjungan itu Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan Rumah Kerajaan.

Duli Yang Teramat

Mulia juga berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama Menteri Perdagangan Australia, Tuan Yang Terutama Mark Vaile yang berlangsung di Rumah Parlimen di sini.

Dalam perjumpaan itu kedua-dua menteri telah membincangkan mengenai kerjasama ekonomi dan perdagangan termasuk pelaburan Australia di Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama di kedua-dua perjumpaan itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Kolonel (B) Dato Seri Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw dan Datin.



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah di Rumah Kerajaan dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Michael Jeffery dan Puan Yang Terutama Marlina Jeffery.

Hubungan Brunei dan Australia semakin kukuh

CANBERRA AUSTRALIA, 2 Ogos. - Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Australia secara keseluruhannya baik dan kukuh dengan menjalin banyak kerjasama dalam pelbagai bidang sejak kedua-dua negara menubuhkan hubungan diplomatik pada tahun 1984.

Bagi mengeratkan hubungan kedua-dua negara, Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Canberra pada tahun 1989 dan pada tahun ini hubungan diplomatik kedua-dua negara berusia 20 tahun.

Sejak tertubuhnya hubungan diplomatik, kedua-dua negara telah mendapat faedah dengan mengadakan kerjasama di pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan, pertahanan serta perdagangan dan pelaburan.

Di samping itu hubungan yang sedia ada di perkukuhkan lagi dengan adanya pertukaran lawatan di peringkat pegawai-pegawai kedua-dua negara dan juga di peringkat tertinggi. Tahun lepas Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat membuat lawatan ke Australia pada 13 hingga 19 Mac.

Pada tahun ini hubungan itu dieratkan lagi melalui keberangkatan ke Canberra, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-

Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah ke Australia yang bermula 2 hingga 4 Ogos 2004.

Antara kerjasama kedua-dua negara termasuklah kerjasama dalam bidang perkhidmatan udara, di mana Negara Brunei Darussalam dan Australia telah menandatangani perjanjian perkhidmatan udara pada 30 April 1992 di Canberra. Perjanjian itu telah membuka lembaran baru bagi Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dengan menjadikan Australia sebagai destinasi penerbangan yang beroperasi empat kali seminggu ke Brisbane, tiga kali seminggu ke Perth dan dua kali seminggu ke Darwin.

Pada 24 Mac tahun ini satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara Kerajaan Australia dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang mana membolehkan RBA beroperasi mengembangkan sayapnya ke Sydney dan Melbourne yang dijangka bermula pada bulan Oktober ini.

Dalam bidang pendidikan pula Negara Brunei Darussalam sentiasa memajukan kerjasama yang rapat dalam bidang pendidikan. Dalam bidang ini Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan beberapa universiti di Australia ter-

masuk Universiti Kebangsaan Australia, Universiti Canberra, Universiti Queensland dan Northern Territory University.

Di samping itu UBD juga menandatangani MOU bersama Universiti Queensland (UQ) bagi Program Kembar dalam Biomedical Sciences dan Commerce.

Pelaburan dan perdagangan merupakan kerjasama meningkatkan ekonomi kedua-dua negara di mana antaranya import Negara Brunei Darussalam daripada Australia ialah kira-kira tiga peratus pada tahun 2003 dengan anggaran \$68,854,691 dengan pelbagai barangan termasuk makanan, mesin dan peralatan kenderaan.

Sementara eksport Negara Brunei Darussalam ke Australia pada tahun 2003 berjumlah 8.3 peratus iaitu kira-kira \$643,897,123 dengan keseluruhan eksport berupa bahan galian.

Dalam sidang pelaburan pula, Agensi Pelaburan Brunei Darussalam (BIA) adalah aktif dalam pasaran modal (capital market) terutama dalam pasaran stok dan dalam pelaburan pasif iaitu pelaburan bond dan pelaburan jangka pendek, di samping pelaburan harta Australia seperti hotel-hotel dan tanah. BIA telah juga melabur ke dalam institusi kewangan Australia. Brunei Property Development Corporation adalah juga aktif dalam projek-projek pembangunan di Darwin.



KENANGAN ... Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan merakamkan gambar kenangan bersama TYT Mejar Jeneral Michael Jeffery dan PYT Marlina Jeffery di ruang tamu Rumah Kerajaan.



DYTM ketika mengadakan perjumpaan bersama TYT Mejar Jeneral Michael Jeffery di Rumah Kerajaan.



BAGINDA berserta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Pertandingan Dewasa Peringkat Akhir



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada naib johan qari, Awang Haji Manan bin Haji Osman.

BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang ketiga bahagian qari, Awang Haji Mahruf bin Haji Chuchu (bawah).

BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada penerima hadiah sagu hati bahagian qari (bawah sekali).



BAGINDA ketika berkenan beramah mesra bersama para pemenang bahagian qari Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.



BAGINDA ketika berkenan beramah mesra bersama para pemenang bahagian qariah Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi (atas kanan).

SEBAHAGIAN pembesar negara yang hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan (kiri).

SEBAHAGIAN tetamu-tetamu wanita yang hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan (kanan).

SEBAHAGIAN perwakilan asing yang hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan (kanan sekali).



n Membaca Al-Quran ngkat Kebangsaan

LIPUTAN
ABDULLAH ASGAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH
HARUN RASHID,
HAJI MASMALEH HMA
DAN MASRI OSMAN



BERAKAS, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Kebangkitan baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli

Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh johan qari Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan, Awang Muhd. Fikri bin Haji Metussin, kemudian disusuli sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dalam sembah alu-aluan, Yang Berhormat menjelaskan, baru-baru ini kementerannya telah melancarkan Skim Bimbingan Itqan Qiraatil Quran Remaja Belia Masjid.

Katanya, skim tersebut telah bermula pada bulan lalu dengan tujuan untuk melatih dan membimbing golongan remaja dalam pembacaan Al-Quran dengan bacaan yang betul melalui lagu-lagu Al-Quran yang masyhur.

Tambahnya, skim tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para remaja masjid di mana ia juga dihasratkan supaya dapat melahirkan qari dan qariah yang berkeupayaan dan menjadi pelapis para qari dan qariah yang ada sekarang.

Johan bahagian qari ialah

Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman selaku johan menunggu dengan mendapat 87.3 peratus, beliau menerima wang tunai \$5,000.00; kedua, Awang Haji Manan bin Haji Osman mengutip 87 peratus menerima \$3,000.00 dan ketiga, Awang Haji Mahruf bin Haji Chuchu dengan 86.2 peratus menerima \$2,000.00.

Sementara johan bahagian qariah ialah Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman dengan 82.6 peratus juga menerima \$5,000.00; kedua, Dayang Hajah Norlela binti Haji Metussin dengan 80.7 peratus menerima \$3,000.00 dan ketiga, Dayang Hajah Saadiah binti Haji Hussin mendapat 78.05 peratus juga menerima wang tunai \$2,000.00.

Selain menerima wang tunai para pemenang juga menerima sijil dan piala iringan.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, pengiran-pengiran peranakan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada naib johan qariah, Dayang Hajah Norlela binti Haji Metussin.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang ketiga bahagian qariah, Dayang Hajah Saadiah binti Haji Hussin.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada penerima hadiah sagu hati bahagian qariah.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan melawat Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Ke-20 Jalanan Hubungan Diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Australia.



DULI Yang Teramat Mulia yang diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Tuan Yang Terutama Alexander Downer ketika menyaksikan Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam di Muzium Kebangsaan Australia.

PAMERAN KHAZANAH KARAM RAPATKAN HUBUNGAN BRUNEI - AUSTRALIA



BERSABDA ... DYT ketika bersabda di Upacara Perasmian Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Muzium Kebangsaan Australia (atas).

DYT ketika berangkat ke Majlis Santap Malam sempena Perasmian Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam (bawah).

CANBERRA, AUSTRALIA, 3 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan melancarkan Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam yang tenggelam kira-kira 500 tahun lalu.

Majlis pelancaran pameran berlangsung di Muzium Kebangsaan Australia di sini. Pameran berkenaan dilancarkan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Australia, TYT Alexander Downer MP.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Muzium Kebangsaan Australia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Australia, TYT Alexander Downer MP; Pengerusi

Majlis Muzium Kebangsaan Australia, Yang Berhormat Tony Stley dan Pengarah Muzium Kebangsaan Australia, Craddock Morton.

Duli Yang Teramat Mulia juga kemudian berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama 12 orang penuntut Brunei yang belajar di Canberra.

Di Majlis Pelancaran Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda yang antara lain mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis perasmian pameran yang berjalan dengan baik terutama sekali kepada Muzium Kebangsaan Australia dan Pameran Kesenian Australia.

Liputan Haji Ahmad Haji Salim Gambar oleh Ramli Tengah

"Mereka telah menyiapkan kerja yang sangat baik bagi persembahan pameran. Kita mengalu-alukan terhadap peluang yang tersedia bagi rakyat Australia untuk mengetahui Negara Brunei Darussalam dengan lebih baik lagi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, bahawa peluang tersebut sudah tentu tidak akan wujud tanpa kerjasama yang erat BHP Billiton yang telah membawa pameran khazanah karam berkenaan ke Australia.

"Saya ingin menyatakan penghargaan tinggi Negara Brunei Darussalam kepada Kerajaan Australia.

Kita telah menjalin hubungan kerjasama dan persahabatan erat selama 20 tahun dan menjadi negara jiran yang sangat baik. Rakyat kita saling mengetahui dan menghormati antara satu sama lain. Kita banyak berkongsi nilai persamaan dan kebimbangan dan kita mempunyai memajukan bidang ini dalam pelbagai kerjasama. Saya melihat pameran ini sebagai satu cara terbaik untuk mengukuhkan hubungan dua hala tersebut," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Terdahulu dari itu Menteri Hal Ehwal Luar Australia, TYT Alexander Downer juga turut berucap di majlis itu.

Di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam yang berusia 500 tahun.

Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam yang berjumlah lebih 13,500 bahan-bahan artifak (barang-barang ciptaan manusia) yang dikenal pasti sebagai barangan akhir kurun ke-15 dan awal kurun ke-16 telah ditemui daripada kapal karam di perairan Negara Brunei Darussalam.

Antara bahan-bahan artifak yang ditemui yang juga turut dipamerkan di sini termasuklah tajau, mangkuk, pinggan, cawan, gong, gading dan bantu penggiling serta mariam kecil yang diperbuat daripada tembaga.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah bersama 12 orang penuntut Brunei yang belajar di Canberra, Australia yang sama-sama hadir di Majlis Perasmian Pameran Khazanah Karam Dasar Laut Negara Brunei Darussalam (kanan).



PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

SIRI MINGGU ini kita masih lagi memperkatakan mengenai susunan Istiadat Mengagahi bagi orang yang hendak dikurniai gelaran yang telah dijelaskan oleh Yang Dimulihkan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah sebagai sambungan kepada siri yang lepas.

(i) Keberangkatan atau kepergian rombongan ke rumah atau tempat kediaman orang yang hendak dikurniai gelaran itu akan diaturkan bersusun-susun menurut tertib, iaitu diketuai oleh Ketua Rombongan dan diikuti oleh yang mengiringkan.

(j) Ketibaan rombongan mengagahi di rumah atau tempat kediaman orang yang akan dikurniai gelaran itu disambut dengan penghormatan dan dialu-alukan untuk dijunjung atau dipersilakan masuk dan duduk di majlis yang disediakan oleh pihak orang yang akan dikurniai gelaran itu.

(k) Setelah semua ahli rombongan duduk di majlis itu, maka Kepala Majlis menghalakan muka kepada Ketua Rombongan bagi menjunjung sabda yang akan disabdakan

atau memohonkan kalau ada apa-apa perkara yang akan disampaikan.

(l) Setelah menerima amanat yang disabdakan atau disampaikan oleh Ketua Rombongan, maka Kepala Majlis bersabda atau memohonkan kepada wakil yang dihaskan bertugas di majlis itu mengadap bakal Wazir atau Manteri itu supaya berangkat atau masuk ke dalam majlis.

(m) Orang yang akan dikurniai gelaran masuk ke majlis dan duduk di tempat yang dihaskan (di pisuk sebelah kanan).

(n) Semasa orang yang akan dikurniai gelaran itu berangkat atau masuk ke majlis:

(i) Jika bakal Wazir itu terdiri daripada putera Sultan yang gahara, akan diiringi oleh tiga orang Cheteria dan Pehin Manteri yang bertugas serta Perhiasan Empat (Payung, Pedang, Tombak dan Kasul) yang dibawa oleh Pengiran Peranakan, tetapi Perhiasan Empat ini ditempatkan di satu tempat yang dihaskan menurut keadaan tempat itu.

(ii) Jika bakal Wazir itu

bukan putera Sultan yang gahara, akan diiringi oleh seorang Cheteria dan Pehin Manteri yang bertugas tetapi tidak diiringi oleh Perhiasan Empat.

(iii) Jika bakal Cheteria akan diiringi oleh Pehin Manteri yang bertugas dan dua orang keluarganya sahaja.

(iv) Jika bakal Manteri akan diikuti oleh dua orang keluarganya sahaja.

(o) Sebaik-baik sahaja orang yang dikurniai gelaran itu duduk, maka Ketua Rombongan pun menyabdakan atau menyampaikan titah yang disabdakan oleh wakil Sultan, mengenai hasrat baginda untuk mengarak atau mengangkat atau menyempir nama gelaran kepada orang yang dimaksudkan dan dinyatakan juga hari, tarikh dan waktu Istiadat Mengurniakan Gelaran itu akan diadakan.

(p) Orang-orang yang akan dikurniai gelaran menyabdakan atau mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atau menerima kasih atas keberangkatan atau kedatangan rombongan yang membawa titah yang di-

sabdakan kerana akan mengarak atau mengangkat atau menyempir nama gelaran kepadanya serta menjunjung atau memohon supaya Ketua Rombongan akan dapat menyabdakan ke hadapan majlis baginda Sultan bahawa orang yang bakal dikurniai gelaran itu menyabdakan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas limpah kurnia baginda itu.

(q) Setelah mendengar sembah pengakuan daripada orang yang akan dikurniai gelaran itu, maka sebelum meninggalkan majlis, Ketua Rombongan berikrar akan menyabdakan pengakuan itu kepada wakil Sultan supaya maksud yang diterimanya itu disabdakan ke hadapan majlis baginda Sultan.

(r) Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat:

(i) Jika majlis itu diadakan di Istana atau di rumah atau tempat kediaman bakal Wazir, naskhah Doa Selamat yang diletakkan dalam gangsa beralas, bertarak serta bertatapan dibawa masuk ke majlis oleh Awang-awang untuk diserahkan kepada Pehin Manteri Ugama atau

SIRI KELIMA BELAS

orang yang disifatkan sedemikian dan bacaan Doa Selamat itu pun terus dimulakan setelah orang yang membawa gangsa itu keluar. Kemudian apabila selesai pembacaan Doa Selamat itu maka naskhah Doa Selamat tersebut akan diambil balik oleh pembawanya yang sama.

(ii) Jika di rumah bakal Cheteria atau Pehin Manteri memadai Doa Selamat itu terus dibaca oleh sesiap sahaja tanpa naskhah.

(s) Setelah Doa Selamat sempurna dibaca orang yang akan dikurniai gelaran itu berangkat atau keluar daripada majlis diiringi atau diikuti oleh orang yang mengiringkan atau mengikutinya.

(t) Ketua Rombongan akan menjunjung anugerah atau bermohon untuk berangkat atau balik ke Lapau.

(u) Apabila rombongan telah sempurna keluar dari majlis:

(i) Jika di Balai Wazir atau Balai Cheteria maka Manteri yang bertugas akan masuk ke majlis mengadap kepala majlis menjunjung sabda yang

akan disabdakan kepada orang yang hendak dikurniai gelaran itu mengenai kesempurnaan majlis dan seterusnya kepala kajlis minta sembahkan untuk menjunjung anugerah berangkat daripada majlis itu.

(ii) Jika di majlis bakal Pehin Manteri orang yang diaturkan bertugas akan masuk ke majlis menemui kepala majlis memohonkan kalau ada apa-apa yang hendak disampaikan kepada orang yang akan dikurniai gelaran itu mengenai kesempurnaan majlis itu, dan seterusnya kepala majlis itu bermohon balik daripada majlis itu.

(v) Sesudah sabda atau ucapan terima kasih disabdakan atau disampaikan kepada kepala majlis oleh Pehin Manteri atau orang yang bertugas di majlis itu, maka majlis itu pun berakhir dan bersurai.

(w) Apabila rombongan mengagahi tiba di Lapau semua yang mengiringkan duduk di tempat masing-masing dan setelah semuanya sempurna duduk baharulah Ketua Rombongan masuk ke Majlis

Mengadap wakil Sultan dan menyabdakan pengakuan orang-orang yang akan dikurniai gelaran. Dan Ketua Rombongan menjunjung juga supaya amanat orang itu disabdakan ke hadapan majlis baginda Sultan, kemudian Ketua Rombongan pun menjunjung anugerah dan balik ke tempat duduknya.

(x) Selepas itu Yang Dimulihkan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja menjunjung anugerah mengadap Pengiran Pemancha menyabdakan bahawa Majlis Istiadat Mengagahi telah sempurna dilaksanakan dan seterusnya maksud itu disabdakan kepada wakil Sultan untuk menjunjung perkenan supaya majlis itu ditutup.

(y) Setelah mendapat perkenan, maka Yang Dimulihkan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja pun balik ke tempat duduknya, maka wakil Sultan pun mengulung berdiri untuk berangkat daripada majlis sebagai menandakan berakhirnya majlis tersebut.

Bersambung

KONTEKS PEMBANGUNAN PENTING BAGI PENUNTUT UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA

BERAKAS, 24 Julai. - Statistik bagi negara-negara maju dan terlebih awal membangun telah menyaksikan komitmen perbelanjaan kerajaan mereka dalam bidang pendidikan, peratus penuntut pengajian tinggi dalam disiplin sains, matematik dan kejuruteraan dengan peratus bilangan penuntut di peringkat pengajian tinggi

Oleh Samle HJ

adalah sangat tinggi kadarnya.

Sebagai perbandingan, kadar perbelanjaan Kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi pendidikan ialah di dalam lingkungan sembilan peratus dari keseluruhan perbelanjaan kerajaan di mana kadar ini

masih jauh berbanding dengan 31 peratus bagi Thailand, 16 peratus bagi Amerika Syarikat atau 11 peratus bagi Jepun.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menjelaskan perkara itu di Majlis Perasmian Minggu Orientasi Pelajar Pengambilan Sesi 2004/2005 Universiti Brunei Darussalam

(UBD) di kampus UBD, hari ini.

Katanya, nisbah pendaftaran keseluruhan bagi pengajian tinggi bagi Negara Brunei Darussalam jauh lebih rendah iaitu kira-kira 12 peratus berbanding dengan 27 peratus bagi Malaysia, 36 peratus bagi Thailand, 49 peratus bagi Jepun dan 80 peratus bagi Amerika Syarikat.

Sementara itu nisbah bilangan penuntut peringkat tinggi yang mengambil jurusan sains, matematik dan kejuruteraan bagi negara kita cuma kira-kira enam peratus berbanding 21 peratus bagi Thailand, 28 peratus bagi Indonesia, Jepun 23 peratus, Jerman 31 peratus dan 29 peratus bagi United Kingdom.

Menurutnya, perbandingan itu sangat penting untuk dihayati kerana ia menggambarkan keperluan pembangunan di peringkat individu dari segi pemilihan disiplin untuk diikuti oleh penuntut-penuntut dan secara keseluruhan bagi negara dari segi hala tuju

dasar pendidikan.

Terdahulu, Setiausaha Tetap menggariskan pendidikan tinggi atau 'tertiary education' dalam konteks pembangunan sangat penting kerana penuntut akan menjadi orang dewasa nanti sekali gus menjadi harapan untuk pembangunan negara.

Katanya, sebagai sebuah negara membangun, negara-negara yang maju dan lebih awal membangun lazimnya mendapat perbandingan dari segi keperluan.

Pembangunan sebuah negara yang mempunyai penduduk kecil mempunyai peluang untuk memajukan industri-industri 'labour intensive' atau yang banyak bergantung kepada tenaga buruh kecuali dengan mengimport tenaga luar sehingga bilangannya kadangkala melebihi penduduk tempatan.

Bagaimanapun ia tidak bererti industri 'labour intensive' langsung tidak mendapat tempat di dalam pembangunan negara kecil dengan penduduk yang sedikit.

"Pada kelazimannya negara seperti ini lebih melihat kepada pendidikan dan kemahiran sumber manusianya sebagai aset utama kemajuan dan rangkaian pelaburannya di dalam dan di luar negeri," jelasnya.

Beliau menambah, kemajuan sumber manusia di masa akan datang akan menjadi faktor pembangunan utama bagi menentukan kapasiti dan prospek pembangunan dan menyumbang pewujudan atau survival bangsa.

"Selain dari suasana sosiopolitik dan kebudayaan, perubahan kemajuan ekonomi dunia banyak dipengaruhi oleh kemajuan teknologi, globalisasi dan peralihan kepada nilai ekonomi yang berteraskan ilmu," katanya.

Globalisasi tidak menghadkan sempadan bagi pelabur dan pengusaha sesebuah negara untuk menggunakan faktor-faktor pengeluaran tradisional iaitu buruh, bahan mentah dan kapital termasuk tanah di tempat-tempat lain.

Sementara itu, kekurangan faktor-faktor pe-



PENDEKATAN pendidikan kita perlulah di dalam bentuk 'education for survival' kata Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

ngeluaran tradisional tidak menjadi penghalang mutlak sesebuah negara memajukan ekonominya, kapasiti dan prospek negara berkenaan tetapi tertakluk kepada kekuatan sumber manusianya dari segi ilmu, kemahiran teknologi dan inovasi.

"Bagi negara kecil dengan penduduk yang kecil seperti negara kita, perspektif pendidikan bagi daya saing yang tinggi memerlukan perspektif luar biasa kerana perspektif biasa tidak akan dapat menjanjikan status kita dapat mengatasi banyak persaingan serantau dan antarabangsa," jelas Dato Paduka.

Menurutnya, dengan penduduk yang kecil dan sumber asli yang terhad atau boleh pupus, pendekatan pendidikan kita perlulah di dalam bentuk 'education for survival'.



PARA pelajar yang terpilih mengikuti kursus di UBD ketika mendengar ucapan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyabdakan sesuatu kepada Ahli-ahli Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ketika berbual mesra di sebuah bilik Ibu Pejabat YSHHB (atas).

DYTM dengan penuh prihatin meneliti beberapa buku yang dipamerkan di salah sebuah ruang Ibu Pejabat YSHHB (kiri).

Lawatan kerja DYTM ke YSHHB



PEGAWAI dan kakitangan wanita tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis DYTM.

LIPUTAN ABDULLAH ASGAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH HARUN HR
DAN ABDULLAH HAD

KUMBANG PASANG, 7 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai keprihatinan DYTM terhadap peranan, projek dan aktiviti YSHHB sejak penubuhannya hampir 12 tahun lalu.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Ibu Pejabat YSHHB di sini dijunjung oleh Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin serta Pengerusi Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah YSHHB.

Dalam sembah taklimat oleh YDM antara lain menyembahkan bahawa YSHHB ditubuhkan pada bulan Oktober 1992 bersempena sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta sebagai wadah amal jariah baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Selain dari itu penubuhan YSHHB juga untuk memberikan bantuan kepada kalangan yang memerlukan iaitu dalam bidang kebajikan yang meliputi bidang keagamaan, pendidikan, pembangunan dan kewangan melalui program-program yang bersesuaian.

YSHHB juga telah menyediakan perancangan strategiknya bagi dekad kedua sejak penubuhannya, perancangan tersebut kini dalam peringkat akhir penelitian Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah YSHHB.

Perancangan strategik itu antara lain menggariskan misi, wawasan, objektif, isu strategik dan langkah jangka masa pendek, pertengahan dan panjang bagi YSHHB.

Apa yang dihasratkan bagi perancangan strategik itu jika diluluskan nanti akan menjadi garis panduan bagi hala tuju dan langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang dijalankan secara dalaman dan melalui rangkaian kerja serta kerjasama dengan agensi kerajaan dan NGO.

Sehingga sekarang, YSHHB mempunyai seramai 267 orang tenaga kerja



PEGAWAI yang bertugas menyebarkan sesuatu ke hadapan majlis DYTM mengenai beberapa dokumen YSHHB.

dalam pelbagai bidang yang antaranya 39 orang bertugas di Ibu Pejabat, 78 di Kompleks YSHHB di ibu negara termasuk 50 orang pengawal keselamatan, 62 orang di Sekolah YSHHB, sembilan di cawangan pejabat, bengkel tenunan dan Masjid YSHHB serta 79 orang di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Ketika ini Pentadbiran YSHHB dibahagikan kepada 10 bahagian iaitu pentadbiran, ugama, ke-

bajikan, akademik, tugas-tugas khas, perhubungan awam, hartanah, akaun, sumber kemajuan tenaga manusia dan teknologi maklumat.

Di akhir taklimat DYTM menyabdakan keprihatinan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan sumber pendapatan YSHHB, perancangan jangka pendek dan panjang, permasalahan yang dihadapi di bawah Rancangan Perumahan Kampong Bol-

Lihat muka 13




DYTM menerima junjung ziarah sewaktu berangkat tiba di Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB (atas).

DYTM melawat bilik komputer Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB (kiri).

DYTM ketika melawat sebuah bilik darjah (kanan).

SEORANG lagi cucunda Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariyah Widatul Bolqiah sewaktu memperlihatkan kebolehannya mengendalikannya komputer (kanan sekali).





DYTM merakamkan gambar kenangan ketika berangkat melawat ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong (kiri).

YANG Dimuliakan Pehin Kapitan China Kurnia Diraja Awang Lau Ah Kok menyampaikan sumbangan untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (kanan).



DENGAN penuh minat DYTM memerhatikan pelajar-pelajar yang menggunakan huruf braille belajar menghafal Al-Quran.

Lawatan kerja ke YSHHB

Dari muka 12

kiah 'A' dan 'B' serta status pencapaian beberapa projek YSHHB, kemudian Pengerusi Lembaga Pengarah menyampaikan penjelasan mengenai perkara-perkara berkenaan serta usaha-usaha yang dibuat oleh pihak YSHHB berhubung kait dengannya.

DYTM kemudiannya berkenan untuk mengikuti Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah mengenai cabaran-cabaran dan isu-isu semasa yang dihadapi dan langkah-langkah yang diambil oleh YSHHB dan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk

Anak-Anak Yatim bagi menanganinya.

Setelah itu DYTM membuat lawatan ke beberapa bahagian di sekitar Ibu Pejabat YSHHB dengan disebarkan taklimat oleh ketua bahagian masing-masing sambil menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan YSHHB. Antara yang dilawati ialah pengurusan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang di bawah pentadbiran YSHHB sepenuhnya sebelum berangkat meneruskan lawatan ke Taman Asuhan Kanak-Kanak YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB yang terletak di Jalan Kebangsaan.



DYTM menyaksikan bagaimana sebahagian pelajar ITQSHHB menghafal Al-Quran di Musolla.



DYTM semasa meninjau ke Pos Polis yang terdapat di Kampong Bolkiah 'A' sebagai langkah menjamin keselamatan dan ketenteraman bagi penduduk di sekitarnya (atas).

ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk menjunjung ziarah sewaktu DYTM berada di Kompleks YSHHB (kanan sekali).

SEBUAH kedai runcit juga sempat dilawati oleh DYTM yang disediakan oleh pihak YSHHB (kanan).

Lihat muka 14



SEBUAH keluarga bergambar ramai bersama DYTM sewaktu keberangkatan DYTM ke kediaman mereka (bawah).



DYTM menepung tawar seorang pelajar Sekolah Rendah YSHHB yang khatam Al-Quran.



DYTM ketika meninjau Klinik Kesihatan yang disediakan oleh pihak YSHHB dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.



Menteri Kesihatan Awam Afghanistan mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima menghadap Puan Yang Terutama Dr. Sohaila Seddiq, Menteri Kesihatan Awam Afghanistan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (gambar kanan).

Semasa majlis ter-



sebut, Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Puan Yang Terutama dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara ke-

pentingan dua hala dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Afghanistan.

Menurut siaran akhbar

kementerian tersebut, Puan Yang Terutama berada di negara ini mengetuai empat ahli delegasi bagi lawatan tujuh hari.

Al-Quran sumber rujukan, panduan

BERAKAS, 2 Ogos. - Al-Quran merupakan sumber rujukan dan panduan bagi manusia agar mereka dapat menjalani semua aspek kehidupan dengan betul di dunia, di samping untuk mendapatkan tempat yang baik dan abadi di akhirat nanti.

Ajaran Al-Quran juga bersifat universal kerana diturunkan bukan sahaja kepada orang-orang Arab, malah sebagai panduan manusia seluruhnya dalam menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Perkara itu telah disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika berangkat ke Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Perkara itu telah disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz di Pertandingan Akhir Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Amat Mulia bersabda, pelaksanaan hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran adalah sesuai bagi semua manusia di mana pun mereka berada dan pada bila-bila masa.

Menurut Yang Amat Mulia, kemungkaran merupakan gejala-gejala negatif dalam kehidupan juga boleh mempengaruhi kehidupan dan memburukkan keseluruhan masyarakat.

Yang Amat Mulia seterusnya menyabdakan contoh gejala penipuan



YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika berangkat ke Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

dan penyelewengan dalam segala bentuk dan membawa kerakusan seperti salah guna kuasa dan mengambil kesempatan dari kuasa dan kemudahan, penyebaran propaganda yang mengganggu ketenteraman, tidak menjaga hal bersama dalam masyarakat, pecah amanah serta mengharuskan perkara-perkara yang ditegah dan seumpamanya.

Yang Amat Mulia seterusnya bersabda, sekarang ini nampaknya kebenaran dan kejujuran itu seolah-olah menjadi sesuatu yang boleh dinilai dengan harga kepentingan di dunia bukannya dengan ketulusan hati.

"Memang tidak diragui lagi bahawa pergolakan dunia yang kucar-kacir sekarang ini adalah kerana kesilapan manusia yang tidak mengendahkan ajaran-ajaran Al-Quran," ujar Yang Amat Mulia.

Sebahagian manusia lebih suka membuat hukum mengikut kehendak dan kepentingan sen-

Oleh Samle Haji Jait

diri yang didorong oleh hawa nafsu yang akhirnya akan membawa malapetaka dan penderitaan kepada manusia.

Perkara ini banyak diingatkan dalam Al-Quran sebagaimana yang menimpa pada kaum Nabi Lut, Kaum Aad dan Thamud, kehancuran Fir'aun, Tentera Bergajah dan pada masa sekarang buktinya ialah kelihatan dan merasa bahang kehancuran ummah di muka bumi ini kerana keingkaran manusia kepada ajaran Allahu Rabbi.

Yang Amat Mulia bersabda supaya seluruh rakyat negara ini sentiasa berusaha bagi mendapatkan hidayah, kekuatan dan kesedaran daripada Allah supaya kita sebagai warga dunia akan saling bantu-membantu dalam menghayati ajaran-ajaran Al-Quran.

"Di samping kita dapat menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam dan menjadi teladan dan ikutan oleh orang lain," sabda Yang Amat Mulia.

Seramai empat qari dan empat qariah yang berjaya terpilih ke peringkat akhir Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan telah memperdengarkan bacaan mereka.

Peserta qari ialah Awang Haji Manan bin Haji Osman, Awang Haji Mahruf bin Haji Chuchu, Awang Mohammad bin Ali dan Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.

Sementara empat pe-

Hajah Saadiyah binti Haji Hussin, Dayang Hajah Norlela binti Haji Metussin, Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman dan Dayang Norezah binti Haji Mohd, Deli.

Johan qari dan qariah pada pertandingan itu akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-46 di Kuala Lumpur nanti.

Terdahulu dari itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan berkata, kejayaan empat muka baru yang masih remaja pada pertandingan akhir merupakan petanda yang baik terhadap tahap peningkatan mutu bacaan Al-Quran para remaja di negara ini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Majlis juga diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Hajah Jahadah binti Badar, johan qariah di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-45 di Kuala Lumpur tahun lalu.

Berangkat dan hadir menyaksikan pertandingan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kerajaan.

Lawatan kerja DPMM ke YSHHB

Dari muka 13

Lawatan DYTM ke YSHHB mencerminkan keprihatinan DYTM mengenai perkembangan sosioekonomi rakyat negara ini dan melihat berbagai usaha infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan serta penglibatan YSHHB dalam meningkatkan tahap kehidupan rakyat yang memerlukan bantuan dan pertolongan.

Lawatan itu juga sebagai sokongan dan dorongan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menanai aspirasi negara dengan menjalankan tugas dengan betul, lebih komitmen, dedikasi dan efisien.

Dari Ibu Pejabat YSHHB, Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB di mana DYTM dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pengiran Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah YSHHB.

Antara atur cara di sini ialah sembah alu-aluan oleh Guru Besar, Dayang Hajah Halimah bin Haji Maidin mengenai pencapaian sekolah dan kemudian menyaksikan persembahan daripada murid-murid sekolah tersebut yang antaranya cucunda Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkihah.

Selesai persembahan, DYTM berkenan menerima pesembah dan meneruskan lawatan ke kolam renang sekolah berkenaan sebelum beredar ke kelas-kelas dan menyaksikan kemudahan lain di sekolah itu.

Ketika melawat ke bilik komputer seorang lagi cucunda Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolkihah melihat kepan-daiannya dalam mengendalikan komputer.

MELAWAT ITQSHHB

Dari Sekolah YSHHB, DYTM meneruskan lawatan ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkihah (ITQSHHB) yang terletak di Jalan Tutong. Di sana DYTM telah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Tadbir ITQSHHB dan Pengetua serta pegawai-pegawai kanan.

Dalam sembah taklimat oleh Pengetua ITQSHHB, Awang Haji Abdul Rajid antara lain menjelaskan, sejauh ini institut tersebut mempunyai lebih 200 orang pelajar lelaki dan perempuan bermula dari Tingkatan Satu hingga Lima dan pelajar-pelajar huruf braille bagi yang kurang daya penglihatan.

Tidak berapa lama lagi seorang pelajar institut berkenaan yang melanjutkan pengajian di Universiti Of Wales akan menamatkan pengajian dan menerima ijazah oleh universiti berkenaan.

Selepas sembah taklimat, DYTM ingin mengetahui sama ada penuntut-penuntut institut menghadapi masalah untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara dan mengenai pencapaian institut dalam peperiksaan awam sejauh ini, pengetua institut telah menyebarkan penjelasan mengenai sabda pertanyaan tersebut.

DYTM meneruskan lawatan untuk meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan pembelajaran yang disediakan antaranya ke Bilik Perpustakaan, Matematik, Makmal Komputer, Makmal Bahasa, Kelas Tajwid, Makmal Sains dan Bilik Pelajar Braille khusus bagi penuntut-penuntut kurang daya penglihatan.

Selesai Sembahyang Fardu Zuhur di Mosalla institut berkenaan, DYTM menandatangani buku lawatan dan berkenan menerima pesembah serta junjung ziarah sebelum berangkat ke Kompleks YSHHB bagi santap tengah hari.

MELAWAT KOMPLEKS YSHHB

Selepas santap, DYTM berkenan menerima beberapa sumbangan daripada penyewa-penyewa Kompleks YSHHB untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, seterusnya menerima junjung ziarah para penyewa di kompleks berkenaan.

DYTM meneruskan lawatan meninjau dengan lebih dekat lagi ke beberapa buah pintu kedai yang beroperasi di Kompleks YSHHB dan singgah ke Pusat Sumber Kerjaya, Kementerian Pendidikan yang beroperasi di YSHHB.

Pusat tersebut dibuka bagi menghubungkan agensi-agens kerajaan dan swasta dengan lepasan sekolah atau institusi pengajian tinggi yang sedang mencari pekerjaan.

MELAWAT KAMPONG BOLKIAH

Lawatan DYTM seterusnya ialah ke Kampung Bolkihah 'B' dengan mula-

mula singgah ke rumah Ketua Kampung, Awang Shamsuddin bin Haji Maidin dengan dijunjung oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan.

Dahulunya kampung tersebut dikenali sebagai Pulau Berambang kini merupakan kawasan rancangan perumahan yang disediakan oleh YSHHB dengan kerjasama pihak kerajaan.

Sekarang terdapat 250 buah rumah di Kampung Bolkihah 'B' yang kebanyakannya menempatkan mangsa kebakaran Kampung Ayer 1993.

Kemudian DYTM berkenan berangkat melawat Sekolah Agama Kampung Bolkihah 'B' di mana kebetulan Majlis Khatam Al-Quran diadakan bagi 28 orang penuntutnya. DYTM sendiri berkenan menepung tawar para pelajar dan menerima junjung ziarah mereka yang dikhatamkan.

Lawatan DYTM seterusnya ialah ke Klinik Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar bagi penduduk di kampung berkenaan. Setelah itu lawatan diteruskan ke Cawangan Pejabat YSHHB dan ke kedai runcit yang terdapat di kampung tersebut.

DYTM meneruskan lawatan ke Kampung Bolkihah 'A' yang juga merupakan Rancangan Perumahan YSHHB dikenali sebelum ini sebagai Kampung Buang Sakar yang mengandungi 226 buah rumah. Rumah Ketua Kampung Awang Haji Ibrahim juga dilawati oleh DYTM.

DYTM kemudian berangkat melawat Masjid YSHHB yang mana masjid tersebut adalah wakaf Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di sini juga DYTM sempat menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Setelah itu DYTM berangkat pula melawat ke pameran dan hasil kerajinan oleh penduduk Kampung Bolkihah 'A' dan 'B' serta sempat beramah mesra dan menerima junjung ziarah.

Sebelum menamatkan lawatan kerja, DYTM dijunjung untuk singgah di salah sebuah rumah di kampung tersebut dan melawat Pos Polis yang terdapat di sana yang memberikan khidmat keselamatan dan ketenteraman, selain sebagai tempat penduduk-penduduk Kampung Bolkihah 'A' dan 'B' membuat pelbagai laporan polis.

ARENA SUKAN

JIMMY BERAKSI DI SUKAN OLIMPIK ATHENS

BERAKAS, 7 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersabda penyerahan bendera kebangsaan kepada kontinjen negara untuk menyertai Sukan Olimpik Ke-XXVIII merupakan satu mandat negara dan rakyat kepada kontinjen agar mereka dapat membuktikan keupayaan untuk bersaing di peringkat tertinggi bagi mengharumkan negara di persada antarabangsa.

"Penyertaan negara ke Sukan Olimpik yang bertaraf antarabangsa itu merupakan sejarah penyertaan buat kali ketiganya," sabda Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Olimpik Ke-XXVIII di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pagi tadi.

Kejohanan Sukan Olimpik akan berlangsung di Athens, Greece bermula 13 hingga 29 Ogos.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke ha-

Oleh Samle HJ

dapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta melahirkan sabda penghargaan kepada kerajaan baginda yang telah memperkenankan penyertaan kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Olimpik pada tahun ini dengan memberi bantuan latihan, kewangan di samping lain-lain kemudahan.

"Segala bentuk bantuan yang disediakan ini adalah semata-mata bagi memastikan sukan di negara ini membangun secara lebih sistematik menerusi pengurusan-pengurusan sukan yang lebih cekap serta berkesan agar ianya dapat direalisasikan ke arah mewujudkan ahli sukan berbilang, sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Sekalipun penyertaan negara merupakan satu jumlah yang agak kecil dan negara hanya menghantar seorang atlet dari sukan olahraga, Duli Yang Teramat Mulia bersabda,

mengingatkan supaya semua pegawai dan peserta akan dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam apa juga keadaan dengan semangat kesukanan yang tinggi serta sopan santun yang terpuji, mematuhi dan menghormati segala peraturan, di samping memperkukuhkan persefahaman hubungan setia kawan di antara negara-negara peserta dan penganjur demi menapai nama baik negara.

Dalam masa yang sama, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam juga bersabda agar peserta negara mencuba sedaya upaya untuk menyaingi dan mengatasi pesertapemerta lain sekalipun laluan untuk mencapai kemenangan dan kejayaan adalah amat mencabar.

"Jika kita lakukan dengan penuh keazaman, kesungguhan, semangat juang yang jitu setidak-tidaknya kita mampu memperolehi pencapaian terbaik," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya mengingatkan bahawa kejayaan

cemerlang dalam bidang sukan tidak akan dapat dicapai oleh mana-mana atlet tanpa adanya usaha sama yang bersepadu dari semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan sukan kebangsaan, ibu bapa, atlet dan masyarakat untuk sama-sama berganding bahu memberikan jangka panjang sebagai usaha ke arah melahirkan ahli sukan yang berprestasi tinggi.

Kemudian, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyerahkan bendera Negara Brunei Darussalam kepada Chef de Mission, Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Olimpik, Awang Japar bin Bangkol, Pengarah Belia dan Sukan.

Sementara itu dalam sembah alu-aluan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, pemilihan atlet negara itu telah mencukupi kriteria-kriteria selepas melalui proses yang dinilai secara profesional oleh jawat-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang juga Presiden BDNOC ketika berkenan mengurniakan bendera negara kepada Chef de Mission, Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Olimpik di Athens, Awang Japar bin Bangkol di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Pg. Hj. Bahar PHO.

ankuasa pemilihan atlet dan pasukan-pasukan serantau dan antarabangsa.

Teks Yang Dimuliakan dibacakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal seterusnya menjelaskan pemilihan atlet negara itu merupakan 'role model' kepada atlet-atlet yang lain untuk terus giat berusaha ke arah meningkatkan lagi mutu prestasi mereka dalam acara sukan masing-masing.

Yang Dimuliakan berharap peserta negara akan dapat menunjukkan prestasi yang lebih tinggi

melalui penyertaan yang sudah-sudah dan sekurang-kurangnya dapat memecahkan rekod kebangsaan dalam acara yang sudah disertainya.

"Semangat tinggi dalam pertandingan mestilah kita tanamkan dalam diri masing-masing dengan harapan untuk memberikan saingan yang penuh dan terus berusaha untuk mencuba meraih apa-apa juga kemenangan nanti," jelasnya.

Jimmy anak Ahar yang akan bersaing dalam 1,500 meter pada kejohanan empat tahun sekali itu merupakan pemegang rekod kebangsaan dalam

acara itu dengan catatan 5.59 minit dan penyertaan itu merupakan peluang terbaik baginya untuk menunjukkan keupayaan sebenar.

Sementara itu, dua lagi atlet remaja, Sanny Choo Zi Lung dan Nur Sari Hafizzah Matassan juga terpilih untuk menyertai atlet lain sebagai pemerhati kejohanan.

Penyertaan tersebut merupakan motivasi kepada atlet muda untuk melihat sendiri persaingan selama kejohanan itu berlangsung, di samping menimba pengetahuan bersama-sama atlet dari negara-negara peserta Sukan Olimpik nanti.

Seruji pertahankan kejuaraan golf

Oleh Hj. Ahat HI

JERUDONG, 1 Ogos. - Seruji Haji Setia berjaya mengekalkan kejuaraan keseluruhan gross, Kejohanan Golf Terbuka Amatur Antarabangsa Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 yang berlangsung di Royal Golf Jerudong Park Country Club.

Pemain berpengalaman yang mempunyai handikap - 1 itu, mencatatkan 216 gross dari 56 lubang dan merangkul hadiah wang \$1,300.00 berserta piala rebutan sumbangan oleh Hongkong and Shanghai Banking Corporation, di samping muncul juara keseluruhan, Seruji juga menduduki tempat kedua gross bagi perlawanan hari kedua.



YANG Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris mengurniakan piala kepada juara golf keseluruhan gross, Seruji Haji Setia. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Naib juara keseluruhan gross disandang oleh Johari Haji Ahmad dengan mencatatkan 250 gross, manakala tempat ketiga ialah Haji Supahan Haji Ismail yang mencatatkan 252 gross.

Berangkat mengurniakan hadiah-hadiah diakhir kejohanan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris. Juga menyampaikan hadiah-hadiah ialah Pegawai Daerah Brunei

dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan.

Juara bagi keseluruhan nett pula disandang oleh Pengiran Haji Zulkefli Pengiran Haji Besar yang mencatatkan 141 OCB dan merangkul piala rebutan yang juga disumbangkan oleh Hongkong and Shanghai Banking Corporation.

Dr. Ding Pei Kong menduduki tempat kedua dengan mencatatkan 141 nett dan di tempat ketiga ialah Haji Iskandar Haji Yusof.

Juara gross bagi orang-orang kenamaan dan undangan ialah Haji Abdul Aziz Kassim; kedua, Simon Williams dan ketiga, Isaac Chandran, sementara juara nett pula ialah Abdullah Sali; kedua, Yusof Wahid dan ketiga, William Yap.

Kejohanan tiga hari yang disertai oleh lebih 90 pemain yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, pengusaha-pengusaha tempatan dan ahli-ahli kelab golf di negara ini.

RTB siar Sukan Olimpik 15 jam sehari

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Ogos. - Para penduduk di Negara Brunei Darussalam akan berpeluang menyaksikan Sukan Olimpik Athens 2004 yang akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) selama 15 jam setiap hari.

Siaran secara langsung akan disiarkan oleh RTB menerusi saluran 10 dan 11 (antarabangsa) yang akan bermula pada 13 hingga 30 Ogos ini.

Menurut Ketua Bahagian Sukan Tv, Awang Mohd. Taha bin Haji Metahir, kebanyakan acara sukan itu akan bermula pada 8.30 pagi waktu Athens, iaitu lima jam lewat dari waktu Brunei (1.30 petang waktu Brunei) hingga jam 3.30 pagi waktu Brunei.

Siaran pertama Sukan Olimpik Athens 2004 akan bermula dengan RTB menyiarkan secara langsung perlawanan bola sepak lelaki sejourus

selepas News At 10.

Sementara majlis perasmian sukan terbesar dunia itu akan disiarkan pada 14 Ogos kira-kira jam 1.30 petang waktu Brunei menerusi saluran 5 dan 8 serta 10 dan 11.

Saluran yang sama juga akan menyiarkan majlis penutupan rasminya pada 30 Ogos.

Liputan siaran langsung akan menumpukan acara-acara sukan yang popular di negara ini seperti bola sepak, badminton, renang, olahraga, tinju, ping pong dan bola keranjang.

Siaran langsung Sukan Olimpik Athens 2004 dapat diungkuhkan oleh RTB melalui Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan dengan sokongan oleh DST dan beberapa penaja yang lainnya.



KETUA Bahagian Sukan Tv, Awang Mohd. Taha bin Haji Metahir memberikan taklimat sidang akhbar mengenai siaran televisyen bagi penyiaran Sukan Olimpik Athens 2004. - Gambar oleh Masri Osman.

Berangkat saksikan persembahan Malam Serumpun

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Ogos. - Sekitar ruang udara ibu negara terang-benderang dengan cahaya warna-warni persembahan bunga api yang pelbagai bentuk.

Persembahan bunga api menjadi acara tradisi dan tarikan yang memukau ribuan penonton yang membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-58 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan berangkat menyaksikan persembahan Malam Serumpun dan persembahan bersepadu perarakan kebudayaan dan kereta berhias dan bunga

Oleh
Haji Ahmad HS

api yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini.

Keberangkatan baginda berdua di perkarangan taman dijunjung oleh Pengerusi Eksekutif Jawatankuasa Tertinggi, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan dan ahli-ahli jawatankuasa sambutan bagi Daerah Brunei dan Muara.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Ter-

amat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menyaksikan perarakan berjalan lalu yang disertai oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, ahli-ahli jawatankuasa Malam Serumpun, hakim dan pengadil Perlawanan Tarik Kalat Se Borneo, pasukan-pasukan tarik kalat dari Kalimantan, Indonesia; Wilayah Persekutuan Labuan, Kota Kinabalu, Sabah; Limbang, Sarawak dan Kumpulan-kumpulan Kebudayaan Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Perarakan kenderaan berhias merupakan salah

satu acara yang turut memeriahkan Malam Serumpun yang disertai oleh jabatan-jabatan, kementerian-kementerian, Persatuan Bank-bank Brunei, persatuan peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat swasta.

Memeriahkan lagi Malam Serumpun ialah persembahan-persembahan tari dan nyanyian oleh kumpulan kebudayaan dari daerah-daerah, para artis tempatan dan juga luar negara.

Acara kemuncak Malam Serumpun yang menjadi tarikan pada malam itu ialah Perlawanan Tarik Kalat SeBorneo. Pasukan Kalimantan, Indonesia berjaya menewaskan Pasukan Tarik Kalat Wilayah Persekutuan Labuan untuk menduduki tempat ketiga. Manakala johan dan tempat kedua masing-masing disandang oleh Pasukan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Kementerian Pembangunan dan Pasukan Tarik Kalat Kota



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan berangkat menyaksikan persembahan Malam Serumpun.

Kinabalu, Sabah.

Di akhir majlis baginda berkenan mengurniakan hadiah-hadiah perlawanan tarik kalat dan perarakan kenderaan berhias.

Johan Perlawanan Tarik Kalat SeBorneo menerima wang tunai berjumlah \$6,000.00 dan piala kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. Sementara Pasukan Kota Kinabalu, Sabah di

tempat kedua menerima hadiah wang tunai bernilai \$4,000.00 dan piala dan tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Tarik Kalat Kalimantan, Indonesia menerima hadiah wang tunai \$2,000.00.

Manakala bagi acara kenderaan berhias tempat pertama dimenangi oleh Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad dengan tema Persahabatan Hubungan Niaga Antara Negara Brunei Darussalam, Jepun dan Korea. Tempat kedua

ialah Komuniti Pelabuhan dengan tema Operasi Terminal Kontena dengan menerima wang tunai \$3,000.00 dan piala dan tempat ketiga dimenangi oleh Kementerian Pembangunan menerima hadiah wang tunai \$2,000.00 dan piala.

Baginda kemudian berkenan berangkat beramah mesra dan menerima junjung ziarah para peserta persembahan Malam Serumpun.

Tangani bersama keselamatan pengguna-pengguna jalan raya

BERAKAS, 6 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatullah Bolkiah bersabda tanggungjawab menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya mestilah ditangani secara usaha sama di antara pengguna jalan raya dan pihak kerajaan yang ditugaskan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya.

YTM bersabda, pada awal tahun ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menguatkuasakan satu peraturan lalu lintas jalan raya yang menghendaki setiap pengguna kenderaan bermotor untuk memasang dan menggunakan tali pinggang keledar atau alat-alat keselamatan yang sesuai untuk kanak-kanak.

YTM bersabda demikian di Pertandingan Kanak-kanak Sihat 2004 bagi Daerah Brunei Muara di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Peraturan dikuatkuasakan adalah semata-mata untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan kanak-kanak semasa berada di

dalam kenderaan bermotor.

Justeru ke arah itu YTM menyeru kepada semua ibu bapa supaya berusaha memastikan anak-anak mereka memakai tali pinggang keledar atau kerusi keselamatan semasa perjalanan dalam kereta walaupun perjalanannya tidak jauh.

Peraduan Kanak-kanak Sihat sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Ke-58 dan dibahagikan kepada enam kategori.

Kategori A bagi kanak-kanak yang berumur 6 hingga 9 bulan dimenangi oleh An Nur Yura Haji Shairul Bahari; naib johan, Abdul Aziz Abdul Mujeeb dan ketiga, Lailatul Qadariah Ridzani.

Manakala kategori B bagi umur 9 hingga 12 bulan telah dimenangi oleh Muhammad Haikal Zakwan Suhardi; naib johan, Mohd. Irfan Norhisyam dan ketiga, Nur Husnina Hannah Ahmad Zamri.

Kategori C bagi kanak-kanak 12 - 18 bulan dimenangi oleh Arba Innah Hare'essa Abdul Aziz.

Kategori D bagi kanak-kanak yang berumur 18 hingga 24 bulan dimenangi oleh Mohammad Ezarul Ezwan Radiwan.

Sementara itu pasangan kembar Muhammad Afiq Hafizian dan Nur Afiqah Hafizah Haji Esa muncul sebagai pemenang kategori E kanak-kanak kembar.

Nur Hassanatul Fikriyah binti Sufri muncul sebagai pemenang kategori F bagi kanak-kanak yang lahir pada 15 Julai tahun lalu.

Pemenang pertama setiap kategori menerima hadiah wang tunai \$150.00, naib johan \$100.00 dan tempat ketiga \$50.00 sumbangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), di samping piala dan hadiah-hadiah iringan.

Peraduan yang diselenggarakan Pertubuhan Perumpulan Perempuan (WI) dengan tema 'Keselamatan Jalan Raya Bukannya Kemalangan' antara lain bertujuan untuk menekankan keutamaan penjagaan dan pemeliharaan kesihatan kanak-kanak di peringkat kecil lagi agar membesar dalam keadaan sihat dalam semua aspek.

Oleh
Abu Bakar
HAR

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatullah Bolkiah berkenan menyampaikan hadiah kepada Abdul Aziz Abdul Mujeeb, naib johan kategori A Peraduan Kanak-kanak Sihat 2004 bagi Daerah Brunei-Muara (kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.



Memangku sementara jawatan Timbalan Pesuruhjaya Polis

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan supaya Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit, Timbalan Pesuruhjaya Polis untuk ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Baginda juga berkenan melantik Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Pemangku

Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Zainuddin bin Jalani, Timbalan Pengarah Gerakan untuk memangku sementara jawatan Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, pertukaran dan perantikan tersebut bermula pada hari Selasa, 10 Ogos 2004.

RALAT

TAJUK di muka 1 ANEKA keluaran Pelita Brunei 11 Ogos 2004 hendaklah dibaca 'PDB sembahkan Majlis Santap'. - Penyunting.


میثکتکن اینتیکریتی قفوروسن دان قنتدبیران دالم قخدمتن عوام
MENINGKATKAN INTEGRITI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

دربیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن قرحیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

PDB SEMARAKKAN MAJLIS SANTAP

Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA dan Pengiran Rafee PDPHM dan Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memotong kek yang dipersembahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sempena Hari Keputeraan baginda ke-58 tahun.



BAGINDA berdua ketika berangkat ke Majlis Persantapan yang disempahkan oleh PDB.

BAGINDA berdua ketika berkenan menerima junjung ziarah sejeurus keberangkatan tiba (bawah).



BAGINDA ketika menyaksikan pesembah yang disempahkan ke hadapan majlis baginda oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman (atas).

BAGINDA ketika berkenan beramah mesra bersama seorang anggota PDB bagi sama-sama memeriahkan majlis malam itu (atas kanan).

JUNJUNG ZIARAH ... Baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah anggota PDB di Majlis Persantapan (kanan).



BERANGKAT sama DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YM Datin Hajah Faezah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (kiri sekali dan kiri).

SUKAN UNTUK RIADAH, KECEMERLANGAN DAN EKONOMI

SUKAN kini bukan hanya sekadar riadah tetapi boleh dimanfaatkan untuk kecemerlangan diri, mengangkat imej negara dan mengeratkan hubungan serta menjaga pertumbuhan ekonomi.

Sebab itulah sukan mendapat tempat dan diberikan perhatian sewajarnya oleh negara-negara dunia ketika ini. Prasarana sukan dan latihan-latihan yang baik dan bersepatu bukan sahaja boleh menjurus ke arah melahirkan atlet-atlet sukan 'profesional' dalam pelbagai jenis sukan tertentu, malah sebagai wadah untuk mencapai manfaat, di atas.

FOKUS minggu ini akan membicarakan manfaat bidang sukan kepada para atlet, mengangkat imej bangsa dan negara termasuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

KECEMERLANGAN DIRI

Sukan sejak dari dahulu lagi memang merupakan riadah untuk mengekal dan meningkatkan kesihatan fizikal dan mental. Apatah lagi ketika ini masyarakat berhadapan dengan 'penyakit moden' seperti kolesterol, darah tinggi dan sebagainya akibat tabiat pemakanan dan kurang bersenam.

Kata orang, 'otak yang baik terletak di badan yang sihat'. Jika badan dan otak sihat maka selesalah melakukan apa juga pekerjaan dan kegiatan. Kerja yang dihasilkan juga akan lebih berkualiti dan mantap.

Pada masa yang sama sukan juga boleh menjurus kepada kecemerlangan diri. Sebarang pencapaian akan diberikan 'hadiah' sebagai ganjaran kepada atlet berkenaan. Ganjaran yang akan diterima mengikut taraf pertandingan sama ada di peringkat sekolah, kampung, mukim, daerah, kebangsaan, serantau atau antarabangsa. Hadiah pula sama ada berupa tropi, pingat sukan, surat akuan atau wang ringgit dan seumpamanya.

Pada masa yang sama nama atlet yang cemerlang dalam jenis-jenis sukan tertentu akan menjadi terkenal dan dijulung tinggi oleh masyarakat kerana mampu mengangkat imej dan martabat negara.

Ketika ini atlet yang bertaraf 'profesional' sama bandingannya seperti barangan atau produk berkualiti yang mempunyai nilai dan harga yang cukup tinggi. Di luar negara seorang atlet 'profesional' boleh hidup dengan mewah hasil kecemerlangan mereka dalam sukan.

Atlet 'profesional' dalam acara sukan bola sepak, badminton, tenis, golf, tinju, lumba kereta, lumba perahu dan banyak lagi akan menerima ratusan ribu atau jutaan ringgit sebagai hadiah atau bayaran atas kemenangan mereka.

Pada masa yang sama kelab-kelab atau organisasi sukan akan berebut-rebut melamar atau 'membeli' mereka dengan harga yang mahal. Untuk memohon kerja di syarikat-syarikat besar pun mereka akan mudah diterima kerana atlet berkenaan akan dapat mengharumkan nama baik syarikat.

Lebih dari itu jika pencapaian seseorang atlet itu 'besar' di peringkat antarabangsa mereka juga akan diberikan ganjaran lebih 'besar' berupa wang ringgit, rumah, atau 'gelaran' dan seumpamanya walaupun ganjaran tersebut bukan menjadi matlamat asal para atlet.

Atlet 'profesional' yang bijak juga akan terus menikmati keselesaan hidup walau pun mereka sudah

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

bersara dari acara yang mereka ceburi. Mereka biasanya akan dilantik menjadi penasihat atau jurulatih dalam bidang sukan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman.

Itulah sedikit sebanyak kecemerlangan diri yang boleh dicapai dalam bidang sukan yang semakin banyak menawarkan manfaat kepada para atlet.

MARTABAT

Para atlet yang mencapai kejayaan di peringkat serantau dan antarabangsa akan dapat mengangkat imej dan martabat serta mengharumkan nama baik bangsa dan negara atas pencapaian mereka.

Seperti kebiasaannya dalam mana-mana pertandingan atau acara sukan di peringkat serantau atau antarabangsa nama-nama atlet dan negara yang diwakili akan diumumkan serentak dengan tambahan pungutan pingat. Lagu Kebangsaan dikumandangkan, manakala bendera negara pemenang juga akan dikibarkan dengan megahnya.

Apatah lagi jika pencapaian itu boleh memecah rekod yang ada maka berebut-rebutlah wakil-wakil media elektronik dan media cetak antarabangsa merakamkan kemenangan tersebut untuk disiarkan melalui akhbar-akhbar, televisyen dan media-media yang lain.

Masyarakat antarabangsa yang menonton televisyen dan membaca akhbar atau mengikutinya melalui alat-alat sebaran am yang lain bukan sahaja akan mengenali atlet berkenaan tetapi juga negara yang mereka wakili.

Begitu juga jika sesebuah negara itu dapat mengangkat atau menganjurkan temasya sukan peringkat serantau mahupun antarabangsa, nama negara akan menjulang naik. Sebagai contoh kejayaan cemerlang kita buat pertama kalinya menajayakan Sukan SEA pada tahun 1999 dahulu mendapat pujian seluruh pelusuk dunia. Begitu jugalah dengan kejayaan negara kita menganjurkan acara-acara sukan lain yang melibatkan penyertaan negara luar.

HUBUNGAN

Tidak dapat dinafikan seperti yang sering disebut sukan boleh meningkatkan 'hubungan silaturahmi dan persahabatan'. Perkara tersebut sememangnya betul kerana interaksi melalui sukan dapat merapatkan lagi hubungan yang sedia ada baik sesama atlet mahupun organisasi atau negara peserta.

Akan wujud kemesraan dan persefahaman antara atlet berbilang bangsa atau negara. Mereka akan dapat mengenali secara lebih dekat mengenai budaya sesebuah negara. Begitu juga di kalangan negara-negara yang menyertai kejohanan, hubungan kerjasama akan bertambah erat.

Kadang-kadang terjadi 'pertikaian diplomatik' antara

sebuah negara dengan negara yang lain hingga membawa kepada pengantungan atau terputusnya hubungan diplomatik. Dalam banyak keadaan negara-negara terlibat akan tetap menyertai dan berinteraksi dalam temasya-temasya sukan baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Dalam keadaan tertentu untuk 'seketika' berlaku pertikaian diplomatik di peringkat negara terbabit tetapi hubungan rakyat masih terjalin dan diteruskan melalui acara-acara sukan. Ada juga ketikanya sesuatu krisis atau pertikaian 'dibai pulih' pada peringkat awalnya melalui acara-acara sukan persahabatan dan seumpamanya.

Ada juga ketikanya sesebuah negara yang ingin menyertai sesebuah gagasan atau persatuan/organisasi peringkat serantau mahupun antarabangsa akan dilibatkan terlebih dahulu dalam acara sukan sebelum diterima sepenuhnya menjadi ahli kepada pertubuhan tersebut. Itulah antaranya peranan sukan dalam mengeratkan hubungan antara sesama atlet atau negara.

EKONOMI

Satu perkara lagi yang menjadi perhatian kebanyakan negara dunia ketika ini ialah 'sukan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi'. Seperti yang kita maklumi penganjuran temasya sukan 'berprestij' mampu menarik kedatangan pelancong asing. Apa yang pasti ribuan pegawai dan atlet dari kontinjen-kontinjen negara peserta akan datang bermukim dalam tempoh beberapa minggu.

Ia memberikan keuntungan kepada para peniaga yang terlibat dalam bidang perhotelan, pengangkutan, pemakanan/restoran, perkhidmatan, jualan dan seumpamanya. Ketika itu peminat-peminat sukan dari negara luar juga akan datang untuk menyaksikan temasya tersebut.

Pada masa yang sama negara tuan rumah atau penganjur juga boleh mengaut keuntungan yang besar melalui temasya tersebut. Penganjur boleh mendapatkan keuntungan berjuta-juta ringgit melalui iklan-iklan, pelbagai bentuk perkhidmatan termasuk telekomunikasi dan seumpamanya.

Prasarana atau kemudahan sukan juga mampu mengundang kedatangan 'pelancong sukan'. Bagi sebilangan

masyarakat luar mereka akan 'melancong sambil bersukan'. Sebagai misal pelancong Jepun atau negara-negara Eropah akan datang menyewa padang golf di sebelah Asia Tenggara sebagai tempat mereka bermain.

Tujuan mereka ialah untuk menikmati kelainan dari segi 'cuaca dan persekitaran' yang nyaman berbeza dari negara mereka. Ada juga yang berbuat demikian disebabkan 'sewa' padang golf di tempat mereka begitu tinggi berbanding padang-padang golf di sebelah sini.

Sambil menikmati percutian melawat ke tempat-tempat menarik bersama keluarga, sebilangan pelancong akan memanfaatkannya bukan sahaja dengan bermain golf, malah kegiatan-kegiatan sukan atau riadah yang lain seperti berkayak, menyelam ke dasar laut, mendaki bukit dan seumpamanya.

KEUPAYAAN

Kepada masyarakat terutamanya para atlet, sukan memang berperanan dalam membentuk disiplin diri kerana setiap acara sukan mempunyai peraturan dan disiplinnya yang tersendiri. Sukan mendorong menanamkan semangat kesukanan (sporting spirit), kerja berpasukan dan menghormati ketua serta mematuhi peraturan. Dari sini akan wujudlah masyarakat yang berkualiti dan cemerlang.

Perhatian kita hendaklah dijurus mencakupi segala aspek 'kemanfaatan sukan' secara menyeluruh. Dalam hal ini, ia hanya akan dapat diraih melalui usaha 'bersepadu'. Usaha menyediakan atlet-atlet cemerlang di masa hadapan akan dapat dicapai apatah lagi dengan terdapatnya Sekolah Sukan di negara ini yang khusus menjurus kepada kecemerlangan sukan tanpa mengabaikan pengajaran akademik pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah tersebut.

Prasarana dan kemudahan sukan yang ada di negara ini juga dapat dibanggakan sebanding dengan negara-negara luar. Ia akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Semuanya menjadi aset kepada kita untuk mencapai kecemerlangan dan meraih manfaat daripadanya.

Pendek cerita, untuk mencapai apa yang dihasratkan kita 'mesti bijak menyusun strategi, bijak menggunakan kesempatan dan mesti berdaya saing'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BAHAGIAN III

PIAGAM Pelanggan bagi permohonan-permohonan yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah yang perlu dihidangkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet untuk kebenaran.

PROSES PERTAMA : Dari mula menerima permohonan sehingga menghadapkan permohonan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan untuk proses selanjutnya.

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Ubahsuai Tanah	4 bulan
2.	Gantian Tanah yang terlibat dalam Pengambilan Balik Tanah	4 bulan
3.	Tukar Ganti Tanah	4 bulan


Bagi permohonan-permohonan yang tidak bermasalah



PEMBUKAAN Sidang Belanjawan bagi Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada tahun 1966 dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di Dewan



Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Isnin, 12 Disember 1966. Gambar bawah kelihatan baginda bergambar ramai selepas majlis pembukaan rasmi sidang berkenaan. Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei ketika itu ialah Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohammad Jahfar (di sebelah kanan baginda). Manakala di sebelah kiri baginda ialah Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber. - Sumber : PELITA BRUNEI, Tahun 11, Bilangan 50, 14 Disember 1966. (1966 : 1 & 8).



BERSEDEKAHLAH DENGAN KEIKHLASAN, BUKAN DENGAN MENGUNGKIT-UNGKIT

nangi oleh penerimanya. Kerana itulah Allah Subhanahu Wataala melarang bersedekah dengan benda-benda yang tidak baik. Perlu diingat bahawa bersedekah adalah merupakan ibadat dan tanda bersyukur nikmat yang di anugerahkan Allah Subhanahu Wataala kepada kita. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 267 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah pada jalan Allah sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat, padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu kalau diberikan kepada kamu, kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa terpuji."

Kedua: Sesuatu yang disedekahkan itu hendaklah daripada yang halal, bukan haram atau syubhat.

Ketiga: Adalah sunat bagi pemberi sedekah atau derma itu bersedekah dan berderma daripada benda-benda yang disukai dan disayangi. Ini jelas sebagaimana firman Allah

SESUNGGUHYA sedekah yang diberikan secara sembunyi adalah lebih utama dan afdal, ibarat tangan kanan yang memberi, tangan kiri tidak mengetahuinya. Kerana perbuatan itulah yang dekat kepada keikhlasan dan jauh dari perasaan riak. Kerana sifat riak atau sifat menunjuk-nunjuk boleh merosakkan amalan sedekah. Tiada gunanya bersedekah jika mahu mendapat pujian orang dan mahu dikatakan seorang pemurah kerana dengan keikhlasan sahajalah ganjaran pahala akan diperolehi.

Subhanahu Wataala dalam Surah Ali-Imran ayat 92 yang tafsirnya:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai hakikat kebajikan dan kebaktiaan yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya."

Ingatlah jika kita benar-benar mahu amalan sedekah kita menepati kehendak bersedekah, maka setentunya tiga perkara yang disebutkan tadi perlu ada pada benda-benda yang disedekahkan walaupun hanya sedikit kerana bukan sedikit atau banyak yang menjadi ukuran.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: *"Dari Adiyie bin Hatim Radiallahuanhu berkata: Saya mendengar Rasulullah*

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Takutlah kamu akan api Neraka walaupun dengan separuh buah kurma." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Hadis tersebut menunjukkan bahawa amalan bersedekah itu walaupun hanya sedikit dengan separuh buah kurma boleh menyelamatkan kita daripada api Neraka.

Adalah perlu diambil ingatan bahawa jika kita bersedekah, maka hendaklah disertai dengan keikhlasan, bukan dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti orang yang menerima sedekah atau derma kerana perbuatan sedemikian hukumnya adalah haram dan merosakkan amalan bersedekah itu. Hal ini ada dijelaskan dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 24 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan pahala amalan sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan kelakuan yang menyakiti seperti rosaknya pahala amalan sedekah orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak) dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu seperti batu licin yang ada tanah di atasnya kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu, mereka tidak akan mendapat sesuatu pahala

pun dari apa yang mereka usahakan. Dan ingatlah Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir."

Sesungguhnya sedekah yang diberikan secara sembunyi adalah lebih utama dan afdal, ibarat tangan kanan yang memberi, tangan kiri tidak mengetahuinya. Kerana perbuatan itulah yang dekat kepada keikhlasan dan jauh dari perasaan riak. Kerana sifat riak atau sifat menunjuk-nunjuk boleh merosakkan amalan sedekah. Tiada gunanya bersedekah jika mahu mendapat pujian orang dan mahu dikatakan seorang pemurah kerana dengan keikhlasan sahajalah ganjaran pahala akan diperolehi.

Ingatlah wahai kaum Muslimin, bahawa amalan bersedekah tidak akan mengurangkan harta, sebaliknya akan menambah harta dan menjauhkan kekurangan dan kesempitan. Mudah-mudahan segala amal perbuatan kita akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala. Amin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Saba' ayat 39 yang tafsirnya:

"Katakanlah wahai Muhammad sesungguhnya Tuhan-Ku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan Ia juga yang menyempitkan baginya, dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan meng-gantikannya dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki."

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Ugama Islam amat menggalakkan kita supaya hidup saling tolong-menolong, bantu-membantu ke arah kebaikan, kerana dengan demikian akan menimbulkan perasaan hormat-menghormati, kasih-mengasihi dan sayang-menyayangi di antara satu sama lain. Jika suasana sedemikian wujud di kalangan umat Islam maka akan terbinalah kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni. Inilah faktor kekuatan umat Islam. Firman Allah Sub-

hanahu Wataala dalam Surah Al-Maa-idah ayat 2 yang tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan maksiat dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya."

Salah satu cara untuk kita melaksanakan konsep tolong-menolong, bantu-membantu ialah dengan bersedekah. Sedekah ialah pemberian semasa hidup kepada seseorang tanpa ada tukar ganti atas dasar semata-mata kerana mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Dan hukum bersedekah itu adalah sunat. Dalam masyarakat kita, perbuatan bersedekah itu juga diertikan atau disebut sebagai derma atau sumbangan.

Dalam mengerjakan amalan bersedekah, kita perlulah melakukannya dengan hati yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wataala, bukan disebabkan sesuatu seperti kerana nama atau asal bersedekah sahaja. Supaya perbuatan bersedekah itu tidak menjadi sia-sia, ugama Islam telah mengajarkan umatnya bahawa ketika bersedekah, maka biarlah menepati erti sedekah itu sebenarnya. Ke arah itu terdapat tiga perkara yang perlu diikuti bagi kesempurnaan amalan bersedekah itu.

Pertama: Barang yang disedekahkan itu hendaklah baik dan elok. Adalah tidak wajar dan munasabah andainya benda yang disedekahkan itu jika disedekahkan kepada kita, kita sendiri tidak menyukainya dan tidak rela menerimanya. Biarlah yang disedekahkan itu daripada benda-benda yang dise-

وقت سمبهيغ، امساک، شوروک دار ضحی

وقت ۲ سمبهيغ، امساک، شوروک دار ضحی باکی دائره بروني دان موارا مولای دري هاري رابو، 24 جمادی الآخر، 1425 برسمان دغن 11 اوگوس، 2004 هيگک کهاري ثلاث، 1 رجب، 1425 برسمان دغن 17 اوگوس، 2004 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروک	ضحی	مسيحي
جمادی الآخر									اوگوس
24	12.27	3.44	6.35	7.47	4.47	4.57	6.16	6.40	11
25	12.27	3.44	6.34	7.46	4.47	4.57	6.16	6.40	12
26	12.27	3.43	6.34	7.46	4.47	4.57	6.16	6.40	13
27	12.26	3.43	6.34	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	14
28	12.26	3.42	6.33	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	15
29	12.26	3.41	6.33	7.44	4.47	4.57	6.16	6.40	16
رجب									
1	12.26	3.41	6.33	7.44	4.47	4.57	6.16	6.39	17

وقت ۲ سمبهيغ باکی دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيغ فرض جمعة دسلوروه نگارا بروني دارالسلام دمولاوي دري فوکل 12.45 تقهاري.

LARANGAN ROKOK DAN MEROKOK: Menolak kemudahan sejagat

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

ISLAM memperakui bahawa kesihatan itu adalah nikmat yang mesti dipelihara. Menurut Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kesihatan merupakan salah satu rukun asas bagi kebahagiaan di dunia ini, sebagaimana sabda Baginda yang maksudnya:

"Sesiapa di kalangan kamu memasuki waktu pagi dalam keadaan aman pada jiwanya, sihat tubuh badannya, mempunyai (cukup) makanan hariannya, maka seolah-olah dia memiliki dunia ini." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Oleh sebab itu, Islam menegah umatnya melakukan perkara-perkara yang boleh memberi kesan yang tidak baik kepada kesihatan.

Sebagai langkah untuk menghindari daripada berlaku perkara yang tidak baik kepada kesihatan, Islam telah lebih awal menunjuk cara apa perlu dibuat untuk memastikannya sentiasa dalam keadaan baik, iaitu dengan menghindari daripada melakukan apa-apa jua yang boleh memudaratkan akal dan tubuh badan.

Antara amalan buruk yang melanda dunia hari ini ialah tabiat merokok. Bahaya dan mudarat yang disebabkan oleh rokok telah diakui oleh pakar-pakar kesihatan. Jika demikian, apakah pandangan Islam terhadap sesuatu yang memudaratkan seperti menghisap rokok ini? Inilah persoalan yang hendak kita huraikan dalam ruangan IRSYAD HUKUM kali ini.

BAHAYA ROKOK

Rokok tidak syak lagi mempunyai kaitan dengan soal kesihatan. Kegelisahan dan kekhuatiran warga dunia mengenai rokok dibangkitkan oleh ancamannya kepada kesihatan semua orang. Ancaman rokok itu bukan saja terbatas kepada perokok itu sendiri, iaitu perokok aktif, tetapi juga menular kepada orang yang tidak merokok yang terhidu asap rokok, atau lebih dikenali sebagai perokok pasif.

Seluruh kajian yang dijalankan oleh para pakar perubatan, sama ada pakar Islam atau bukan Islam mengenai rokok, menemui natijah yang sama iaitu rokok membahayakan kesihatan.

Menurut kajian, telah ditemui rokok mengandungi 4,000 unsur kimia, antaranya ialah racun yang boleh membunuh dan lain-lain yang boleh mendatangkan penyakit barah.

Menurut satu kenyataan seorang pakar lagi, bahawa bahan yang menyebabkan terjadinya kanser daripada rokok ialah hydrogen cyanide (racun yang digunakan dalam bilik gas), toluidine, ammonia (pembersih lantai), urethane, toluene (bahan pelarut), arsenic (racun anai-

Bilangan 186 Bahagian Pertama

anai), nickel, phenol (pembersih kuman dan jangkitan), butane (cecair pemetik api), polonium (-210), d.d.t. (racun serangga), acetone (pelekat cat), tar (minyak tar jalan), naphthalene (ubat gegat), cadmium (yang digunakan dalam bateri kereta), carbon monoxide (gas beracun dari ekzos kereta), benzopyrene, vinyl chloride (bahan untuk membuat pvc). Setiap hisapan yang dilakukan oleh perokok, sebenarnya dia bernafas dalam 4,000 bahan kimia yang dinyatakan seperti di atas.

Semua kenyataan di atas sudah cukup untuk membuktikan akan bahaya rokok kepada kesihatan.

BAHAYA ROKOK KEPADA WANITA

Khusus bagi wanita, jika kebiasaan merokok itu merupakan kebiasaan yang tidak baik di kalangan kaum lelaki, maka ia lebih tidak elok lagi jika menjadi kebiasaan kepada kaum wanita, kerana rokok boleh merosakkan kecantikan, mengubah warna gigi, menyebabkan bau mulut tidak sedap dan lain-lain. Padahal semua itu merupakan perkara penting bagi kaum wanita itu sendiri.

Bagi wanita hamil atau yang menyusukan anak, menurut kajian para doktor perubatan, ibu yang kuat merokok ketika mengandung boleh membawa bahaya kepada anak dalam kandungan. Merokok boleh menyebabkan kelahiran kanak-kanak kurang berat timbangan, ketinggian dan kecerdikannya serta lebih mendedharkannya kepada penyakit dan kematian.

Selain itu, menurut statistik yang dibuat, peratus keguguran di kalangan wanita-wanita hamil yang merokok mencapai 22.5 peratus berbanding 7.4 peratus di kalangan yang tidak merokok. Peratus kematian kanak-kanak yang lahir dari ibu-ibu yang merokok meningkat kepada 10 peratus berbanding kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang tidak merokok.

PANDANGAN PARA ULAMA

Isu rokok tidak wujud di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan itu tidak ditemui dalil yang khusus yang memperuntukkan mengenai rokok. Apabila timbul isu rokok, para ulama telah

membincangkan dan membuat penyelidikan untuk penetapan hukum syarak mengenainya. Disebabkan ketiadaan dalil khusus yang memperuntukkan mengenai hukum merokok, para ulama mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Sebahagian ulama ada yang menghukumkan haram, sebahagian yang lain menghukumkan makruh dan ada juga yang menghukumkan haram.

Walau bagaimanapun, para ulama pada masa ini lebih cenderung untuk mengharamkan rokok. Alasan yang mereka kemukakan untuk menjadi sandaran pengharaman merokok, di samping dalil-dalil syarak yang bersifat umum, ialah penemuan-penemuan terbaru hasil kajian yang dibuat para pakar perubatan yang mungkin sebelum ini tidak ditemui atau tidak diketahui, di mana rokok tidak syak lagi mendatangkan kemudaratkan kepada perokok, sama ada yang aktif atau yang pasif, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

DALIL-DALIL SYARAK PENGHARAMAN ROKOK

Terdapat beberapa jumlah dalil syarak yang dikemukakan untuk menyokong ketetapan hukum pengharaman merokok, antaranya:

1. Diharamkan segala benda yang menjijikkan

Dari segi kaedah pemakanan, Al-Quran telah menyediakan dasar sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang jijik (keji, buruk)." (Surah Al-A'raaf, ayat 157).

Menurut ulama tafsir, perkataan Al-khaba'ith (benda yang jijik, keji dan buruk) yang tersebut di dalam ayat di atas ialah apa jua perkara yang menjijikkan dan tidak disukai oleh tabiat suci atau pembawaan normal manusia, seperti bangkai dan darah yang mengalir, ataupun sesuatu yang menjadi sebab kerosakan dan bahaya kepada tubuh badan, seperti babi yang boleh memberi kesan buruk kepada orang yang memakannya atau dari sumber-sumber yang memudaratkan. (Tafsir Al-Munir: 9/117).

Menurut Al-Imam Al-Razi Rahimahullahu Taala, setiap benda yang dipandang jijik oleh tabiat semula jadi dan dianggap kotor oleh jiwa, memakannya boleh menyebabkan timbul kesakitan atau kemu-

الرشاد والحكم

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

daratan. Dan asal (dasar) hukum segala yang memudaratkan itu adalah haram. Oleh yang demikian, maka asal (dasar) hukum setiap benda yang dipandang jijik oleh tabiat juga adalah haram, melainkan benda-benda yang mempunyai bukti untuk dikesualikan. (Tafsir Al-Kabir: 15/21-22).

Jika setiap yang memudaratkan kerana memakannya itu haram, maka tidak diragukan lagi merokok juga tentulah haram, kerana ia telah terbukti memudaratkan.

2. Haram memakan atau meminum setiap yang memudaratkan

Terdapat satu kaedah yang menyeluruh dan telah diakui dalam syariat Islam, iaitu setiap muslim tidak dibolehkan makan atau minum sesuatu yang boleh membunuh, sama ada lambat atau cepat, misalnya segala jenis racun, atau sesuatu yang membahayakan termasuk juga makan dan minum yang terlalu banyak yang menyebabkan sakit. Sebab seorang Muslim itu bukanlah milik dirinya sendiri, tetapi adalah milik Allah. Hidupnya, kesihatannya, hartanya dan seluruh nikmat yang diberikan oleh Allah kepadanya adalah sebagai amanah. Oleh kerana itu dia tidak boleh mengabaikan amanah itu.

Allah Subhanahu Wataala melarang dengan tegas dan sekeras-kerasnya dari menghampiri apa-apa yang memudaratkan, bahkan menyuruh membanterasnya, apatah lagi yang menjadi pemusnah kepada jiwa. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Janganlah kamu membunuh diri-diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu." (Surah An-Nisaa', ayat 29).

Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Janganlah kamu mencampakkan diri-diri kamu kepada kebinasaan." (Surah Al-Baqarah, ayat 195).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Tidak boleh mencipta bahaya dan membalas dengan bahaya." (Hadis riwayat Ahmad dan Ibnu Majah). Berdasarkan kaedah ini, selama rokok itu membahayakan, maka menghisapnya adalah terlarang.

BERSAMBUNG

Sediakan strategi pendidikan yang sesuai

GADONG, 8 Julai. - Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid berkata, adalah penting pengajar mempunyai kefahaman sikap dan sifat yang pelbagai yang ada pada pelajar yang berkeperluan khas.

"Penggunaan istilah yang sama dan mantap dan akan memberikan kita satu asas yang kukuh dari mana ia akan mula tumbuh. Penggunaan istilah 'kecacatan' menunjukkan bahawa kita sebagai pengajar boleh menyediakan bantuan yang khusus dan tertentu yang mana membolehkan mereka dari tidak membolehkan," jelas beliau.

Beliau menyatakan perkara itu di Majlis Penutup Bengkel Kaedah-kaedah Yang Efektif Bagi Guru-guru Yang Mengajar Pelajar-pelajar Yang Berkeperluan Khas Di Dalam Pendidikan Inklusif yang berlangsung di Pusat Serantau SEAMEO-VOC-TECH.

Dalam hubungan itu,

tambah beliau, guru darjah atau guru mata pelajaran adalah komited untuk menyediakan strategi pendidikan yang sesuai untuk pelbagai dalam bilik darjah.

Di samping itu sekolah juga hendaklah menyedari bahawa pembelajaran dalam keperluan pendidikan dan penyediaan kurikulum yang fleksibel hendaklah digunakan atau diubahsuai mengikut keperluan semasa.

"Guru-guru yang terlatih dalam bidang pendidikan khas hendaklah melihat peranan mereka sebagai pemuadah cara, berkongsi pengalaman dengan semua ahli kumpulan asas sekolah. Adalah menjadi harapan, Pengetua Sekolah dan Ketua Guru akan mengetahui dan memainkan peranan penting dalam kejayaan perancangan dan pelaksanaan perancangan pendidikan khas di sekolah-sekolah mereka," ujar beliau.

Ke arah itu, tambah beliau, kumpulan asas sekolah hendaklah mengambil langkah yang bersesuaian

Oleh Haji Ahmad HS

untuk memastikan Bahagian IEPs dan REPs adalah dokumen pendidikan yang berkesan dan hendaklah dipantau pada setiap waktu.

Menurut beliau, sekolah bertanggungjawab untuk berhubung dengan Unit Pendidikan Khas untuk menyediakan maklumat yang terkini yang mungkin diperlukan dalam membantu Unit Pendidikan Khas merancang ke hadapan bagi penyediaan sumber dan bantuan berterusan bagi pemasangan efektif pelajar yang berkeperluan khas ke dalam sekolah aliran utama.

Beliau selaku tetamu kehormat kemudian menyampaikan siji kepada 90 peserta yang terdiri daripada guru-guru pembantu pembelajaran dari sekolah-sekolah rendah menengah serta guru-guru yang mengajar Program Pra-Vokasional.

Bengkel empat hari itu

anjuran Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas dengan usaha sama 'Islamic Scientific Educational and Cultural Organisation (ISESCO) yang juga membiayai sebahagian perbelanjaan pengendalian bengkel.

Antara objektif bengkel ialah untuk mendedahkan para peserta ke arah perkembangan baru dan terkini dalam strategi dan teknik pendidikan individu yang berkeperluan khas.

Bengkel itu dikendalikan oleh Dr. Haniz Ibrahim, pakar dari Malaysia yang diundang khas oleh ISESCO. Di samping itu, beberapa orang pegawai dari Unit Pendidikan Khas juga terlibat sebagai penyampai dan fasilitator bengkel.

Bengkel tersebut merupakan Bengkel Pendidikan Khas Kali Kedua yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas dengan usaha sama ISESCO. Bengkel pertama diadakan pada tahun 1998.



PENGARAH Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid menyampaikan siji kepada seorang guru yang menyertai Bengkel Kaedah-kaedah Yang Efektif Bagi Guru-guru Yang Mengajar Pelajar-pelajar Yang Berkeperluan Khas Di Dalam Pendidikan Inklusif. - Gambar oleh Masri Osman.

Pentarama sempena Hari Keputeraan

Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Kuiz Pentarama.



DATO Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar, Pegawai Daerah Belait menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz Pentarama.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Persembahan Pentarama di keempat-empat daerah anjuran Jabatan Penerangan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 seperti lazimnya mendapat sambutan menggalakkan oleh masyarakat setempat.

Orang ramai membahiri pentas-pentas perayaan untuk berhibur dan menyaksikan Pentarama yang sememangnya begitu diminati kerana disisik dengan segmen menarik dari awal sehingga ke akhir persembahan.

Persembahan tahun ini dikendalikan oleh artis-artis Zol Entertainment di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait, sementara Daerah Tutong dan Daerah Temburong dijayakan oleh Ozie

Studio Production.

Artis-artis dari kedua-dua kumpulan penghibur masing-masing telah dapat menunjukkan persembahan yang segar melalui dendangan lagu-lagu asli dan moden, tarian, lawak jenaka, drama, di samping penyampaian prolog yang berkesan.

Tetamu-tetamu kehormat yang menyaksikan persembahan Pentarama tahun ini ialah Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut di Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung pada 17 Julai 2004, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd.

Yussop bin Bakar di Daerah Belait pada 20 Julai 2004; Pemangku Pegawai Daerah Temburong pada 23 Julai 2004 dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib bin Haji Md. Idris bagi Daerah Tutong pada 25 Julai 2004.

Pentarama merupakan wadah 'tatap muka' Jabatan Penerangan bagi menyampaikan maklumat kerajaan, di samping mendidik dan menghibur dalam usaha membangun dan meningkatkan kesedaran berbangsa dan bernegara.

Ia juga bertujuan untuk menyampaikan perutusan



PENGIRAN Abdul Haris bin Pengiran Haji Shahbudin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong bersalaman bersama para artis yang menjayakan Pentarama di Daerah Temburong.

dan isu-isu semasa kerajaan, di samping menamakan sikap dan nilai-nilai positif masyarakat agar lebih komited serta peka terhadap perkembangan dan kemajuan negara.



SEBAHAGIAN penonton yang menyaksikan persembahan Pentarama di Daerah Temburong (kanan). Sementara gambar kiri, sebahagian artis yang menjayakan persembahan Pentarama di Daerah Tutong.



BICARA IT

PROJEK TAFIS KEMENTERIAN KEWANGAN

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aisah Hj. Selamat
Sumber: Kementerian Kewangan

TAFIS (Treasury Accounting and Financial Information System) merupakan salah satu projek Kementerian Kewangan yang dihasratkan dapat membawa perubahan dan amalan kerja perkhidmatan kewangan kerajaan ke arah yang lebih mantap, cepat dan berkesan. TAFIS diangkat menjadi Flagship e-kerajaan pada awal tahun 2002.

Objektif utama projek TAFIS antara lain ialah untuk menambah keberkesanan proses transaksi kewangan kerajaan, menyebarkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan dana kerajaan dan bergerak ke arah paperless government (e-kerajaan).

Projek ini memerlukan kakitangan terlibat di setiap agensi kerajaan memahami, mengikuti dan mengamalkannya. Ia merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi kerana perubahan yang diketengahkan oleh TAFIS bukan sahaja selaras dengan perkembangan teknologi di samping untuk melicinkan pembayaran perkhidmatan kewangan kerajaan tetapi juga menjurus ke tahap tertinggi dalam perkhidmatan pelanggan melalui peningkatan akauntabiliti dan tanggungjawab.

Peraksanaan projek TAFIS dibuat dalam empat peringkat di mana Milestone 1 dan 2 yang ditumpukan kepada Kementerian Kewangan; Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Audit; Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan telah dilaksanakan dengan jayanya. Seramai 980 pegawai dan kakitangan kerajaan kini menggunakan TAFIS.

Kemudahan lain yang dilaksanakan dalam Milestone 2 ialah perkhidmatan pembayaran terus melalui Elektronik Fun Transfer dengan bank-bank bagi mempercepatkan pembayaran selain pembayaran yang dibuat melalui cek atau secara tunai.

Peraksanaan Milestone 3 dan 4 dijangka selesai pada suku keempat tahun ini (2004) iaitu setahun lebih awal daripada jadual asalnya di mana dianggarkan 2,301 pengguna akan menggunakan TAFIS iaitu tambahan kepada 1,421 pegawai dan kakitangan kerajaan.

Dari segi keselamatan TAFIS boleh menahan secara automatik segala perbelanjaan atau komitmen sesebuah jabatan apabila peruntukannya melebihi daripada peruntukan yang diluluskan.

Keberkesanan TAFIS antara lain Leave Allowance Payment boleh dibuat dalam tempoh 13 hari sahaja iaitu 65 peratus lebih cepat berbanding 37 hari pemprosesan sebelumnya, manakala Payment Voucher yang diproses oleh Jabatan Perbendaharaan dapat dibayar dalam masa 10 hari iaitu 73 peratus lebih cepat berbanding 37 hari pemprosesan sebelumnya.

Sementara itu Payment Voucher yang diterima dan diluluskan oleh Jabatan Perbendaharaan/Sub Treasury dapat dibuat dalam masa dua hari berbanding 4 hari pemprosesan terdahulu manakala pembayaran kepada pembekal-pembekal purata boleh dibuat dalam tempoh 27 hari iaitu 51 peratus lebih cepat berbanding 55 hari pemprosesan sebelumnya.

Tahap dan ciri-ciri keselamatan TAFIS sentiasa mendapat perhatian utama dari awal lagi. Polisi keselamatan TAFIS telah direka bentuk dengan kerjasama dan nasihat dari Jabatan Audit dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Firewalls telah dipasang untuk menapis pengguna yang tidak diluluskan dan tidak diberi autoriti untuk memberi perlindungan kepada TAFIS. Pengguna TAFIS memerlukan nama pengguna dan kata laluan peribadi yang unik dan tidak dikongsikan untuk berinteraksi dengan sistem.

Setiap transaksi juga di 'encrypt' untuk mengurangkan risiko pemintasan transaksi. Rangkaian perhubungan TAFIS juga menggunakan rangkaian persendirian khusus untuk kegunaan pihak kerajaan.

Semua kakitangan BAG Networks Sendirian Berhad (Syarikat Pengendali) telah melalui tapisan keselamatan pihak Jabatan Keselamatan Dalam Negeri selain menandatangani perjanjian tidak mendedahkan maklumat/sistem untuk melindungi data-data sulit yang memungkinkan mereka perlu akses dalam peranan membantu operasi TAFIS. Terdapat juga beberapa akta bagi membanteras aktiviti jenayah komputer seperti hacking.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan ugama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirikkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

**HARGA BARANGAN DI NAGARA KITANI ANI INDA MANANTU....
DISANA LAIN HARGA NYA...DISINI LAIN LAGI HARGANYA..
INDA SAMA... INDA TAH ADA PANATAPAN HARGA ATU.....
NASIHAT PADA ORANG RAMAI, INDA TAU MUDAH.JANGAN
MAMBALI-BELAH DILUAR NEGERI....SADANGKAN.. HARGA
BARANG DISINI MAHAL.... PELANCUNG PUN TAKUT KAN
MAMBALI-BALI DI-NAGARA KITANI ANI... TUAN.**



**NAH.... IA TAH TU TUAN....
BAPANTAS TEWAS TAH KITANI ANI..
BARANG SIAPA BAKARIH... SALAMAT.
KALAU INDA MACAM ANI TAH...MUN MAU..
RUJUK SAJA KEJABATAN BARKANAAN...**

S
i
B
u
c
a
r
a

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Wujudkan Rumah Tangga Harmoni'. Tarikh tutup 18 Ogos 2004.
2. 'Jauhi Dari Amalan Sesat'. Tarikh tutup 25 Ogos 2004.
3. 'Pelajar Mesti Berdisiplin Kalau Mahu Berjaya'. Tarikh tutup 1 September 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn**

Segerakan tugas yang diamanahkan

JIKA kita mempunyai tugas yang diamanahkan oleh pihak majikan atau ketua ataupun sesiapa yang dilantik menjadi ketua, adakah kita cuba akan menyelesaikannya atau menangguhkannya buat seketika? Sebenarnya senario tabiat kerja bertanggung ini bukanlah baru di dalam kehidupan kita seharian. Ianya terdapat di mana-mana tempat bekerja dan termasuk pekerjaan di dalam rumah serta tidak terkecuali di dalam institusi Perkhidmatan Awam.

Kita semua tahu bahawa tabiat kerja bertanggung adalah satu perbuatan yang kurang baik, kerana di dalamnya mempunyai banyak keburukan, umpamanya jika seseorang kakitangan itu menangguhkan sesuatu tugas sedangkan ketuanya menghendaki agar tugas itu diselesaikan dengan segera para tarikh yang telah ditentukan, maka kepercayaan ketua kepadanya akan mula berkurangan, mencerminkan dirinya seorang yang tidak berpendirian tegas tidak mempunyai inisiatif di dalam budaya kerja yang dimahukan dan secara langsung prestasi kerja hariannya akan menurun dan banyak lagi.

Kebaikannya pula, majikan, ketua, kawan-kawan dan masyarakat akan menyenangkannya, kepercayaan yang diberi padanya akan mula bertambah dan mencerminkan dirinya seorang yang bertanggungjawab akan tugas di dalam etika kerja dan lain-lain lagi.

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam khususnya kakitangan Perkhidmatan Awam dan swasta, kita sangat beruntung dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana sentiasa mengambil berat dan peka serta prihatin dengan memberi pelbagai kursus dan mendatangkan penceramah-penceramah dari dalam dan luar negeri untuk memberi petunjuk dan mengajar bagaimana sesuatu tugas yang diberi dapat diselesaikan sebelum tarikh yang ditetapkan.

Namun apa yang ditekankan di sini janganlah kita nanti hanya mahu menyelesaikan sesuatu tugas itu untuk kepentingan diri sendiri atau kaum keluarga kita ataupun kawan-kawan dan yang penting sekali kita hendaklah mempunyai hati yang suci dan bersih serta tulus ikhlas menjalankan sesuatu tugas itu tanpa menghiraukan apakah bentuk imbalan atau balasan yang akan diterima apabila menyelesaikan tugas berkenaan umpama peribahasa Melayu 'ada undang di sebalik batu'.

Dari itu, kita sebagai manusia yang dikurniakan akal dan fikiran yang sempurna hendaklah menjauhi dan menghindari tabiat kerja bertanggung supaya tidak menjadi tabiat dan kebiasaan di mana sahaja termasuk di pejabat, di rumah dan sebagainya. Ini bukan saja tidak digalakkan di dalam kehidupan seharian malah ia tidak dituntut di dalam ajaran agama kita iaitu ajaran agama Islam.

**Haji Dasnan bin Haji Abdul Rahman,
No. 10, Simpang 138-8, Perumahan Expo,
Kampong Rimba, Gadong, BE 3119.
No. k/p : 00-257885**

Menangguhkan kerja merugikan diri

SEBELUM wujudnya penggunaan wang dalam masyarakat kita, kebanyakan ahli masyarakat pada masa itu bekerja sendiri seperti nelayan, petani dan pemburu untuk menyara kehidupan. Mereka tidak mempunyai kemudahan peti sejuk untuk menyimpan makanan supaya tahan lama, kais pagi makan pagi adalah sudah menjadi lumrah dalam kehidupan. Bila ada lebih tangkapan ikan atau tuai padi, hasil tersebut akan ditukarkan pula dengan barangan keperluan lain.

Setiap hari dimulai sebelum matahari terbit lagi dan berlanjutan hingga matahari terbenam. Tabiat kerja bertanggung dihapuskan sama sekali daripada kamus seharian kerana kemalasan hanya akan membuat dapur tidak berasap. Jadi bila padi sudah

menguning, ia akan segera dituai supaya tidak menjadi makanan pipit.

Moral yang tersirat dalam contoh di atas patut diikuti meskipun perubahan zaman telah berlaku. Meskipun gaya hidup masyarakat kita pada hari ini sudah berubah di mana kebanyakannya bekerja di pejabat kerajaan mahupun swasta dan anak-anak muda pula menuntut ilmu di sekolah, kerja bertanggung adalah suatu amalan yang sangat merugikan diri sendiri. Apabila sesuatu kerja itu diserahkan kepada kita, ia merupakan amanah untuk kita laksanakan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Bila jangka waktu itu telah selesai maka kerja yang baru pula akan menyusuli. Sayangnya bila masa untuk menyiapkan sesuatu kerja itu masih panjang, naluri negatif manusia sentiasa cende-

rung untuk menangguhkan perlaksanaannya hingga ke saat-saat akhir.

Apabila ini berlaku, akan menyebabkan kerja yang diamanahkan itu menjadi kurang berkualiti dan akan membuat diri kita semakin tertekan. Ini kerana kerja akan dilakukan dalam keadaan yang terburu-buru, di samping ketidaksediaan untuk menerima giliran kerja yang seterusnya. Lebih memburukkan keadaan ialah apabila kerja yang awal tadi tidak dapat disiapkan kemudian diberati pula dengan kerja baru yang perlu disiapkan pada masa yang sama.

Atas sebab inilah kerja bertanggung perlu kita hindari. Ugama Islam sendiri menegah umatnya daripada suka menangguhkan setiap urusan di mana menunaikan solat setiap hari tepat pada

masa-masanya sebenarnya mempunyai hikmah iaitu menanamkan sifat berdisiplin di dalam diri kita.

Dalam hal ini, perkara yang paling dititikberatkan ialah 'attitude' kita terhadap kerjaya kita. Untuk memperbaiki 'attitude' ini kita hendaklah berusaha memotivasikan diri sendiri dan dalam satu caranya ialah dengan membuat prinsip bekerja dan berpegang pada prinsip tersebut. Bekerjalah seperti kita akan hidup 1,000 tahun lagi dan beribadallah seperti kita akan mati esok. Ia tidak lari daripada perkara yang sama iaitu apabila bekerja, kita hendaklah melakukan dengan bersungguh-sungguh tanpa berlengah. Perbezaan yang dibawa oleh arus zaman tidak sepatutnya dibenarkan melunturkan nilai-nilai positif

yang telah lama diamalkan oleh masyarakat kita sejak zaman-berzaman.

Sikap suka bertanggung ini bukan sahaja bertentangan dengan nilai tradisi, juga bertentangan dengan ajaran agama Islam. Maka daripada itu, tabiat suka menangguhkan kerja ini haruslah dibuang ke tepi kerana di penghujungnya nanti, akibatnya bukan sahaja memberi kesan yang buruk terhadap diri sendiri, tetapi juga terhadap keluarga, masyarakat dan negara.

**Ahmad Iskandar bin Haji Moha. Taha,
No. 7, Simpang 180-56,
Kampong Sengkirap,
Jalan Buang
Tengkurok, Lumapas,
BJ 2924.
No. k/p : 00-297431**

Hindarkan tabiat kerja bertanggung

APAKAH punca yang menyebabkan seseorang itu suka menangguhkan kerja? Tentu ada sesuatu perkara yang menyebabkan tabiat ini berlaku. Sebenarnya manusia memang tidak ada yang sempurna dan salah satu sikap buruk yang sering dilakukan oleh manusia ialah menangguhkan kerja. Kerja merangkumi berbagai-bagai perkara. Kerja boleh saja kerja di pejabat seperti membuat laporan, menyelia, membuat dokumen penting atau kerja di sekolah dan pusat pengajian tinggi seperti membuat esei, laporan, kerja rumah, kerja sekolah ataupun kerja di rumah seperti mengemas bilik, dapur, seterika baju dan sebagainya.

Hakikatnya banyak punca yang menyumbang kepada tabiat menangguhkan kerja. Di antara puncanya ialah seseorang itu tidak berminat terhadap kerja yang dilakukan, merasakan kerja itu terlalu sukar, tidak pandai membahagikan masa, terlalai dengan sesuatu hal yang lain, lupa dan banyak lagi.

Apabila seseorang itu bertabiat suka menangguhkan kerja, banyak masalah yang akan timbul. Selain dirinya sendiri ia turut menyusahkan orang di sekelilingnya. Masa yang sepatutnya diluahkan untuk kerja tertentu terbuang begitu saja. Sebagai contoh, bagi siswa dan siswi,

memang di tahap pengajian yang tinggi banyak kerja yang terpaksa mereka lakukan untuk mencapai markah atau keputusan yang memuaskan dalam esei, kertas kerja dan sebagainya. Apabila sikap suka menangguhkan kerja wujud dalam diri, muncullah masalah yang merugikan diri sendiri, membazirkan masa, menyusahkan pensyarah dan rakan sekumpulan yang lain, mendapat markah esei atau kertas kerja yang kurang memuaskan dan boleh saja gagal dalam peperiksaan semester.

Selain itu, tabiat menangguhkan kerja di rumah, umpamanya seperti mencuci pakaian kotor, mengemas bilik tidur dan dapur juga sering dilakukan oleh seseorang orang. Tabiat ini juga mengundang pelbagai masalah. Pakaian kotor yang belum dicuci mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan, bilik kelihatan bersepah, dapur tidak kemas dan seterusnya menyebabkan diri kita merasa kurang selesa, fikiran kusut dan sebagainya apabila melihat keadaan sebegini.

Orang yang suka menangguhkan kerja di pejabat juga sering menimbulkan pelbagai masalah dan menyusahkan orang lain. Kerja yang sepatutnya disiapkan dan dihantar atau diserahkan pada pihak yang tertentu, pada waktu yang ditetapkan tertangguhkan perlaksanaannya.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hindarkan Tabiat Kerja Bertanggung'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Apatah lagi jika kerja itu ada berkaitan dengan khidmat kita kepada pelanggan, tentu ia menimbulkan masalah.

Contohnya seperti seorang arkitek diberi tugas oleh pelanggannya untuk membuat pelan rumah dan diminta untuk menyiapkannya sehingga suatu tempoh masa yang ditetapkan. Tetapi arkitek ini sering menangguhkan kerjanya dan tidak sempat disiapkan sepenuhnya pada waktu yang ditetapkan, tentu pelanggannya kecewa dan tidak mempercayainya lagi.

Jelasnya tabiat menangguhkan kerja memang menyebabkan banyak masalah. Ia membazirkan masa yang terluang yang sepatutnya diperuntukkan untuk membuat kerja tertentu, menyusahkan diri sendiri dan orang lain. Kita dikatakan sebagai orang yang bekerja secara tidak efektif, tidak proaktif dan tidak profesional dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita harus meninggalkan tabiat menangguhkan kerja ini kerana sememangnya cara kita bekerja banyak memberi impak yang tertentu kepada diri sendiri dan masyarakat di sekeliling.

**Salfarina binti Haji Hussin,
No. 95, Kampong Sungai Akar, BC 4115.
No. k/p : 00-291452**

REMAJA

OBESITI

OLEH H. A. MANAP

FOKUS kesihatan menjadi isu utama akhir-akhir ini di negara kita. Ia amat diambil berat oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Tujuannya adalah jelas untuk mewujudkan masyarakat di negara ini masyarakat yang sihat, sejahtera dan dinamik, yang mampu turut menyumbang perkembangan dan kemajuan negara di pelbagai bidang. Hanya dengan kita memiliki anggota masyarakat yang sihat sahajalah kita mampu bergerak dalam keadaan dan suasana yang lebih kompetitif. Jika masyarakat yang ada merupakan masyarakat yang kurang sihat, sudah pasti kita akan terpaksa menumpukan lebih perhatian ke arah program pemulihan kesihatan yang sudah pasti akan melibatkan jumlah perbelanjaan yang begitu besar. Sedangkan jika jumlah sedemikian jika digunakan untuk membangun masyarakat dan negara sudah pasti kita akan dapat menikmati kemudahan yang boleh membantu meningkatkan kesejahteraan kehidupan di negara kita ini.

Salah satu isu yang sekarang sudah menjadi pemedulian yang serius ialah mengenai kegemukan atau 'obesity'. Menurut kajian kumpulan kanak-kanak yang berusia 5 ke 10 tahun didapati sejumlah 17.8 peratus lelaki adalah tergolong ke dalam golongan yang mempunyai berat badan yang berlebihan, sementara kanak-kanak perempuan cuma dalam lingkungan 8.7 peratus. Dalam tahun 2000, pihak Kementerian Pendidikan telah membuat kajian dan hasil kajian tersebut menunjukkan murid-murid dalam Darjah Satu ke Tingkatan Dua didapati tergolong ke dalam golongan berat badan yang berlebihan sebanyak 14.5 peratus lelaki dan 14.7 peratus perempuan, dan 5.6 peratus lelaki adalah gemuk, sementara itu 6.4 peratus perempuan adalah tergolong ke dalam golongan murid-murid yang gemuk. Hasil kajian ini adalah sangat membimbangkan.

Kalau diperhatikan jika tiada usaha meningkatkan kesedaran kesihatan dilakukan, di negara kita dalam jangka 10 ke 15 tahun akan datang sudah pasti kita akan memiliki anggota masyarakat yang kebanyakannya tergolong ke dalam golongan orang-orang yang gemuk. Risiko kegemukan adalah sangat jelas dan amat membimbangkan di antaranya adalah mengundang penyakit seperti kencing manis, sakit jantung dan berbagai lagi yang berkaitan dengan kegemukan. Menurut kajian juga terdapat dari golongan murid-murid sekolah yang berusia 12 tahun ke bawah antara tiga orang dari mereka seorang akan tergolong ke dalam golongan gemuk atau lebih berat badan. Statistik menunjukkan iaitu sejumlah 23.2 peratus adalah lebih berat dan 11.5 peratus adalah tergolong ke dalam kategori gemuk. Meneliti kepada hasil kajian yang dibuat terhadap murid-murid sekolah, memberikan impak yang amat besar jika pemedulian tidak dilakukan. Kegemukan bukan sahaja menyebabkan kemalasan, ia juga menjadikan seseorang itu tidak aktif dan mudah dijangkiti penyakit. Kalau ini yang melanda bukankah kita akan berhadapan dengan

risiko kelembapan pencapaian akademik di kalangan murid-murid sekolah.

Program bersenam dan riadah serta bersukan di sekolah-sekolah merupakan program peningkatan kesihatan yang dilakukan secara berterusan. Ia bertujuan bagi meningkatkan kesedaran murid-murid betapa pentingnya kesihatan dan tubuh badan yang terhindar dari kegemukan boleh menyumbang kepada pencapaian akademik yang cemerlang. Tahap berfikir, keceriaan minda dan ketangkasan bertindak akan dapat membantu menggerakkan dan meningkatkan keupayaan murid-murid untuk aktif belajar dan bergaul. Tidak akan ada timbul masalah 'inferiority complex' kerana keadaan tubuh badan yang gemuk dan lain dari kawan-kawan sekeliling. Perasaan dan pemahaman sedemikian ini jugalah yang menyebabkan seseorang murid atau pelajar itu berdepan dengan kemalasan, kegagalan dan tidak mahu aktif bersama kawan-kawan.

Banyak faktor yang menyumbang kenapa masyarakat kita sekarang dilanda oleh fenomena sedemikian itu. Banyak yang mengatakan cara menjaga hidup yang dilalui telah banyak mempengaruhi suasana dan cara menjaga kesihatan kita. Kemudahan masa kini juga menjadi asas merangsang kegemukan misalnya seperti kemudahan permainan komputer, menonton televisyen yang tidak terkawal waktunya. Jenis pemakanan juga merupakan antara faktor besar yang menyumbang dan penyebab ke arah ini. Kekurangan aktiviti bersenam juga merupakan elemen yang menyumbang faktor tersebut.

Dalam memedulikan kesihatan tubuh badan, kita perlu bergerak bersama dan menjadikan rutin seharian ini tidak dipenuhi dengan memakan makanan yang boleh menyebabkan kegemukan. Kegemaran bersukan perlu dijadikan kebiasaan dan agenda meningkatkan kesihatan seseorang. Dalam apa yang kita namakan dunia serba canggih, kemudahan-kemudahan kesihatan diolah dengan pelbagai cara untuk menjadi pemudah dalam meningkatkan kesihatan. Di negara kita pelbagai kemudahan bersukan amat senang dan mudah diperolehi. Keadaan ini bukan sahaja membantu dalam meningkatkan kemudahan bersukan akan tetapi juga membantu dalam merealisasikan usaha untuk mengurangkan dan mengelakkan fenomena kegemukan. Justeru adalah penting dilihat isu kegemukan merupakan isu yang amat penting diberikan perhatian agar kita bukan sahaja akan melahirkan generasi yang sihat akan tetapi yang paling penting ialah generasi yang cemerlang. Kita perlu mengambil langkah terutama sekali dalam menilai dan meneliti semula senario kehidupan yang ada supaya kita akan lebih sihat dan sempurna, kerana kesihatan itu sendiri merupakan aset penting dalam sama-sama kita mendukung dan menggerakkan agenda pembangunan negara. Banyak perkara yang boleh dilakukan untuk mengelak kegemukan. Rakyat sihat negara cemerlang.



JOHAN Pertandingan 'Maths Car Trail', STPRI bergambar kenangan bersama-sama pemenang tempat kedua dan ketiga.

STPRI JUARA PERTANDINGAN

Oleh Samle HJ

MENTIRI, 11 Julai. - Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) menjuarai Pertandingan 'Maths Car Trail' sempena Explomaths Ke-12 anjuran Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, hari ini.

STPRI diwakili oleh Dayangku Nurdiana binti Pengiran Haji Zainal Abidin, Amy Yao Sin Ying dan Dayangku Kianna binti Pengiran Abdul Rahman.

Pertandingan julung kali itu juga menyaksikan pasukan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa masing-masing menduduki di tempat kedua dan ketiga.

Sebanyak 25 buah sekolah kerajaan dan bukan kerajaan dari seluruh negara menyertai acara ini di mana setiap sekolah diwakili oleh tiga penuntut dari menengah satu hingga menengah tiga, sementara guru mereka menjadi pemandu.

Cabaran yang cukup menarik itu meliputi destinasi strategik di Daerah Brunei dan Muara yang bermula di kawasan letak kereta Kementerian Pendidikan pada awal pagi.

Sepanjang perjalanan para peserta sibuk merumuskan soalan matematik dalam waktu terhad berbandukan soalan yang diberikan di setiap destinasi.

Acara itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan dan mempromosikan minda peserta terhadap keseronokan matematik menerusi acara sukan dan aktiviti-aktiviti, di samping menguji keupayaan para pelajar untuk menyelesaikan masalah-masalah dengan tepat dalam tempoh diberikan.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil kepada peserta yang berjaya telah disempurnakan oleh Pengarah Ko-Kurikulum, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Cikgu Arsad bin Abdul Adis.

'Maths Car Trail' yang membuah kejayaan dihasratkan akan dijadikan projek tahunan sebagai projek yang menyeronokkan bagi menyatupadukan kegiatan luar agar ianya boleh menarik minat lebih ramai penuntut untuk menggemari mata pelajaran matematik.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 28 Julai 2004

Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Petra, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 630

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 630,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

- Sila berikan nama penuh gambar di atas?
- Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 28 Julai 2004

Siti Zaubidah binti Mohidin, Sekolah Rendah Tengku, Gadong. Umur : 11 tahun	Dayangku Nurul Hazimah binti Pengiran Mohin, Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak. Umur : 10 tahun	Syerrina Edora binti Haji Karim, Riverside School. Umur : 10 tahun
---	---	--

TINGKATKAN BUDAYA MEMBACA

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 26 Julai. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Sumadi bin Sukaumi berharap bangunan Perpustakaan Kampong Pandan yang dalam pembinaan itu akan dapat meningkatkan kecintaan terhadap budaya membaca, di samping mengembangkannya budaya ilmu di kalangan masyarakat di kampung berkenaan.

Awang Haji Sumadi menambah, penyediaan prasarana perpustakaan itu juga diharap akan dapat mengembangkannya bakat seni masyarakat dalam bidang penulisan terutama di kalangan kanak-kanak, remaja dan belia, di samping perpustakaan sebagai wadah untuk menanamkan nilai-nilai kerjasama, persefahaman dan perpaduan melalui kegiatan perpustakaan, bacaan dan sebagainya.

Beliau menyatakan demikian dalam sesi temu-wakil wakil PELITA BRUNEI sejurus selepas Majlis Perletakan Batu

Asas Bangunan Perpustakaan Kampong Pandan di sini. Tetamu Kehormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyempurnakan perletakan batu asas bangunan tersebut.

Pada masa ini cawangan perpustakaan di Pekan Muara telah ditubuhkan dan insya-Allah, kata Pemangku Pengarah DBP pada masa akan datang perpustakaan juga akan dibina di Kampong Lambak Kanan dan Kampong Selayun bagi menampung keperluan masyarakat di sekitar kawasan berkenaan.

Perpustakaan Kampong Pandan lebih moden dari segi konsep kerana ianya akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antara ruang bacaan dari pelbagai bahan rujukan, ruang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Internet, ruang bersepadu alat pandang dengar (audio visual), ruang

kegiatan dan pejabat-pejabat pengurusan perpustakaan dan pentabiran, di samping perkhidmatan mengendalikan pinjaman buku.

Melalui konsep tersebut diharap akan dapat sedikit sebanyak merubah fenomena kurangnya pengunjung datang ke perpustakaan, di samping DBP harus menyediakan pelbagai bentuk kegiatan dan bekerjasama dengan agensi lain untuk mengadakan program berupa bahan bacaan pelbagai bidang yang mampu menarik minat para pembaca, ujar beliau.

Perpustakaan tersebut merupakan cawangan perpustakaan kedua di daerah ini dan pada peringkat awal perancangan perpustakaan itu nanti beberapa orang pegawai dan kakitangan perpustakaan yang berkhidmat di cawangan daerah ini akan ditempatkan di situ bagi mengendalikannya dan insya-Allah jika ada keperluan mendesak, peruntukan akan diberikan bagi menambah tenaga perpustakaan dan tenaga sukarela yang merupakan satu trend di negara membangun, jelas Awang Haji Sumadi.

Menyentuh mengenai buku-buku terbitan DBP, beliau menyatakan diri masa ke semasa DBP akan sentiasa berusaha menambah koleksi himpunan pelbagai tajuk dan diharap akan dapat memenuhi selera dan keperluan para pengguna.

Katanya, buku-buku terbitan DBP yang dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan akan ditempatkan di perpustakaan sebagai satu koleksi utama yang dinamakan koleksi Brunciana supaya masyarakat berminat membaca dan mengetahui isu, bahan dan idea yang dikemukakan oleh para penulis tempatan melalui karya mereka. Antara buku terbitan DBP seperti novel, cerpen, antologi dan majalah umpamanya Mekar, Bahana dan Juara Pelajar.

Projek pembinaan bangunan Perpustakaan Kampong Pandan berharga hampir \$1 juta dibina di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8. Bangunan dua tingkat itu dibina di atas tanah seluas 0.40 hektar dijangka siap dalam tempoh 10 bulan iaitu bermula 7 Januari hingga 6 November tahun ini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyempurnakan perletakan batu asas bangunan Perpustakaan Kampong Pandan.

Pasukan Tausyeh Muslim juara pertandingan

KUALA BELAIT, 22 Julai. - Pasukan Tausyeh Muslim dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali memenangi Pertandingan Tausyeh kategori A lelaki, sementara Pasukan Puteri Sayyidatul menjuarai bahagian perempuan.

Pertandingan sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi

Daerah Belait diadakan di Kawasan Tamu Tudung Saji di sini.

Sebanyak 12 pasukan mengambil bahagian dipertandingkan yang dibahagikan dua kategori. Kategori A bagi para penuntut maktab dan sekolah-sekolah menengah dan kategori B bagi murid-murid sekolah rendah agama rintis, bersepadu dan sekolah rendah bukan kerajaan.

Kategori B lelaki dimenangi oleh Pasukan Nurul

Huda dari Sekolah Rendah Sungai Liang, sementara Pasukan Al-Fariza dari Sekolah Ugama Sungai Taring memenangi bahagian perempuan.

Tetamu kehormat, Pemangku Ketua Pegawai Ugama Kuala Belait, Awang Muhammad bin Garing menyampaikan hadiah kepada pasukan yang menang. Juga hadir di majlis itu Pegawai Daerah Blait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar.

Pertandingan landskap dapat sambutan

KUALA BELAIT, 24 Julai. - Pertandingan Kebersihan dan Reka Bentuk Landskap masih lagi mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai, demikian kata Pengerusi Pertandingan, Awang Haji Johari bin Dato Paduka Haji Noordin.

Menurutnya, pada tahun ini ahli jawatankuasa pertandingan telah membuat sedikit perubahan dalam format pertandingan iaitu menggabungkan dua kategori bangunan kedia-

man kerajaan dan kediaan Burnei Shell, begitu juga kategori balai-balai polis dan bomba (kerajaan dan swasta) dan masjid serta surau-surau yang sebelum ini dipertandingkan secara berasingan.

Katanya, tujuan menggabungkan kedua-dua kategori itu bagi membolehkan kualiti halaman yang dipertandingkan akan dapat dipertingkatkan lagi. Beliau berucap demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan terse-

but yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Ali di sini.

Beliau menambah, sebagai langkah bagi memberi peluang kepada para peserta lain untuk memenangi pertandingan dalam kategori bangunan kerajaan, beberapa buah bangunan kerajaan pada tahun ini tidak dibolehkan ikut serta kerana mereka dipercayai dapat meningkatkan dan meningkatkan mutu serta penyeleng-

garan halaman landskap mereka setiap tahun. Oleh itu bangunan tersebut disyiharkan sebagai halaman landskap contoh bagi bangunan-bangunan kerajaan sahaja.

Dengan perubahan dan tambahan yang dinyatakan itu beliau berharap matlamat dan tujuan akan tercapai. Tema pertandingan menuju ke arah mencantikan dan kebersihan alam sekitar bertujuan untuk meningkatkan dan mengetengahkan semua peringkat lapisan masyarakat supaya lebih peka terhadap alam sekitar yang indah dan bersih.

Tetamu kehormat, Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, Pengiran Haji Menuddin bin Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Seramai 118 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 yang dibahagikan kepada lapan kategori iaitu Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), rumah awam,

bangunan kediaman kerajaan dan bangunan kediaman Brunei Shell, sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan, sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan serta vokasional, bangunan kerajaan dan swasta, balai-balai polis dan bomba serta masjid dan surau dan kategori khas (bagi pemenang yang telah memenangi tempat pertama hingga ketiga bagi kategori perumahan awam, RPN dan STKRJ di tahun-tahun lepas). Pemenang yang telah mendapat tempat pertama hingga ketiga dalam kategori ini tidak akan dibenarkan menyertai pertandingan tersebut di masa akan datang dan akan diiktiraf sebagai landskap halaman contoh.

Pemenang pertama dalam kategori RPN dan STKRJ, Awang Semail bin Haji Hashim; tempat kedua, Awang Haji Yusof bin Puteh dan tempat ketiga, Awang Haji Ahmad bin Masrun, sementara kategori rumah awam johan, Pengiran Matzain bin Pengiran Ahmad; naib johan, Awang Haji Abdul Razak bin Kepli dan tempat ketiga, Awang Jefri bin Haji Nor.

Tempat pertama kategori bangunan kediaman kerajaan dan Brunei Shell, Saudah binti Abdullah; tempat kedua, Awang



JURUTERA Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, Pengiran Haji Menuddin bin Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang.

Bakeri bin Haji Bakar dan tempat ketiga, Awang Hassan bin Ahmad. Kategori sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan, tempat pertama Sekolah Rendah Panaga; tempat kedua, Sekolah Rendah Kuala Belait dan ketiga, Sekolah Rendah Muhammad Alam. Bagi sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan pula johan, Sekolah Menengah Perdana Wazir; naib johan, Sekolah Menengah Pg. Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar dan tempat ketiga, Maktab Anthony Abell.

Kategori bangunan

kerajaan dan swasta tempat pertama, Pejabat Biro Mencegah Rasuah; tempat kedua, Pusat Bahagia Eric Goh dan tempat ketiga, Projek Kemajuan Pertanian Sungai Liang, manakala kategori balai-balai polis, bomba (kerajaan dan swasta), masjid dan surau tempat pertama, Balai Polis Setia; tempat kedua, Masjid Muhammad Jamalul Alam dan tempat ketiga, Pos Polis Andulau, sementara kategori khas johan, Gerald John Simons; naib johan, Pengiran Idris bin Pengiran Haji Jaidin dan tempat ketiga, Ayob bin Haji Zainip.



TETAMU kehormat menyaksikan Pameran Pertandingan Kebersihan dan Reka Bentuk Landskap peringkat Daerah Belait.

Festival Air sangat meriah

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 25 Julai. - Pelbagai acara bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait tahun ini.

Salah satu acara paling diminati ramai Festival Air bagi perlumbaan perahu dan motor sangkut berkuasa tinggi yang diadakan di kawasan Dermaga Kastam di sini. Antara yang menyaksikan perlumbaan itu, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar.

Sebanyak 20 acara dipertandingkan antaranya maraton terbuka bot SST60 kuasa kuda, lumba motor sangkut terbuka 18 kuasa kuda, lumba berkayuh terbuka 10 orang, lumba perahu nelayan terbuka 65 kuasa kuda, lumba kelas F2 terbuka dan lumba jet ski pusing keliling 800 stock class.

Acara tersebut mendapat sambutan dengan disertai bukan sahaja peserta dari daerah ini tetapi juga daerah lain serta negara jiran Sarawak. Lebih 50 penyertaan diterima bagi



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar menyaksikan Festival air sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.

tahun ini. Pemenang pertama menerima wang tunai antara \$150 hingga \$340, kedua menerima \$130 hingga \$290 dan tempat ketiga \$100 hingga \$240 mengikut acara yang dipertandingkan.

Perlumbaan perahu dan motor sangkut dikelolakan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Kuala Belait diadakan setiap tahun bertujuan mengekalkan kebudayaan mengayuh di kala-

ngan generasi muda selain memeriahkan lgi sambutan Hari Keputeraan dengan menarik lebih ramai pengunjung ke daerah ini untuk menyaksikan perlumbaan itu.

Oleh kerana perlumbaan tersebut terutama bot laju mempunyai risiko dan bahaya, beberapa peraturan dikenakan antaranya semua peserta hendaklah mengutamakan keselamatan diri sendiri dengan memas-

takan sihat tubuh badan dan mental, di samping memasang topi keledar, jaket keselamatan dan keselamatan enjin lanyard. Dalam pada itu perahu orang awam tidak dibenarkan berada di perairan laluan sewaktu perlumbaan bot laju dimulakan. Pihak penganjur juga menyediakan Pasukan Kecemasan Bulan Sabit Merah dan Jabatan Bomba Laut di kawasan perairan perlumbaan.



ACARA Festival Air bagi perlumbaan perahu dan motor sangkut sangat diminati ramai.

PENTINGNYA MENJAGA KESIHATAN ANAK DAMIT

KUALA BELAIT, 23 Julai. - Pengelola Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Daerah Belait, Dayang Hajah Halimah binti Abdul Latif berkata, dari peringkat awal lagi kanak-kanak hendaklah disemai dan dipupuk kesihatannya sama ada kesihatan rohani mahupun jasmani.

Ini kerana otak yang sihat terletak pada badan yang sihat. Beliau berucap demikian di Peraduan Kanak-kanak Sihat sempena sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Beliau selaku Pengerusi Peraduan Kanak-kanak Sihat seterusnya berkata, khasiat dan kebaikan susu ibu sememangnya diakui oleh kesihatan dan ugama Islam. Oleh itu Pertubuhan WI melalui Peraduan Kanak-kanak Sihat yang diadakan setiap tahun memainkan peranannya dalam menyokong hasrat kerajaan akan kepentingan penyusuan susu ibu.

Sementara itu, Pegawai Jururawat Kanan Kesihatan, Dayang Hajah Hafsa binti Haji Menudin berkata, susu ibu merupakan makanan selamat dan ideal bagi anak damit kerana susu ibu memiliki enzim antibodi yang mampu menghalang penyakit yang menjejaskan kesihatan anak damit. Antara penyakit yang biasa dihi-

dapi anak damit seperti daki, selesema dan alahan pada kulit.

Lebih 200 kanak-kanak damit menyertai peraduan yang merupakan aktiviti tahunan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi perayaan dan kelolaan Jawatankuasa Peraduan Kanak-kanak Sihat Pertubuhan WI Cawangan Daerah Belait dibahagikan kepada empat kategori umur. Kategori A bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 9, B untuk 9 bulan hingga 12 bulan, C 12 hingga 18 bulan dan D 18 hingga 24. Penghakiman markah dinilai berdasarkan antaranya berat badan yang sesuai mengikut umur dan kesihatan kulit anak damit.

Tetamu kehormat, isteri Penolong Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah

Masrinah binti Haji Mashor menyampaikan hadiah kepada pemenang setiap kategori. Johan kategori A, Ahmad Arif Asyraf Haji Md. Asli; naib johan, Md. Aiman Syakir Haji Husaini dan tempat ketiga, Ahmad Hafiz Haji Rahmat Sidek. Johan kategori B, Muhammad Akmal Syazani; naib johan, Nur Alvina Muhd. Syazani dan tempat ketiga, Muhammad Zaim Mohd. Nora.

Johan kategori C, Nurul Alwani Radowan; naib johan, Nurul Atiqah Rashidah Nurizam dan tempat ketiga, Mohd. Alif Shauki Muhd. Sufri, manakala kategori D, johan, Nur Wardah Johari; naib johan, Nur Atiqah Noor Zain dan tempat ketiga, Muhammad Darwishah.

Delilah juara terbaik keseluruhan



KUALA BELAIT, 25 Julai. - Delilah, kucing parsi kepunyaan Dayang Zainun binti Zaini merangkul juara kucing terbesar, fotogenik, kesihatan dan bulu terbaik sekali gus menyandang gelaran terbaik keseluruhan setelah mengalahkan 50 ekor kucing lain di Pertandingan Kucing Tempatan dan Luar Negeri bagi tahun ini.

Dayang Zainun merasa bangga dan berpuas hati dengan apa yang dilakukan terhadap kucing kesayangannya itu. Sebelum ini kucingnya itu juga pernah menjadi johan dalam Pertandingan Kucing Peringkat Kebangsaan tahun lepas.

Pertandingan sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait dibahagikan kepada lima kategori dan diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Naib johan bahagian kucing parsi, Qisha dan tempat ketiga, Nemo manakala johan kategori kucing campuran, Miki; naib johan, Bilbo dan tempat ketiga, Putih yang juga memenangi keunikan mata. Kategori kucing siam pula johan disandang oleh Jambo; naib johan

PEGAWAI Kerja Kanan, Jabatan Telekom Kuala Belait, Dayangku Hajah Zubaidah binti Pengiran Haji Abas menyampaikan hadiah kepada pemilik kucing yang menang salah satu kategori yang dipertandingkan.

Smokey dan tempat ketiga; Miki, manakala kategori kucing kebiri johan, Tuesday; naib johan, Aming dan tempat ketiga, Bobby dan kategori kucing tempatan johan, Snoopy; naib johan, Permatu Biru dan tempat ketiga, Callipur Jill.

Isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Rubiah binti Haji Hussin menyampaikan hadiah kepada juara terbaik keseluruhan dan kucing yang mempunyai keunikan mata, sementara Pegawai Kerja Kanan, Jabatan Telekom Kuala Belait, Dayangku Hajah Zubaidah binti Pengiran Haji Abas menyampaikan hadiah kepada pemenang setiap kategori.

Pengerusi Pertandingan, Dayang Hajah Julia binti Chee berbangga melihat ramai golongan remaja dan kanak-kanak membawa kucing mereka dengan penuh kesabaran dan menjaga kebersihan kucing mereka dengan baik untuk menyertai pertandingan tersebut.



DAYANG Zainun bersama kucing kesayangannya Delilah yang menjuarai terbaik keseluruhan Pertandingan Kucing Tempatan dan Luar Negeri.

"Penelitian yang amat baik ini dapat kita saksikan betapa sayangnya mereka terhadap kucing mereka itu sehingga memberi nama yang unik, membersihkan dan sanggup berbelanja untuk membeli makanan, aksesori yang mahal bagi mencantikan lagi kucing mereka untuk mendapatkan kepuasan yang tidak terhingga pada diri mereka," katanya.

Beliau berharap penajaan rapi seumpama itu akan menjadi hobi mereka bagi mengisi masa lapang mereka.



ISTERI Penolong Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Masrinah binti Haji Mashor menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Kanak-kanak Sihat.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof ketika merasmikan Papan Tanda Rumah Ketua Kampong Wasan yang baru, Awang Mat Noor bin Ma'arof. - Gambar oleh Masri Osman.

Institusi Penghulu dan Ketua Kampung MEKANISME PENTING DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN

Oleh Aliddin HM

PENKALAN BATU, 2 Julai. - Institusi penghulu dan ketua kampung adalah di antara mekanisme penting dalam jentera pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli dan mengeliga keperluan dan hal-ehwal rakyat dan penduduk di mukim-mukim dan kampung-kampung.

"Adalah mustahak institusi penghulu mukim dan ketua kampung itu dijadikan satu mekanisme yang berkesan dan sentiasa relevan dengan keperluan dan perkembangan semasa yang semakin mencabar," kata Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Hassan ketika berucap di Majlis Penyerahan Sijil Perlantikan Ketua Kampong Wasan, Mukim Pengkalan Batu yang berlangsung di rumah kediaman Ketua Kampong Wasan yang baru di sini.

Dato Paduka menjelaskan, para penghulu dan ketua kampung perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan peringkat akar umbi yang patut ditonjolkan agar imej dan kedudukan institusi penghulu mukim dan ketua kampung akan sentiasa terjaga, terpelihara dan dihormati.

"Saya percaya hakikat mengenai kedudukan perkara ini sudah diterima oleh kalangan penghulu mukim dan ketua dari awal lagi apabila mereka bersedia untuk menerima pencalonan daripada anak-anak buah mukim dan kampung yang mem-

punyai harapan dan penilaian tersendiri terhadap pencapaian dan potensi mereka untuk menjadi pemimpin di peringkat akar umbi," katanya.

Ciri-ciri itu, jelas Dato Paduka, seperti kewibawaan, kemampuan, komitmen, dedikasi dan kepimpinan yang baik para penghulu mukim dan ketua kampung memungkinkan amanah dan kepercayaan yang diberikan dapat dipikul dan ditangani dengan cemerlangnya oleh seorang ketua kampung.

Selain itu, tambahnya, ketua kampung perlulah memberikan sepenuhnya perhatian dan kesediaan dalam memeduli, mengeliga kebajikan dan hal-ehwal penduduk-penduduk kampung tanpa memperkirakan masa dan tenaga.

Mengadakan perundingan, perjumpaan dan permuakharahan bersama penduduk kampung mengenai apa jua perkara yang berkaitan permasalahan anak-anak buah kampung seterusnya mengatur rancangan yang berjadual bagi membuat tinjauan di persekitaran kampung bagi mengetahui dan melihat secara lebih dekat lagi akan hal-ehwal atau perkara-perkara yang berlaku di dalam kampung dan jika perlu membuat laporan, di samping mengemukakan kepada penghulu mukim atau Pegawai Daerah atau agensi-agensi dalam kerajaan dari masa ke semasa khususnya mengenai peristiwa atau keadaan-keadaan yang luar biasa sama ada yang telah berlaku atau dijangka akan berlaku di dalam kampung yang boleh menjejaskan suasana hidup

berkampung, ujarnya.

Dato Paduka menyarankan kepada Ketua Kampong Wasan yang baru supaya bukan saja untuk memahami dan menghayati peranan dan tanggungjawab yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998, malahan yang penting ianya perlu dipraktikkan dengan menyusun perancangan dan tindakan mengennainya.

Selain itu juga Dato Paduka menyarankan supaya ketua kampung akan dapat menyegerakan penyediaan buku profil kampung yang antara lain mengandungi daftar penduduk, bilangan rumah/pemilikinya dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan di kampung yang dipimpinnya.

Buku tersebut, jelas Dato Paduka, hendaklah sentiasa mengemaskinikannya, hendaklah segera bertindak kerana perkara ini amat mustahak bagi membantu memudahkan mereka mengetahui dengan cepat bukan saja keramaian anak-anak buah, bilangan rumah bahkan juga mengenali anak-anak buah yang bermastautin di kampung mereka, malah maklumat sedemikian amatlah juga diperlukan oleh agensi-agensi kerajaan.

Dato Paduka menyeru kepada para penghulu mukim dan ketua kampung supaya sentiasa menjaga, memelihara imej dan nama baik institusi penghulu

mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin di peringkat akar umbi bukan saja dengan mempunyai akhlak yang terpuji, mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang negara bahkan juga memberikan contoh teladan yang baik, dapat bergaul semua lapisan masyarakat, bersopan santun, hormat-menghormati serta mempunyai sikap pemedulian kepada anak-anak buah kampung pada bila-bila masa diperlukan.

Ketua Kampong Wasan yang baru, Awang Mat Noor bin Ma'arof, berumur 43 tahun telah dilantik menjadi ketua kampung sejak 1 November 2003 bagi menggantikan Awang Haji Lapa bin Bahar, Ketua Kampong Wasan yang bersara dari jawatan tersebut.

Penyerahan Sijil Lantikan Ketua Kampong Wasan yang baru telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof kepada Awang Mat Noor, Ketua Kampong Wasan yang baru.

Kampung Wasan mempunyai keramaian penduduk kira-kira 700 orang dan terdapat sebanyak 73 buah rumah di kampung berkenaan.

Kampung Wasan adalah salah sebuah kampung dalam Mukim Pengkalan Batu dan juga merupakan sebahagian laluan orang ramai menuju ke Kuala Lurah.

Projek terbaru kerajaan di Kampong Wasan ialah pembinaan sebuah sekolah vokasional pertanian.

Sediakan peti surat

Oleh Samle HJ

TEMBURONG, 8 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Pos masih mendapati segelintir pemilik bangunan yang gagal mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan peti surat bagi penghuni-penghuni di bangunan berkenaan sekalipun sudah diumumkan oleh jabatan berkenaan beberapa tahun lalu.

"Mereka harus memahami bahawa ini adalah peraturan pos dan juga menjadi tanggungjawab mereka juga," jelas Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Haji Mohd. Ali di Majlis Pelancaran Pemasangan Peti Surat Tepi Jalan di Sekolah Rendah Semabat, Mukim Bokok di sini.

Katanya, kerjasama sangat diperlukan dari pemilik bangunan tinggi supaya akan dapat mengambil berat mengenai penyediaan peti-peti surat bagi setiap bangunan milik masing-masing.

Menurutnya, ketiadaan peti-peti surat tersebut memungkinkan kelambatan penerimaan oleh penghuni-penghuni yang mendiami bangunan-bangunan tersebut atau surat-surat mereka tidak dapat dise-

rahkan dengan tepat dan selamat.

Terdahulu Pemangku Ketua Pos Agung menjelaskan pemasangan peti surat baru merupakan usaha jabatan berkenaan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai khususnya kepada penduduk di persekitaran Kampong Semabat dan kampung yang berdekatan.

"Usaha jabatan itu untuk memberikan perkhidmatan yang cepat dan mudah serta selamat kepada orang ramai, di samping sebagai langkah meningkatkan kualiti perkhidmatan selaras dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR)," jelasnya.

Sehubungan itu, jabatan tersebut juga meminta kerjasama orang ramai supaya mengambil dengan serius penggunaan peralalatan yang betul dalam memastikan surat atau bungkusan yang dikirim akan sampai dengan selamat ke destinasi yang dituju.

Jabatan Perkhidmatan Pos juga terus berusaha untuk memperbaiki pe-

nyerahan sistem yang ada dan mengkaji cara-cara yang lebih berkesan supaya mutu pencapaian penyerahan akan dapat ditingkatkan.

Pelancaran Peti Surat Tepi Jalan Kampong Semabat merupakan langkah permulaan bagi kempen berterusan Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menyediakan peti-peti surat di semua daerah di negara ini.

Kempen itu bertujuan bagi memberikan kemudahan pengeposan surat kepada penduduk di persekitaran dan orang ramai di kawasan perkampungan dan pembangunan seperti kawasan-kawasan perindustrian, perumahan dan komersil yang mempunyai kedudukan jauh dari cawangan-cawangan pos yang terdekat.

Organisasi perlu amalkan peningkatan kualiti secara berterusan

BERAKAS, 19 Julai. - Untuk mencapai kecemerlangan, sesebuah organisasi perlu mengamalkan peningkatan kualiti secara berterusan. Ukuran kualiti dalam sistem pengurusan berkualiti dapat dilihat dari perspektif kepuasan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi.

Nilai-nilai seperti kecepatan, ketepatan, ketata-susilaan, ketepatan kepada pelanggan dan kebolehppercayaan adalah antara nilai-nilai yang mengukur kualiti dari perspektif pelanggan.

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Pengiran Dato Paduka Haji Othman bin Pengiran Omar menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Sistem Pengurusan Berkualiti ISO 9001 Jabatan Kemajuan JKR yang berlangsung di Ibu Pejabat JKR.

Menurut beliau dalam ugama Islam pun ada menekankan betapa pentingnya kualiti dalam kehidupan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menekankan agar

umatnya memiliki akhlak dan sifat yang terpuji dan baik.

Pemupukan nilai-nilai murni kepada anggota organisasi, tambah beliau, adalah penting kerana sumber manusia merupakan aset yang amat bernilai.

"Teori organisasi dan pengurusan dulu dan kini telah menyepakati perkaitan yang positif antara kualiti pekerja dengan tahap kecemerlangan organisasi. Kegemilangan tamadun besar dunia seperti Islam, India Parsi dan Rom adalah bertunjangan kualiti sumber manusianya yang sarat dengan nilai-nilai positif seperti berilmu, taat, setia, berani, tekun, berdisiplin dan kuat bekerja," jelas beliau.

Dalam konteks ini, tambah beliau, tenaga manusia yang berilmu dan berkualiti harus dijana dengan program perkembangan tenaga manusia yang berterusan.

Terdahulu daripada itu, Pengarah Kemajuan, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar berkata tujuan pelancaran ISO 9001, adalah untuk

Oleh Haji Ahmad HS

mendedahkan pelaksanaan ISO 2001 di Jabatan Kemajuan khususnya dan JKR amnya.

Jabatan Kemajuan menurut beliau, telah mengatur beberapa strategi iaitu menubuhkan pasukan jawatankuasa, mengadakan Seminar Kefahaman dan Kesedaran mengenai ISO 9001 bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan, bengkel mengenai Audit Dalaman serta mengumpul dan mengemaskinikan semula proses-proses kerja dan tanggungjawab Jabatan Kemajuan menurut kehendak ISO 9001.

Di samping itu, jelas beliau, jabatan itu juga telah menyelidik semula organisasi jabatan yang berasaskan kepada visi, misi dan objektif kualiti jabatan serta mengemaskinikan objektif dan matlamat jabatan dalam jangka pendek dan panjang.

Sebelum majlis pelancaran, para pegawai dan kakitangan Jabatan Kemaju-

an telah mendengar taklimat Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 yang disampaikan sendiri oleh Pengarah Kemajuan, Awang Haji Suhaimi yang antara lain menyentuh empat perkara mengenai kualiti iaitu kefahaman kualiti, strategi meningkatkan kualiti, di mana kita sekarang dan hala tuju Jabatan Kemajuan.

Antara skop ISO 9001 juga boleh digunakan secara menyeluruh jabatan atau unit sama ada digunakan yang utama ataupun sebahagian sahaja.

Kefahaman kualiti, tambah beliau, adalah sangat penting, kerana tiap-tiap individu Jabatan Kemajuan harus mengetahui pada masa ini yang ko-objektif kita adalah berurusan dengan konsultan, perunding ataupun kontraktor yang kebanyakannya sudah mempunyai pengiktirafan ISO 9001.

Dalam hubungan ini adalah penting Jabatan Kemajuan sendiri untuk mendapatkan pengiktirafan ISO 9001.

Dalam taklimat itu, be-

liau telah menggariskan tiga aspek penting setiap individu atau jabatan mengetahui iaitu pertama, visi jabatan, di mana setiap pegawai dan kakitangan perlu mengetahui apa visi, misi dan dasar kualiti jabatan.

Visi jabatan pada masa ini ialah untuk menjadi sebuah organisasi yang dominan di dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara.

Manakala misi jabatan ialah untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan, projek yang berkesan dan efisien ke arah mencapai matlamat dan aspirasi negara.

Dalam taklimat ringkas itu, beliau juga menjelaskan mengenai makna kualiti iaitu keupayaan untuk memenuhi dan memuaskan keperluan setiap pelanggan, pengguna dan orang mempunyai kepentingan.

Majlis Pelancaran Sistem Pengurusan Berkualiti ISO 9001 disempurnakan oleh tetamu kehormat.



SEORANG penduduk menggunakan peti surat baru yang dilancarkan di Sekolah Rendah Semabat. - Gambar oleh Samle HJ.

PENDAHULUAN

INDUKSI Set ialah dari perkataan Inggeris iaitu 'Set Induction'. Induksi Set bermaksud, satu kumpulan tindakan atau aktiviti untuk memperkenalkan sesuatu. Dalam pengajaran, Induksi Set merupakan tindakan-tindakan dan pernyataan guru yang bertujuan menghubungkan pengalaman pelajar dengan objektif-objektif dalam sesuatu pelajaran. Pengajaran guru yang berkesan akan bermula dengan pengenalan perkara-perkara yang hendak diajarkannya. Perkara-perkara pengenalan ini dihubungkan dengan objektif pelajaran dan seterusnya dihubungkan dengan pengalaman pelajar (Sharifah Alwiyah Alsagoff, 1985:309).

Pada setiap pengajaran guru mesti menyediakan pelajar-pelajar dengan tugas pembelajaran yang mereka akan lakukan. Guru perlu mendapat dan mengekalkan perhatian pelajar untuk menggerakkan mereka bekerja, berfikir dan belajar. Guru juga harus memimpin mereka ke arah yang hendak dituju dan jika perlu, mewujudkan perkaitan yang jelas dengan pengetahuan yang sedia ada. Dalam hal ini, kemahiran pelbagai rangsangan merupakan bahagian penting dalam kemahiran permulaan (Kamarudin Haji Husin, 1991:165). Sebagai contoh seorang guru mengajar mata pelajaran Melayu Islam Beraja mengenai tajuk lagu-lagu Brunei, guru boleh memulakan pelajaran dengan mendengarkan kepada pelajar sebuah lagu Brunei dan disuruh pelajar untuk meneka. Induksi Set ini boleh menarik minat pelajar supaya mendengar dengan teliti lagu yang diperdengarkan itu.

PRINSIP-PRINSIP DALAM INDUKSI SET

Kamarudin Haji Husin (1991:165) telah menyenaraikan beberapa prinsip-prinsip panduan yang perlu diikuti oleh guru sekiranya hendak berjaya dalam permulaan pelajarannya. Di antaranya ialah:

- * Permulaan pelajaran hendaklah bermakna kepada pelajar-pelajar dari segi umur, kebolehan dan minat.
- * Permulaan pelajaran hendaklah mempunyai hubungan dengan isi dan objektif pelajaran.
- * Permulaan pelajaran mestilah berkaitan dengan pengetahuan sedia ada mengaitkan apa yang diketahui dengan yang akan dipelajari.

Oleh yang demikian, guru mestilah mengetahui dan memahami prinsip-prinsip Induksi Set bagi permulaan pengajaran yang berkesan.

TUJUAN INDUKSI SET

Beberapa tujuan kenapa Induksi Set ini penting untuk dilaksanakan di dalam pengajaran bagi para guru kepada pelajarannya. Antara tujuan Induksi Set ialah (Sharifah Alwiyah Alsagoff, 1985):

PERATURAN RUANGAN SASTERA DAN BUDAYA

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar rencana mengenai Sastera dan Budaya untuk terbitan akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Rencana hendaklah dialamatkan kepada :
PENERBIT SASTERA DAN BUDAYA,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Rencana mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Rencana hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer. Walau bagaimanapun gambar-gambar, lukisan, ilustrasi atau grafik boleh disertakan secara berasingan jika perlu.
4. Rencana tulisan tangan tidak akan diterima.
5. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor dan salinan kad pengenalan, nombor dan salinan akaun bank, alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
6. Rencana yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

INDUKSI SET DALAM PERMULAAN PENGAJARAN

OLEH MANELYANA

1. Mendapat perhatian pelajar

Gagne dan Briggs berpendapat bahawa langkah yang terawal dalam sesuatu pengajaran ialah mendapatkan perhatian pelajar. Dalam pengajaran guru, cara mendapatkan perhatian ini ialah dengan pengaruh (atau induksi) sesuatu set. Set tersebut mungkin berbentuk sesuatu pendekatan, satu alat atau proses yang menyebabkan pelajar memberi perhatiannya untuk belajar.

2. Membentuk satu rangka penyusunan idea-idea, prinsip-prinsip atau maklumat yang akan mengikuti pengajaran

Dengan mengadakan satu rangka penyusunan idea-idea, prinsip-prinsip dan maklumat yang akan diajar dan memberitahu pelajar mengenai akan menyediakan pelajar untuk menerima pembelajaran seterusnya. Penerimaan, kefahaman, kebolehan mengingat balik dan penggunaan maklumat yang diajar akan bertambah baik sekiranya pelajar diberitahu secara menyeluruh terlebih dahulu mengenai perkara-perkara yang akan dipelajarinya. Dengan cara tidak langsung, pembelajaran yang telah lalu dan menjadi prasyarat untuk pembelajaran seterusnya diingatkan kembali dan disusun serta dijalinan dengan pembelajaran yang akan berlangsung. Sebagai contoh guru Bahasa Melayu mengajar mengenai jenis-jenis ayat, di mana minggu lepas telah mengajar Ayat Penyata dan akan memulakan jenis ayat seterusnya. Maka guru boleh memulakan pengajaran dengan mengimbas kembali pengajaran minggu lepas iaitu Ayat Penyata dengan menggunakan teknik penyoalan.

3. Melanjutkan kefahaman dan penggunaan idea-idea yang abstrak dengan menggunakan contoh dan persamaan


Kefahaman dan penggunaan idea-idea yang abstrak sering digunakan oleh penulis novel dan penyair. Idea-idea yang abstrak dikiasakan dengan perkara-perkara yang senang difahami oleh pelajar. Induksi Set pada awal pengajaran dapat dibentuk sedemikian rupa sebagai pembukaan kepada penganalisaan perkara-perkara lain dalam pengajaran tersebut.

4. Merangsangkan pelajar agar berminat dan melibatkan diri dalam pelajaran

Gagne dan Briggs (dalam Syarifah Alwiyah Alsagoff, 1985:309), berpendapat bahawa langkah seterusnya setelah mengingatkan kembali pembelajaran yang menjadi prasyarat untuk pembelajaran yang akan berlangsung ialah mengemukakan bahan rangsangan. Dengan perkataan lain, langkah ini ialah merangsangkan pelajar agar berminat dan seterusnya melibatkan dirinya dalam pelajaran tersebut.

5. Mewujudkan motivasi

Guru menunjukkan kemesraan dan penuh semangat terhadap perkara yang



Rajah 1

dipelajari terutama apabila berinteraksi dengan pelajar-pelajar sekolah rendah. Guru merangsangkan rasa ingin tahu atau membawa unsur-unsur yang menakutkan atau menimbulkan minat dengan bercerita atau mengadakan aktiviti.

6. Menstruktur

Guru menyatakan had tugas yang akan dijalankan. Sebagai contoh - pada hari ini kita akan melihat beberapa keping gambar dan selepas membincangkannya, kita akan menulis satu cerita. Guru menggunakan beberapa soalan yang berkaitan untuk memulakan topik. Oleh yang demikian, permulaan pengajaran amat penting bagi pengajaran yang berkesan mengikut struktur yang tersusun.

Bagi permulaan yang berkesan di dalam Induksi Set sila lihat Rajah 1:

BILA INDUKSI SET DIGUNAKAN?

Beberapa contoh bila Induksi Set digunakan secara umum, antaranya ialah (Syarifah Alwiyah Alsagoff, 1985:310):

- * Memulakan satu unit pelajaran baru.
- * Mengenalkan sesuatu konsep atau prinsip.
- * Memulakan perbincangan.
- * Memulakan satu aktiviti membina kemahiran seperti kefahaman membaca atau penulisan ayat kompleks.

* Memperkenalkan sesuatu filem, rancangan televisyen, pita dan sebagainya.

- * Memulakan sesi soal jawab.
- * Menyediakan sesuatu lawatan.
- * Memperkenalkan seseorang penceramah.
- * Mengemukakan sesuatu kerja rumah.
- * Memulakan latihan amali.

Ini adalah contoh-contoh bila sebenarnya Induksi Set digunakan. Jika kita teliti dari contoh di atas jelas menunjukkan bahawa Induksi Set digunakan apabila seseorang ini ingin memperkenalkan, memulakan, mengemukakan sesuatu perkara bagi menarik perhatian kepada orang lain supaya akan dapat diterangkan perkara tersebut dengan lebih lanjut lagi.

KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kejayaan sesuatu pelajaran adalah bergantung keberkesanan guru memulakan tema, tajuk atau konsep yang hendak dipelajari. Oleh yang demikian, seorang guru mesti membuat persiapan awal bagi satu mata pelajaran yang diajarkan. Seorang guru mesti memulakan pengajaran dengan Induksi Set yang menarik perhatian pelajar agar apa yang akan diajarkan akan dapat diterima oleh pelajar dengan baik. Maka dari itu akan mewujudkan pengajaran yang berkesan dan efektif.

CERPEN

“YOU are not allowed to leave this room.”

“Why?”

“It is an order from your father!”

Tina mendengar. Ditutupnya semula pintu bilik itu. Dia berjalan perlahan dan kemudian duduk di penjurukan katil. Perlahan-lahan dia memandang keadaan biliknya itu. Luas dan kemas. Lengkap dengan segala keperluan yang mewah. Tandas, kamar mandi, perpustakaan kecil, satu set sofa beserta hi-fi dan home teater. Malah dalam bilik itu juga ada sebuah bilik kecil yang menempatkan segala pakaian dan perhiasan dirinya. Bilik Tina itu nampak eksklusif dengan aduan warna putih kekuningan dan keemasan.

Di sudut kanan berhampiran katil terdapat sebuah cermin besar. Cermin yang lebih tinggi dan besar dari Tina. Cermin itulah yang selalu digunakannya bagi melihat penampilan dirinya dari atas ke bawah setiap hari. Dia akan bergaya sakan dengan baju yang cantik-cantik di hadapan cermin itu satu tika dahulu.

Seketika terdengar oleh Tina beberapa ketukan. Ketukan yang sederhana kuatnya. Kemudian kelihatan ayah Tina masuk ke dalam bilik itu. Menuju kepadanya.

“Good morning dear,” tegurnya sambil tersenyum.

“Morning,” balas Tina. “Daddy, what the hell is going on here?”

Ayahnya cuma diam. Diringnya anaknya itu. Tina mendongak memandang ayahnya. Masih mengharapkan jawapan. Namun Tina hampa bila dia tidak mendengar apa-apa suara dari ayahnya. Cuma kedengaran sebuah keluhan halus.

“Morning sweetie.”

Kelihatan kelibat ibunya masuk ke bilik tersebut. Ibunya mengenakan pakaian mewah. Nampak anggun dengan pilihan warna yang sesuai, berpatutan dengan warna rambutnya yang perang itu.

“Mummy and daddy are going to New Zealand today. We’ll be back after fortnight staying there,” ibunya memulakan kata.

“Business?” tanya Tina.

“Yes sweetie,” jawab ibunya cepat.

“Mana Mak Tijah? I miss her,” tanya Tina semula.

“Daddy sudah ganti dia dengan pekerja baru,” jawab ayahnya acuh tak acuh.

“We got to go now,” kata ibunya.

Ayah dan ibunya memberikan kupukan di dahi kemudian keluar dari bilik tersebut. Ibunya sempat melambai dan memberi flying kiss sebelum mereka hilang dari pandangan mata Tina. Tina juga terdengar ayahnya memberi arahan dalam bahasa

Inggeris kepada pengasuh barunya. Cuma arahan itu tidak berapa jelas kedengaran oleh telinga Tina. Tina mengeluh. Terasa berat hembusan nafasnya kali ini.

“Tina, nak join kami tak malam ini?” tanya Syikin pada suatu hari.

“Malam ni? Ada apa?” soal Tina.

“Malam ni ada parti di rumah Razmanlah. Joinlah. Lagipun semua orang pergi. Takkan kau tak ikut pula. Come on la.”

“Mm ... ok juga. Lagipun my parents tak ada di rumah. Mereka pergi uruskan bisnis ke Australia.”

“Yesss ...” teriak Syikin.

Sejak hari itu Tina mula keluar malam. Duduk dekat rumah bukan ada kerja nak dibuat. Ayah dan ibunya terlalu sibuk dengan urusan bisnis mereka. Mereka tidak mementingkan Tina.

Sejak kecil hingga dewasa. Cuma kemewahan ditimbun. Tinggallah dia di rumah besar itu bersama pengasuh yang telah lama berkhidmat dengan keluarganya. Mak Tijah, seorang pekerja tempatan yang dianggap Tina sebagai ibunya sendiri. Dialah tempat Tina mengadu dan bermanja.

Mak Tijah tidak melarang Tina keluar malam. Dia percaya Tina tidak akan membuat kerja yang tidak elok. Dia sedar Tina perlukan teman. Dia juga faham Tina perlu bergaul dengan orang yang sebaya dengannya agar dapat meluaskan cara pemikiran. Bukan seperti katak bawah tempurung. Sekurang-kurangnya katak berseluar jeans jadilah. Lagipun Mak Tijah kenal benar dengan Tina. Antara mereka memang tidak terdapat satu pun rahsia. Tina menyatakan kesanggupannya untuk



OLEH AMZY

pulang ke rumah sebelum jam sepuluh malam dan berjanji tidak akan membuat perkara yang memudaratkan mereka berdua.

“Tina, we are here ...”

Mak Tijah terkejut mendengar suara ibu Tina. Jelas pada pandangan mata Mak Tijah kedua majikannya itu berjalan beriringan menaiki tangga. Mereka pulang sehari sebelum masa yang telah mereka nyatakan. Lutut Mak Tijah menggeletar. Dia sedar sebentar lagi mesti kedua majikannya itu akan menyوالnya mengenai ketiadaan Tina. Sedangkan Tina baru lima belas minit yang lalu meninggalkannya untuk menghadiri majlis hari jadi teman rapatnya Syikin.

“Kak Tijah ...” teriak ayah Tina kedengaran. “Mana Tina?”

Mak Tijah bergegas mendapatkan Encik Mustafa. Mereka bertembung di bilik tamu. Mak Tijah panik. Terasa seram

sejuk badannya ketika itu. Encik Mustafa memandang Mak Tijah. Terasa pandangan tersebut seakan pisau yang menyayat segala urat nadi Mak Tijah.

“Kak, mana Tina?” tanya Encik Mustafa sekali lagi.

“Ia ... ia ...”

Encik Mustafa memandang Mak Tijah. Tanpa berkelip. Pandangan yang mengharapkan jawapan yang cepat.

“Ia ke rumah Syikin tuan ...”

“Bahapa ia ke sana?”

“Mm ... Syikin hari jadi. Ialah ia ke sana itu?”

“Mengapa pandai-pandai suruh ia ke sana? Aku menggaji kita supaya si Tina itu dipelihara bisai-bisai. Bukan untuk menyuruh ia merayau-rayau ke rumah orang. Inda boleh diharap jua eh,” kata Encik Mustafa sambil berlalu keluar menuju keretanya.

Beberapa ketika kemudian kedengaran suara lantang Encik Mustafa dan suara esakan Tina. Kedua-dua suara itu

kedengaran silih berganti pada pendengaran Mak Tijah. Ada kalanya terdengar juga suara pelat Inggeris ibu Tina. Mak Tijah kurang pasti apa yang dibicarakan oleh mereka. Namun yang nyata perkara tersebut mungkin perdebatan hangat mengenai kejadian tadi. Seketika kedengaran dentuman kuat pintu bilik di atas. Kemudian kedengaran Encik Mustafa memanggil Mak Tijah berkali-kali. Setelah bersua muka, Encik Mustafa pun memulakan kata-kata bernasnya. Kata-kata yang patut dipatuhi oleh Mak Tijah.

Kata-kata berbau arahan.

BEBERAPA ketika kemudian kedengaran suara lantang Encik Mustafa dan suara esakan Tina. Kedua-dua suara itu kedengaran silih berganti pada pendengaran Mak Tijah. Ada kalanya terdengar juga suara pelat Inggeris ibu Tina. Mak Tijah kurang pasti apa yang dibicarakan oleh mereka. Namun yang nyata perkara tersebut mungkin perdebatan hangat mengenai kejadian tadi. Seketika kedengaran dentuman kuat pintu bilik di atas. Kemudian kedengaran Encik Mustafa memanggil Mak Tijah berkali-kali. Setelah bersua muka, Encik Mustafa pun memulakan kata-kata bernasnya. Kata-kata yang patut dipatuhi oleh Mak Tijah. Kata-kata berbau arahan.

kedengaran silih berganti pada pendengaran Mak Tijah. Ada kalanya terdengar juga suara pelat Inggeris ibu Tina. Mak Tijah kurang pasti apa yang dibicarakan oleh mereka. Namun yang nyata perkara tersebut mungkin perdebatan hangat mengenai kejadian tadi. Seketika kedengaran dentuman kuat pintu bilik di atas. Kemudian kedengaran Encik Mustafa memanggil Mak Tijah berkali-kali. Setelah bersua muka, Encik Mustafa pun memulakan kata-kata bernasnya. Kata-kata yang patut dipatuhi oleh Mak Tijah. Kata-kata berbau arahan.

“Ma, lawa baju ani?” tanya Tina kepada Mak Tijah.

“Lawa, macam orangnya jua,” balas Mak Tijah.

Tina tersenyum. Dia berdiri menghadap cermin besar sambil memandang bayangan dirinya pada cermin itu. Dia berundur ke belakang. Berpusing ke kiri ke kanan kemudian bergerak semula ke depan.

“Kan Tina pakai malam ani?”

“Aww ... majlis karang malam itu ada peraduan pakaian beragam. Ialah Tina pilih baju ala puteri zaman silam ani,” ucap Tina sambil ketawa.

Mak Tijah tidak kuasa untuk melarang Tina keluar malam. Dia kasihan melihat Tina. Kata-kata amaran serta arahan Encik Mustafa sebulan yang lalu dibiarkannya begitu saja. Bukan dia tidak mahu mematuhi arahan majikan. Tidak sama sekali. Cuma dia tidak mahu melihat Tina bersedih. Dia juga tidak rela melihat kehidupan Tina dikongkong sebegini. Kadangkala hairan juga Mak Tijah dengan sikap kedua majikannya. Mereka selalu membuat Tina seperti tunggul. Ditinggalkan begitu saja seakan anak tersebut tidak memerlukan perhatian mereka. Bukan sehari dua.

Kadangkala bilangan hari itulah mereka ada di rumah dalam sebulan.

“Tina, jangan akhir balik ah. Bisai-bisai ulah,” pesan Mak Tijah.

“Jan watir Ma ... Tina pandai jaga diri,” jawab Tina sambil mencium kedua-dua belah pipi Mak Tijah.

Tina faham isi hati Mak Tijah. Perempuan itu tidak mahu kejadian dahulu terulang lagi. Namun Tina juga faham dia tidak mahu mengongkong Tina. Tina berasa amat beruntung mendapat kasih sayang Mak Tijah. Bagi Tina Mak Tijah adalah segala-galanya. Orang yang paling memahaminya. Bukan seperti kedua-dua orang tuanya yang cuma mementingkan harta.

“Cepatlah Tina,” laung Syikin.

Tina bergegas masuk ke dalam kereta Syikin. Tina sempat memerhatikan Syikin yang begitu bergaya sekali dengan baju blaus seksinya yang berwarna merah jambu itu sambil rambutnya diikat kemas. Begitu juga dengan dua kawannya yang duduk di belakang. Seorang dengan baju ala mermaid dan seorang lagi memakai baju ala lady vamp.

Syikin memandu kereta dengan laju sekali kerana mereka telah lewat menghadiri parti tersebut. Sambil memandu Syikin cuba untuk membaca mesej yang baru diterimanya melalui telefon mudah alihnya. Sementara kedua-dua rakannya di belakang asyik bergurau mereka cuba untuk menyembunyikan tangisnya itu. Dia sedaya upaya mengesat air matanya dengan laju dan cuba untuk tersenyum seperti selalu.

Kini fahamlah Tina akan erti kesedihan Mak Tijah itu. Mungkin ayahnya meletakkan seratus peratus punca kemalangan itu pada bahu Mak Tijah. Ayah memang tidak adil.

Kejadian itu masih segar di ingatan Tina. Tina dapat rasakan kerana keja-

T I N A

dian itulah Mak Tijah dibuang kerja. Dan kerana itulah dia kehilangan segala kebebasan yang pernah diperolehinya ketika bersama Mak Tijah. Hilanglah tempat mengadu dan bermanja. Hilanglah segalanya. Tina menangis keseorangan. Dia hiba kerana ayah dan ibunya semakin jauh darinya. Semakin mengongkongnya. Semakin tidak mahu ambil peduli terhadapnya. Sudah dua minggu juga dia tidak berjumpa Mak Tijah. Kali terakhir mereka berjumpa ialah pada hari Tina dibenarkan keluar dari wad setelah menerima rawatan rapi selama tiga bulan akibat kemalangan ngeri ketika bersama kawan-kawannya.

“Maritah tani balik sama-sama ma ...” usul Tina.

Mak Tijah cuma menggeleng. Nampak di raut wajah perempuan tua itu akan kesedihan yang amat sangat. Kesedihan itu tidak dapat dibendung. Air matanya jatuh berderai ke pipinya dengan laju. Namun Mak Tijah cuba untuk menyembunyikan tangisnya itu. Dia sedaya upaya mengesat air matanya dengan laju dan cuba untuk tersenyum seperti selalu.

Kini fahamlah Tina akan erti kesedihan Mak Tijah itu. Mungkin ayahnya meletakkan seratus peratus punca kemalangan itu pada bahu Mak Tijah. Ayah memang tidak adil.

Dari muka 12

Semua itu bukan salah Mak Tijah. Tanggapan ayah bahawa Mak Tijah tidak bertanggungjawab memang tidak masuk akal. Bahkan bagi Tina ayah dan ibunya orang yang tidak bertanggungjawab. Allah mengamanahkan mereka untuk menjaga zuriat pun tidak dibuat malah sanggup menyimpan bebanan itu kepada bahu orang lain. Apakah itu dinamakan bertanggungjawab? Semasa ia terlantar di hospital pun cuma dua kali mereka mengunjunginya. Kali pertama ketika hari kedua dia belum sedarkan diri dan kali kedua ketika ia sudah boleh membuat beberapa gerakan ringan.

"It's time to have your lunch," pengasuh berbangsa Filipina itu menegurnya sambil meletakkan juadah makan tengah hari di atas meja di bilik Tina.

"Aku tak ada selera hendak makan."

Pengasuh itu berlalu tanpa kata. Tina telah hafal dengan jadual barunya. Pengasuh itu akan datang ke biliknya tiga kali sehari. Datang dengan sarapan, hidangan tengah hari dan malam. Selainnya dia hanya akan berjaga di luar bilik Tina. Kerja rumah pula akan dibuat oleh orang gaji baru yang juga berbangsa Filipina. Tina berjalan perlahan menuju cermin besarnya. Dia memerhatikan parut di pipi kirinya. Kata Mak Tijah doktor terpaksa menjahit luka itu dengan dua puluh empat jahitan. Parut itu telah mencacatkan muka Pan Asiannya. Lama Tina merenung mukanya itu. Dengan jarak yang hampir pula. Ini menyebabkan cermin tersebut menjadi semakin kabur. Kabur oleh bekas hembusan nafasnya. Tiba-tiba Tina terkejut. Ternampak di dalam cermin itu satu wajah yang amat dirindunya. Mak Tijah tersenyum dan melambainya. Mula-mula Tina berasa takut. Kuasa itu juga seakan dapat menguasai dirinya. Dengan mudah saja Tina dapat masuk ke dalam cermin itu.

"Dinner time ..."

Tina terbangun. Dia tersenyum puas. Hidupnya yang kosong seakan berisi kembali. Terisi dengan penuh makna. Dia tidak sendirian. Mak Tijah ada bersamanya. Hampir seminggu mereka dapat bertemu. Cermin itulah yang menemukan mereka. Tina dan Mak Tijah. Mereka bahagia. Mereka akan terpisah jika Tina terbangun dari tidur. Ya, ketika tidurlah Tina akan dapat hidup bahagia dengan Mak Tijah seperti dulu.

"Ma ... Tina inda mahu balik. Di sana inda jua Tina dapat rasa bahagia. Tina suka hidup dengan mama dalam cermin ani. Tina inda mahu keluar lagi eh..."

"Tina ... tani tiap hari jua udah berjumpa. Lagipun sekajap jua ganya Tina berpisah dengan mama kan ... lapas atu tani berjumpa balik," jawab Mak Tijah sambil tersenyum mesra.

"Inda. Tina inda mahu terpisah dengan mama. Walaupun sesaat. Ma ... buatlah sesuatu supaya tani inda terpisah ..." pinta Tina.

"Inda baik macam atu Tina. Mama ..."

"Ma ... kalau mama sayang Tina baiktah mama bawa Tina bersama-sama."

"Tina inda menyesal?"

Geleng.

"Apa yang membuatkan Tina terpisah dengan mama?"

"Bangun tidur."

"Jadi Tina usahakantah supaya inda terbangun dari tidur."

"Tina, what meal do you want for lunch?" soalan pengasuhnya itulah yang memisahkan Tina dengan Mak Tijah. Tina terbangun dan menjawab soalan pengasuhnya dengan acuh tak acuh.

"And auntie, please bring me mum's medical box. I think I need to eat some panadol. I got a headache."

"Ok, but after u eat your meal."

"Deal."

"Your parents arrived at seven. So you can eat dinner with them tonight."

Setiba di rumah Puan Khaty melaung memanggil nama Tina. Dua tiga kali nama itu diterjir namun tiada respon. Diam. Puan Khaty masuk ke bilik Tina. Encik Mustafa menurut. Alangkah terkejutnya Puan Khaty apabila memandang jasad Tina yang terkulai layu di katilnya. Dia berteriak memanggil pengasuh barunya. Encik Mustafa memegang tangan Tina dan cuba

untuk mencari denyutan nadi. Tiada. Puan Khaty meraung. Dia mendapati dua botol pil tidurnya kosong. Pengasuh Tina menangis ketakutan. Encik Mustafa berang. Semasa merenung cermin besar Tina dia seakan terlihat kelibat Tina dan Mak Tijah bergurau-senda di dalam taman bunga yang amat cantik. Dia kaget. Kemudian apabila dipandangnya cermin itu lagi hanya ada pantulan bayangan ketiga-tiga perempuan di bilik itu.

"Aku berdosa ..." tangis Encik Mustafa.

PERATURAN RUANGAN CERPEN

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar karya cerpen ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Cerpen hendaklah dialamatkan kepada:

PENERBIT CERPEN,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Cerpen mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan cjaan rumi baru.

3. Karya hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (karya tulisan tangan tidak akan diterima).

4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor dan salinan kad pengenalan, nombor dan salinan akaun bank, alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).

5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

Menteri Kesihatan Awam Afghanistan lawat Hospital RIPAS

BERAKAS, 31 Julai. - Menteri Kesihatan Awam Afghanistan, Puan Yang Terutama Dr. Sohaila Sediqq hari ini mengadakan lawatan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada acara dalam rangka kerja lawatan selama lapan hari ke Negara Brunei Darussalam.

Darussalam.

Lawatan tersebut juga antara lain bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat terkini selain mewujudkan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak mengenai hal-ehwal kesihatan.

Terdahulu sebelum itu, Puan Yang Terutama

Oleh
Siti Aishah HS

mendengar taklimat mengenai Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di bangunan kementerian berkenaan di sini.

Hadir sama di sesi takli-

mat itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika memberikan taklimat kepada Menteri Kesihatan Awam Afghanistan, Puan Yang Terutama Dr. Sohaila Sediqq.

Brunei sertai Tienjin International Children Culture and Art Festival

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 22 Julai. - Dua rombongan penuntut-penuntut yang akan menyertai Tienjin International Children Culture and Art Festival yang diadakan di Republik Rakyat China dan 2004 APEC Youth Camp di Taipei hari ini mengadakan kunjungan ke Jabatan Penerangan di sini.

Semasa kunjungan tersebut para penuntut yang menyertai Tienjin International Culture and Art Festival bermula pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2004 dan 2004 APEC Youth Camp pada 1 hingga 6 Ogos 2004 telah diberikan taklimat berkisar mengenai Kerajaan Kita: Struktur dan Pentadbiran yang disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Taklimat itu antara lain bertujuan untuk memberi maklumat terkini dan hal-ehwal semasa mengenai Negara Brunei Darussalam sebagai bahan informasi para penuntut berkenaan semasa menyertai program tersebut.

Dalam sesi ramah mesra, Pengarah Penerangan telah menyeru para penuntut supaya menjaga tata-susila dan identiti kebrucean di mana saja mereka berada dalam sama-sama menjaga imej Negara Brunei Darussalam.

Rombongan tersebut juga telah dibawa melawat ke Pameran Jubli Emas Jabatan Penerangan.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika bergambar ramai bersama penuntut-penuntut yang menyertai Tienjin International Children Culture and Art Festival dan 2004 APEC Youth Camp.



KETUA Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Zainal Abidin bin Penghulu Haji Ibrahim menyerahkan bendera kebangsaan kepada Ketua Rombongan, Ak. Ahmad bin Pengiran Haji Md. Tajuddin, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Tiga pengakap hadiri Persidangan Belia di Jepun

BERAKAS, 28 Julai. - Penyertaan tiga ahli Pengakap Negara Brunei Darussalam dalam Persidangan Belia (Youth Forum) anjuran Persekutuan Pengakap Jepun merupakan peluang untuk mendedahkan perkembangan dan kemajuan Persekutuan pengakap Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa.

Hampir 70 orang pengakap dari 30 negara di rantau Asia Pasifik dijangka menyertai forum berkenaan sekali gus menjadi landasan untuk meningkatkan hubungan muhibah, di samping meluaskan pengetahuan mengenai berpengakap di kalangan negara peserta.

Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Zainal Abidin bin Penghulu Haji Ibrahim hadir bagi menyerahkan bendera kepada Ketua Rombongan, Ak. Ahmad bin Pengiran Haji Md. Tajuddin, Pesuruhjaya

Oleh
Samle Hj. Jait

Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Juga menyertai rombongan ialah dua ahli Pengakap, Dayang Hajah Siti Navila Haji Nasip dan Dk. Kianna Pengiran Abdul Rahman.

"Inilah peluang untuk kita mendedahkan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa," jelas Awang Haji Zainal Abidin ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Katanya, penyertaan berkenaan merupakan kali kedua bagi Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam ke persidangan berkenaan.

Beliau juga yakin perwakilan negara tidak akan melepaskan peluang keemasan itu untuk berinteraksi bersama para pe-

ngakap yang lebih matang dan menyatukan hubungan muhibah dengan pengakap yang lain.

Beliau berharap, perwakilan negara akan memperluaskan pengetahuan melalui apa yang mereka perolehi semasa perkumpulan di negara Matahari Terbit itu nanti.

Sementara itu, Ketua Rombongan, Ak. Ahmad pula melahirkan rasa gembira untuk mewakili negara dalam persidangan itu nanti dan yakin segala pengalaman yang diperolehi akan didedahkan kepada ahli-ahli yang lain di negara ini.

Sepanjang program selama 16 hari, para peserta dijadualkan mengadakan perbincangan mengenai isu-isu pengakap terutama masalah belia.

Para peserta berkesempatan melawat ke beberapa buah ibu kota Jepun untuk berinteraksi bersama belia-belia Jepun yang terlibat dalam berpengakap.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

AKU INSAN PERINDU

Apabila rindu mengundang lagi
izinkanlah aku merindumu
dengan sepenuh jiwaku ini
izinkanlah aku merindui dirimu
tawamu
wajahmu
serta belaian kasih sayangmu.

Sayang
mengapa! Kenapa!
setiap saat
setiap detik
hatiku sudah mulai rindu
rinduku tak dapat kutahan
aku semakin hari semakin
terseksa oleh rindu yang
kian mendatang.

Sayang
tiada penawar
tiada ubat
yang dapat menyembuhkannya
kecuali hanya dirimu sahaja
yang dapat jadi penawarnya
atau pengubat hatiku yang rindu.

Memang akulah ... aku!
insan perindu yang tak pernah
mengenal waktu siang ataupun malam.

Dan tak pernah menghiraukan
dan tak pernah pedulikan
hujan
panas
berembun.

Itulah luahan hati
seorang insan perindu
yang tak pernah jemu
dengan perasaan rindu
kepada sang kekasih.

Asai

KASIH

Kasih ibu bawa ke Syurga
kasih ayah selama-selamanya
kasih saudara ketika senang saja
kasihnya teman melebihi saudara.

Kasih ibu bawa ke Syurga
kerana dia wanita yang melahirkan kita
Syurga berada di bawah telapak kakinya
rasa keibuan sejati itulah sifat
semula jadinya.

Kasih ayah selama-lamanya
insan pembimbing dalam sesebuah
keluarga
dialah nakhoda kapal bahtera
rumah tangga
bersama ibu membesarkan
anak-anaknya.

Kasih saudara kala senang saja
kebanyakan manusia mudah lupa
ketika bersuka semua ikut merasa
ketika berduka kita ditinggal menderita.

Kasihnya teman melebihi saudara
teman adalah segala-galanya
orang yang akan mempengaruhi kita
dalam menempuh hidup ranjau dunia.

Allah telah menciptakan kasih dan cinta
janganlah ia disalah guna
kepada perbuatan maksiat yang tidak
berguna
kerana kasih dan cinta itu suci mulia.

MIA

CINTA

Kuasa cinta begitu kuat
untuk mencintai dirimu
tiada yang dapat meluputkan
perasaan cintaku untukmu.

Kusemai di dalam hati ini
untuk mencintaimu
walau apa jua pun yang terjadi
aku tetap mencintai dirimu.

Inilah yang dinamakan cinta
sehingga aku tidak pernah berlaku
curang
walaupun kau berada jauh dariku
hanya Maha Esa yang mengetahuinya.

KEJAYAAN

Mencari kejayaan
adalah matlamatku yang pasti
usahaku tidak akan kusia-siakan
ia tetap akan kuusahakan.

Satu destinasi akan pasti kujalani
untuk membina mahligai kejayaan
kuharap kau pun begitu
untuk terus berjuang.

Mendaki ke puncak tertinggi
untuk mencapai matlamatku
mimpiku telah menjadi realiti
untuk berada di kemuncak.

Kupercayai diriku
dengan adanya semangat yang pasti
seharusnya kau pun begitu
untuk memperjuangkan matlamatmu.

Leen

TAWAMU

Tawamu...
menggembirakanku
menyenangkanku
oh... bahagiannya.

Tawamu... hilang
lenyapkan segala
musnahkan semua
kenangan bersama.

Tawamu...
di manakan kucari

kuselalu merindui
sungguh sunyi.
Tawamu....
kan kuabadikan
dalam hati selamanya
bersemadilah dikau
dengan aman menghadapi-Nya.

MENGAPAKAH DIKAU

Mengapakah dikau...
pada mulanya
teman tawaku
teman laraku
kau jadikan aku
teman bagimu.

Mengapakah dikau...
luahkan rasa
cinta padaku
ikhlas padaku
kau jadikanku
kekasih hatimu.

Mengapakah dikau...
berpaling sudah
sangat benci padaku
sangat bosan padaku
kau jadikan aku
musuh dirimu.

Lyn 135

KEMBALI KE JALAN LURUS

Aku berjalan
di jalan yang berdebu
penuh liku-liku
kakiku terasa lenguh dan lesu
terkupas ketabahan hati
kepercayaan di dalam teruji
berhenti di jalan mati.

Cintaku terluka
dek kekurangan di hati
rasa alpa menghimpit diri
menyesal sudah tak bererti lagi
hanya kembali membetulkan diri
beristighfar sejernih hati
bertawakal dan berserah kudrat Ilahi
kerana Engkau Maha Berkuasa
bisa mengampunkan dosa segala.

Sekarang rasa kasih dilabuhkan
kepercayaan semakin kukuh

menghamba membersihkan diri
mendekati-Mu masih berwaktu
menanam cinta menyemai rindu
mengikis habis segala debu
di jalan lurus ke hujung waktu.

Mas Malinja

SATU PENCARIAN

Ketika penularan resah mencengkam
rasa
fikirku adalah bintang-bintang mengerdip
debar dadaku menggelut lautan yang rata
di daun jendela malam.

Desir angin dan deru ombak
menyelinap meresap ruang-ruang yang
terbuka
getar bibirku membalut tanaman luka
sedang air mata enggan keluar.

Betapa hidup ini satu pencarian
yang entah di mana perhentian
biarpun ia tidak seindah yang
dimimpikan.

KASIH DI RUANG KEPERCAYAAN

Dari jendela sinar memburu gelap
mencari intisari suatu nilai suatu erti
perhitungan tumbuh dalam helaan nafas
membisikkan puisi demi puisi.

Ruang ini menantikan sapaan masa
menghidu haruman kasih dalam bayang sepi
menjadi kalung manik waktu
berangkat sarat kasih dalam ruang kepercayaan.

Melalui kalbu nan terbuka
kejelujur dalam cinta dan nikmat ilmu
nikmat bicara mengangkat darjat erti
meniup api kasih di dada.

Seribu haruman mawar bergema rindu
mengukir detik nafas dan sepi
tersimpul kini dalam suatu kesetiaan.

Alwi S. M.

IGAUAN SEMALAM

Para pengkaji cuaca meramalkan
sesuatu dalam genggamannya Maha Pencipta
bala akan menimpa dunia dengan 'La Nina'
membuat seisi dunia terkejut
apakah ia lebih dahsyat dari Sangkakala ...!
bakal menggulung dunia
dan sekalian isi di dalamnya.

Rata-rata orang menantikan kehadirannya
manusia mula gundah-gulana
tentang kepentingan diri
cuma sekadar 'La Nina'
manusia sudah mula membayangkan
kekayaan akan berterbangan
lenyap segala kemewahan dan kesenangan.

Bagaimana pula dengan Sangkakala
yang dijanjikan Tuhan akan adanya
tidak membuat orang 'kecut perut'
jauh merubah manusia jadi takut
barang dijauhkan Allah.

Aku dapat bayangkan
kerosakan buni amat memilukan
kerana itu aku ingin berhijrah ke angkasa
aku nampak sebuah kedamaian di sana
mungkin ada kehidupan luar biasa
aku teringin untuk mencapainya
walau tersembunyi
tapi amat nyata
dan bau 'kasturinya'
masih dirahsiakan.

Maya Brunei

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar
PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:
PENERBIT HALAMAN PUISI,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam
Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer
(tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor dan salinan kad penge-
nalan, alamat penuh, nombor telefon, nombor dan salinan akaun bank, alamat
bank dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچان تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 11 OGOS	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	Ulangan SIARAN TAMAT	5.10	RETURN TO ATHENS	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	5.45	BERITA	9.15	DRAMA - 'Impian'	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkhawinan'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	GEDGET AND GIZMOS	9.30	JASA MU
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	HOME STYLE: REAL ROOM	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.35	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SINAR	10.30	B-LEAGUE 2004
				4.15	SESAME STREET	MALAM		11.00	DOKUMENTARI - 'Thailand'	
						7.00	LIPUTAN SEMASA	11.30	THE INVESTIGATOR II	
						7.25	LENSA PELAJAR	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						7.47	AZAN ISYAK			

K H A M I S 12 OGOS	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG	6.34	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkhawinan'	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	FIQHUL MIRATS	10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	SAJIAN KITA - Ulangan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		11.15	WAYANG PILIHAN - 'The Veronica Collection: Slow Violence'
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.15	KIDS HOUR - 'Super Little Fanta Heroes/Toy Toons'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
				5.10	ON THE BALL	7.25	WARTA ISLAM			
				5.45	BERITA	7.46	AZAN ISYAK			
				6.00	ESCAPES STORIES	8.00	BERITA NASIONAL			

J U M A T 13 OGOS	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung	3.55	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	7.25	INSPIRASI INSAN SENI	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.15	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB TAHUN 2004	PETANG	5.45	BERITA	7.46	AZAN ISYAK	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.15	INGIN TAHU	1.30	VISI SUCI	5.55	VET SCHOOL	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	6.34	CONFIDENTIAL	9.05	FIKIR-FIKIR
	9.00	BERITA	11.45	JEJAK RASUL SR. 8 - Ulangan	2.30	DINAMIK	6.45	AZAN MAGHRIB	9.30	QUANTUM
				3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Baadshah'	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
				3.43	AZAN ASAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.40	KHUTBAH JUMAAT	
								10.55	TELEDRAMA - 'Kancah Karenah'	
								12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT	

S A B T U 14 OGOS	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN		HIDUP - 'Cerangin Irama Sawah Pad' - Ulangan	4.15	BEYOND 2000	7.25	KLINIK KITA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	KIDS HOUR : 'IRIS, THE HAPPY PROFESSOR/BOB THE BUILDER'	12.26	AZAN ZUHUR	5.00	DOKUMENTARI - 'Islam Di Bumi Thailand'	7.45	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.55	OCEANS OF MYSTERY	PETANG	5.25	JAY JAY THE JET PLANE	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA : 'Kaca dan Permata' - Ulangan	12.50	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Thompson's Last Run'	5.45	BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.20	DOKUMENTARI	6.00	WILD RESCUE SR. IV	10.00	NEWS AT 10
				2.50	OUTER BOUNDS	6.34	AZAN MAHGRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'The Gingerbread Man'	
				3.20	LADY COP	6.45	PEDOMAN AQIDAH SR. 7			
				3.43	AZAN ASAR	MALAM		12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						7.00	DUNIA ASIA			

A H A D 15 OGOS	PAGI	10.10	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB TAHUN 2004	1.45	AVIVA ASIAN BOWLING TOUR 2003 - 'Hongkong Women'	5.45	WILDLIFE BERITA	8.50	KONVENSYEN KEBANGSAAN PROMOSI KESIHATAN	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.10	PIMPING	2.40	TETAMU SUKAN - Ulangan	6.10	BIOLOGIC	9.20	TIRAI KELUARGA - 'Kembang Siam'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.15	PETER BENCHLEY'S	6.33	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - 'See Jane Run'	3.42	AZAN ASAR	6.45	PENGAJARAN DARI AL-QURAN	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	9.00	BERITA	12.26	AZAN ZUHUR	4.15	ZURIAT	MALAM		11.20	MUTANT X - 'Dancing On The Razor'
				4.40	ASPIRASI - Ulangan	7.00	KUIZ KENALI TANAH AIRKU SR. 2	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT	
				5.10	ANIMATION - 'Sleeping Beauty'	7.45	AZAN ISYAK			
				5.35	TOYOTA WORLD OF	8.00	BERITA NASIONAL			

I S N I N 16 OGOS	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.33	AZAN MAGHRIB	9.30	MENARA SUMBER SR. 3	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	DRAMA - 'Harkat Wanita'	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	MENU JENAKA - Ulangan	4.15	KIDS HOUR - NILUS THE SANDMAN/THE ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI	MALAM		10.30	TETAMU SUKAN
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	DOKUMENTARI - 'Tech Watch'	5.15	HOW TO OUTDOOR	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	EXTREME MACHINE: FEAR OF FLYING - 'Crash Landing'
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.25	MASAK TARUS	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
				6.00	ANIMALIA	7.44	AZAN ISYAK			
						8.00	BERITA NASIONAL			
						8.50	DRAMA - LANDASAN			

S E L A S A 17 OGOS	PAGI		Sambungan	PETANG	6.33	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AL ISLAM	8.50	KAMPUNG KITA		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkhawinan'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	MALAM			
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	GELAGAT MENUMPAH - Ulangan	4.02	MUTIARA FIRMAN	7.00	DRAMA - 'Luahan Hatiku'	9.30	INSAAF
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	7.25	DOKUMENTARI - MENARA IMPIAN - 'Bidang Perhotelan'	10.00	NEWS AT 10
				4.15	KIDS HOUR - 'Cedric'			10.30	CHILDREN OF DUNE	
				5.00	DOKUMENTARI - 'Wild Film Special Pt.1'			11.15	MINI SERIES - 'Voyage Of The Unicorn'	
				5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	
				6.10	MARI BERCERITA					

Menteri-menteri Pengangkutan APEC bincang isu pembebasan perdagangan dan keselamatan

BANDAR SERI BEGAWAN 29 Julai. - Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan Negara-negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) telah mengadakan persidangan mereka bermula dari 27 hingga 29 Julai hari ini di Bali, Republik Indonesia. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah mengenai isu-isu yang berhubung kait dengan pengangkutan terhadap pembebasan perdagangan, pembangunan keupayaan manusia dan juga keselamatan.

Hadir mewakili Kerajaan Negara Brunei Darussalam di mesyuarat berkenaan ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria yang juga disertai oleh pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Dalam mesyuarat ter-

Oleh
Hj. Dayang HK

sebut, Menteri-menteri Pengangkutan APEC bertukar-tukar pandangan dan telah sepakat untuk menimbang pilihan-pilihan bagi meneruskan perkembangan ke arah mencapai matlamat pembebasan dan keterbukaan perdagangan serta pelaburan di rantau Asia Pasifik menjelang tahun 2010 bagi negara-negara ekonomi yang sudah membangun dan tahun 2020 bagi negara-negara ekonomi yang sedang membangun dengan menggalakkan pembebasan perkhidmatan pengangkutan bagi peningkatan dan pembangunan perkhidmatan pengangkutan yang kompetitif bagi menggalakkan pengintegrasian ekonomi yang lebih meluas.

Mesyuarat tersebut berakhir dengan Menteri-

menteri Pengangkutan APEC mengeluarkan Kenyataan Bersama yang antara lain menggariskan keutamaan-keutamaan bagi masa depan. Menteri-menteri APEC yang bersidang juga menekankan mengenai tindakan kolektif dalam APEC dalam melaksanakan pembebasan dan pemudahan perdagangan sejajar dengan kerjasama ekonomi dan teknologi.

Mesyuarat juga mengutamakan dan memastikan serta meletakkan isu sistem pengangkutan yang selamat, terjamin, berkesan dan bersepadu bagi rantau Asia Pasifik sebagai yang teratas di samping memastikan bahawa halangan-halangan keupayaan dalam sistem pengangkutan berkenaan juga dikurangkan agar barang dan perkhidmatan dalam dipindahkan dengan mudah serta selamat di semua negara-negara ekonomi.

Antara perkara-perkara

yang diutamakan dalam mesyuarat tersebut termasuklah pelaksanaan Sasaran Bogor terhadap perdagangan, pelaburan yang bebas dan terbuka, mengukuhkan teknologi baru dan amalan terbaik untuk memudahkan pengembaraan dan perdagangan, memperbaiki keselamatan pengangkutan dalam rantau ini, melaksanakan sasaran kenyataan Ketua-ketua Negara APEC terhadap penentangan terorisme, melaksanakan perdagangan dalam rantau APEC (Secure Trade In APEC Region, STAR), dan inisiatif-inisiatif keselamatan yang lain, memperbaiki keupayaan manusia dan pembangunan institusi, bekerjasama dengan pertubuhan antarabangsa yang bersamaan sasaran dan tujuan serta juga menyokong Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) melalui langkah-langkah pemudahan perdagangan.



DUTA Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Yashinobu Nisaka menyumbangkan koleksi kupu-kupu peribadinya kepada Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman. - Gambar oleh Hamadi HM.

UBD terima bahan kajian dan penyelidikan

TUNGKU, 22 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus menerima sumbangan pelbagai pihak sebagai usaha menambah bahan-bahan keperluan untuk dijadikan sebagai kajian dan penyelidikan.

Duta Besar Jepun ke negara ini, Tuan Yang Terutama Yashinobu Nisaka menyumbang sebahagian kupu-kupu koleksi peribadinya kepada UBD yang diterima oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman di Bilik Teknologi Info-Komunikasi di sini.

Menurut TYT, kupu-kupu tersebut adalah sebahagian dari koleksi pribadi sejak 40 tahun yang juga merupakan hasil penyelidikannya bersama ka-

Oleh
Abdullah Asgar

wan-kawan yang meminati kupu-kupu.

Katanya, koleksi kupu-kupu dibahagikan kepada dua kategori iaitu kupu-kupu Jepun yang dikenali oleh masyarakat Jepun sebagai pengembara, pemerhati alam semula jadi dan oleh penyelidik kupu-kupu.

Sementara kategori kedua pula meliputi kupu-kupu yang didapati di selatan Jepun yang mempunyai cuaca yang hampir sama dengan negara ini dan kupu-kupu juga hampir sama yang pernah dijumpai di negara ini.

Beliau menjelaskan,

antara koleksi kupu-kupu Jepun tersebut termasuklah dari spesies Papilio Macilents dan Papilio Xuthus, manakala yang diambil dari selatan Jepun antaranya Appias Pailina Minato, Junonia Almana dan banyak lagi.

Sumbangan tersebut adalah kali kedua dilakukan oleh Duta Besar Jepun, di mana sebelum ini beliau telah menyumbangkan kepada Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

TYT adalah salah seorang penggemar mengumpul dan menyelidik kupu-kupu atau rama-rama kerana kupu-kupu yang terdapat di dunia ini terdiri dari beribu jenis yang masih belum dikaji dan antaranya dijumpai.

Negara Brunei Darussalam sertai Minggu Budaya ASEAN Ke-2

BERAKAS, 3 Ogos - Negara Brunei Darussalam akan menyertai Minggu Budaya ASEAN Ke-2 yang akan diadakan di Ha Noi dan Ha Long, Viet Nam pada 6 hingga 13 Ogos. Seramai 18 orang ahli rombongan termasuk dua orang penata artis kreatif dan 10 pelakon menyertai rombongan tersebut. Menurut siaran akhbar delegasi negara ke Minggu Budaya ASEAN Ke-2 akan diketuai oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Mohd. Amin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Sirat dan Pengerusi Komite Nasional ASEAN-COCI Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr.

Minggu Budaya ASEAN Ke-2, salah satu projek yang terkandung dalam projek-projek yang telah dituluskan oleh Jawatankuasa Kebudayaan

Oleh
Hj. Dayang HK

dan Penerangan ASEAN, kali ini akan membawa tema, 'Kebudayaan ASEAN - Tradisi dan Kemodenan' (ASEAN Culture - Tradition and Modernity). Ianya bertujuan untuk memperkenalkan dan memberikan penghormatan kepada ciri-ciri khas kesenian dan kebudayaan tradisional ASEAN yang masih dipelihara dan diberigakan dalam konteks pemodenan dan globalisasi.

Seramai 150 orang penggiat dan pelakon kebudayaan dari semua negara-negara anggota ASEAN akan turut serta dalam minggu tersebut yang mana akan menyediakan pelbagai rancangan termasuklah seni lakon pentas, seni visual, pameran pakaian tradisional dan kraf tangan, perkhemahan kreatif bagi seni visual dan

juga Festival Makanan ASEAN. Perasmian Minggu Budaya ASEAN Ke-2 ini dijangka akan dirasmikan pada 8 Ogos ini, sementara ianya akan ditutup rasmi pada 11 Ogos di Pulau Tuan Chau.

Sehubungan dengan itu, satu majlis pratonton bagi persembahan yang akan dibawa ke Minggu Budaya ASEAN Ke-2 itu telah diadakan hari ini di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Pengendalian 'Minggu Budaya ASEAN' secara bergilir-gilir antara negara-negara anggota ASEAN telah disepakati dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999 dengan tujuan untuk memperkenalkan ciri-ciri budaya khas negara-negara anggota ASEAN, menggalakkan semangat persahabatan, setia kawan dan kerjasama erat di kalangan

anggota ASEAN dan rantau luar. Kejayaan projek ini dihasratkan akan dapat meningkatkan status politik, diplomatik dan kebudayaan negara-negara anggota di kalangan ASEAN dan di luar ASEAN.

Kumpulan Hotel Dorchester menyertai 'Royal Skies'

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Julai. - 'Royal Skies' salah satu produk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) melalui siaran akhbar hari ini berkata, bahawa Kumpulan Hotel Dorchester (The Dorchester Hotel Group) kini telah menjadi rakan kongsi mereka.

Bermula dari 1 Ogos tahun ini, ahli-ahli 'Royal Skies' akan menikmati keistimewaan untuk me-

Oleh
Hj. Dayang HK

ngumpul hitungan batu Skies di mana-mana lima buah hotel yang tersenarai di bawah Kumpulan Hotel Dorchester. Setiap satu penginapan akan melayakkan ahli kepada kumpulan 500 batu 'Royal Skies'.

Kumpulan Hotel Dorchester yang telah ditubuhkan pada tahun 1996

sebagai sebuah syarikat bebas yang berdaftar di London, adalah terdiri daripada Hotel Dorchester di London, Hotel Beverly Hills di California, Hotel Maurice dan The Plaza Athenee di Paris dan Hotel Priciple di Savoia, Milan.

Siaran akhbar RBA juga berkata bahawa dengan perkongsian tersebut ianya akan menjadi satu nilai tambah rakan 'Royal Skies' yang sentiasa ber-

kembang, di samping ahli-ahlinya dapat mengumpul kiraan batu Skies yang boleh dituntut bagi penerbangan percuma serta peningkatan taraf tempat duduk. Peluang peningkatan tempat duduk bermula daripada kumpulan hitungan batu Skies 5,000 batu, sementara tuntutan bagi penerbangan percuma adalah bagi kumpulan hitungan batu Skies sejauh 15,000 batu.

اعلان



BILANGAN 32

RABU 11 OGOS 2004

رابطو 24 جمادى الأخير 1425

PERCUMA



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

NO. PROJEK : JTB/BD/BTS/01/2004

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom yang berdaftar dalam P3 dan PX.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi :
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING FOR DRC EXPANSION ON A FULL TURNKEY BASIS.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan :-

JTB/BD/BTS/01/2004

"SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING FOR DRC EXPANSION ON A FULL TURNKEY BASIS".

Tanpa menunjukkan nama pemborong ditujukan kepada:- Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, simpang 259, Jalan Kebangsaan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari **Isnin, 6 September 2004** jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti berikut : Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Pengeluaran Tender dan Sebutharga, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan dengan pembayaran sebanyak B\$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Surat Jaminan Bank.
6. Rajah-rajah, spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Unit Perkhidmatan Teknikal BruNet, Bahagian Perkhidmatan Internet dan Multimedia, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
8. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah projek tersebut akan dikenakan.
9. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah diselesaikan dalam masa 3 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan tempoh sebutharga mestilah sah laku selama 12 bulan dari tarikh tutup tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

TAWARAN LESEN-LESEN INDUSTRI PENANGKAPAN IKAN DI KAWASAN-KAWASAN LAUT DALAM ZON EKONOMI EKSKLUSIF (EEZ) 3 DAN 4 DI PERAIRAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JABATAN Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memaklumkan bahawa masih terdapat beberapa kekosongan lesen-lesen perusahaan bagi industri penangkapan ikan dengan menggunakan alat pukat lingkong zon 3, alat pukat lingkong tuna zon 4 dan alat rawai tuna zon 4 di kawasan-kawasan zon ekonomi eksklusif (EEZ) perairan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk memohon lesen-lesen perusahaan berkenaan.

Untuk keterangan lanjut dan bagi mendapat borang-borang permohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi Seksyen Perkembangan Industri Tangkapan Perikanan, Muara di talian 2770066, 2772782 dan 2772781 pada masa-masa waktu bekerja. Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada **hari Selasa 20 September 2004** jam 4.30 petang



**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : RTB/15/04

Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF PANEL VAN FOR TRANSPORTING FLY-AWAY EQUIPMENT.

Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tarikh tutup : 16 Ogos 2004

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, ejen-ejen dan pengedar-pengedar bagi tawaran : "SUPPLY AND DELIVERY OF PANEL VAN FOR TRANSPORTING FLY-AWAY EQUIPMENT".
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperole-



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : T/11/PHQ/2004 - B

Tajuk Tawaran : REPLACE THE EXISTING UNDERGROUND CABLE SUPPLY & LAY LPE/SWA/PVC/CABLE TO REPLACE THE EXISTING UNDERGROUND CABLE & SUPPLY AND INSTALL STREET LIGHTING AT BLOCK A, B, C, D & E AT ISTANA DARULHANA JALAN TUTONG BRUNEI DARUSSALAM FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE.

Yuran Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : T/12/PHQ/2004 - B

Tajuk Tawaran : PROPOSED NEW FENCING WORKS AT POLICE HEADQUARTERS AND JABATAN SIASATAN & KAWALAN LALULINTAS GADONG FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE.

Yuran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : T/13/PHQ/2004 - B

Tajuk Tawaran : PROPOSED IMPROVEMENTS TO EXISTING CAR PARKS FOR ROYAL ESCORT CARS AT JALAN PG. BABU RAJA KG. BERIBI GADONG FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE.

Yuran Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : T/14/PHQ/2004 - B

Tajuk Tawaran : PROPOSED IMPROVEMENTS TO EXISTING TENNIS COURTS AT OFFICERS MESS POLICE HEADQUARTER GADONG FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE.

Yuran Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : T/15/PHQ/2004 - B

Tajuk Tawaran : PROPOSED NEW GYM AND SPA COMPLEX AT OFFICER'S MESS POLICE HEADQUARTER GADONG FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE.

Yuran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran, Borang Tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Unit Pembelian dan Perbekalan, Bilik No: 7, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang bertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam BB 3910 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, **hari Isnin 23 Ogos 2004**.
3. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) hendaklah dibayar dengan wang tunai sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja di Unit Kewangan, Tingkat II, Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah dan lain-lain tawaran.
6. Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai Kelayakan Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku dan hendaklah disertakan bersama.

hi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Draussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan pembayaran sebanyak \$25.00 (tidak dikembalikan).

3. Pembayaran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.
4. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
5. Tarikh tutup tawaran ialah **hari Isnin, 16 Ogos 2004**, jam 2.00 petang.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :
Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan.
7. Bagi pembekalan barang Syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, barang tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Radio Televisyen Brunei daripada pihak pembekal atau pembuat luar negeri, oleh yang demikian mestilah memasukkan cukai import (jika dikenakan cukai).
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

